


Jilid IV
Bil. 24



Hari Jumaat
22hb Jun, 1990

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA
Perubahan Tarikh Mesyuarat Dewan Rakyat [Ruangan 4897]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4897]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 5006]

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir [Ruangan 5007]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan
Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONO SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RrrHAUDEEN AL-
HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI RAFIDAH Aziz,
S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO,
DR HAI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M.,
S.M.K. S.S.S.A. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN
YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan),

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAMM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,
S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.
(Merbok).

„ Menteri Perumahan dan Kcrajaan Tempatan, DATUK LEE KIM SAI,
D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).

- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN No CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.I.J., P.N.B.S., D.P.M.S., S.S.S.A., K.M.N., P.I.S. *U*, (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO MUSTAPPA BIN MOHAMMAD, D.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Timbalan Yang di-Perlua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perlahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER Yu LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.H.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., p.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' HAJI MOHD. KHAUD BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, O.P.M.S. (Titawangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CHE TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH Kui (Lambir).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, DATUK ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TOAN HAJI ABDUL MANAP BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI Nnc ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N. B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ DATO' HAI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., JP. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).

Yang Berhormat TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).

- DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENO CHAI (Petaling Jaya).
- TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN @ SHAFAINN, A.M.N. (Tanah Merah).
- TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, S.M.S., P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN Hu SEPANO (Rasah).
- TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL @ MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- TUAN LAUDAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG @ GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Metaka).
- TUAN LIM Krr SIANG (Tanjong).
- PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- TUAN MAIDOM P. PANSAL (Kota Belud).
- TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, PJ.K. (Maran).

- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri),
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.H. (Alor Gajah)
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAMB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., PJ.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.U., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.I., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J, (Limbawang).
- „ TUAN MUTANO TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN-NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATO' Oo GJN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).

Yang Berhormat DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).

TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).

DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).

DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).

DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S, (Jelebu).

Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang),

„ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).

TAN SRI HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., S.P.D.K., J.P. (Semporna).

TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

„ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

„ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).

TOAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

„ PUAN Sm ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).

„ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).

„ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).

TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

DR TAN SENG GIAW (Kepong).

TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).

TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

TUAN TIEU SUNG SENG @ Tiu SIING SENG (Sibu).

TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

„ Tuan D.P. Vijandaran (Kapar)

„ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

„ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).

„ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).

DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).

DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).

TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWANRAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penyunting: P. B. Menon

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 22hb Jun, 1990

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

*(Timbalan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)***PENGUMUMAN TIMBALAN
YANG DI-PERTUA****Perubahan Tarikh Mesyuarat
Dewan Rakyat**

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak membuat pengumuman di Dewan hari ini iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Ketua Majlis telah membuat perubahan mengenai tarikh mesyuarat Dewan Rakyat yang berjalan sekarang mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(2) dengan menambah satu hari lagi persidangan Dewan iaitu pada hari Isnin, 25hb Jun, 1990 untuk memberi masa yang lebih lagi bagi Dewan Rakyat membahaskan Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Kerajaan.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN****HASIL PERTANIAN—LANGKAH
MENINGKATKAN
PENGELUARAN**

1. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah yang telah

diambil supaya semua hasil pertanian termasuk buah-buahan yang ditanam di dalam negara ini mengeluarkan hasil yang baik sebagaimana negara jiran kita Thailand, umpamanya sekarang ini musim durian, boleh kita lihat merata-rata pekan dan jalan-jalan menjual "durian Siam" sehinggakan ada pertandingan makan durian dan jamuan dan berbagai-bagai lagi, kalau ini dibiarkan akan menjejaskan pengeluaran pertanian di negara ini di masa-masa yang akan datang jika tidak dibendung.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Ong Tin Kim): Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk meningkatkan hasil pertanian di negara kita untuk mempersetandingkan dengan negara-negara lain adalah seperti berikut:

- (i) Meneruskan penyelidikan pertanian untuk meningkatkan kualiti dan menggunakan teknologi yang sesuai dan lebih ekonomi untuk pengeluarannya. Teknologi yang lengkap termasuk untuk tujuan eksport buah-buahan seperti belimbing, betik eksotika, jambu batu dan pisang mas, sayuran dan bunga-bunga sedang ataupun telah disediakan;
- (ii) Penanaman di kawasan agro iklim yang sesuai untuk memperbaiki tahap pengeluaran;
- (iii) Menggalakkan pengeluaran secara komersial supaya mendapat kelebihan economies

of scale, dengan izin, di mana pengeluaran adalah lebih cost effective, dengan izin, dan juga kualiti dapat dikawal; dan

- (iv) Mengatasi masalah pengeksportan buah-buahan, sayur-sayuran dan bunga-bunga sama ada dalam bentuk segar ataupun iclah diproses. Di antara kajian yang dijalankan ialah pelaksanaan rawatan hasil pertanian, pncendalian lcpas tuai dan pembungkusan. Ini akan menjamin bahan pertanian kita diterima oleh negara-negara pengimport.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji

Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau kita dengar jawapan yang telah diberikan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian berkenaan dalam soal seperti ini kita rasa amat berpuas hati dan senang. Tetapi saya ingin mengemukakan soalan tambahan iaitu adakah Kerajaan sedar bahawa Kemcncncrian Pertanian ini gagal dalam usaha mengeluarkan hasil-hasil walaupun masa begitu lama dan per-untukan begitu besar.

Adakah Kerajaan sedar bahawa rakyat Malaysia yang telah menikmati dengan buah-buahan dan sayur-sayuran dan sebagainya adalah hasil daripada negara jiran dan bukan daripada negara sendiri, walaupun kita mengagung-agungkan dengan kebolehan kita. Misalnya durian, kita juga dapat makan durian terus menerus hari ini daripada pengeluaran negara jiran dan kalau di negeri Kelantan kami tidak nampak hasil melalui pertanian daripada usaha Kerajaan sendiri. Begitu juga kalaulah tidak ada pengeluaran sayur daripada negara jiran yang berdekatan dengan Kelantan, mungkinlah kita tak dapat menikmati sayur-sayuran dan begitu juga beras. Kalau sekiranya Kerajaan sedar, apakah langkah-langkah yang akan diambil dan akan dilakukan supaya sekurang-kurangnya dapat menandingi

dengan hasil pertanian yang dikeluarkan oleh negar jiran?

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa yang mengatakan Kementerian telah gagal untuk mengeluarkan buah-buahan dan sayur-sayuran yang bermutu tinggi kerana sampai hari ini kita dapati kita telah berjaya untuk meningkatkan bukan sahaja kualiti, mutu keluaran pertanian kita seperti buah-buahan, sayur-sayuran dan bunga-bunga tetapi kita juga lelah dapat meningkatkan kuantiti pengeluaran perlanian kita sampai sekarang bukan sahaja kita dapat menjual bahan-bahan pertanian kita di negara kita, tetapi juga kita telah dapat mengeksport keluaran pengeluaran perianian kita ke negara-negara bukan sahaja seperti Singapura dan Hongkong tetapi juga Eropah Barat iaitu seperti buah belimbing, tembikai dan betik eksotika. Bukan sahaja buah-buahan tetapi kita juga dapat eksportkan sayur-sayuran ke negara seperti Singapura dan juga Hongkong. Sclain daripada itu kita juga mengeksportkan bunga-bunga ke negara-negara jiran kita seperti Hongkong dan Singapura.

Ini semua menunjukkan bahawa bukan sahaja kita telah berjaya dalam bidang pertanian tetapi juga kita telah berjaya mempertingkatkan kualiti dan juga kuantiti pengeluaran pertanian kita.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji

Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, bukanlah rahsia umum lagi bahawa kalau kita hendak makan buah, buah Siam, kalau hendak durian, durian Siam, malah kalau hendak kahwin pun kahwin Siam. Oleh ita "Lawatan Sambil Belajar" jugaselalu dibuat ke negara Siam atau Thailand. Soalan tambahan saya, sejauh manakah rahsia teknologi penyuburan dan petn-buahan dari negara jiran itu telah dapat kita perolehi memandangkan kita banyak memberikan rahsia-rahsia

tentang bagaimana penyuburan pertanian kita kepada orang-orang lain umpamanya tentang tanaman kelapa sawit. Jadi, apakah rahsia tanaman daripada negara lain terutamanya daripada negara Thailand yang dapat kita peroleh?

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, program lawatan sambil belajar ini adalah satu program yang dijalankan oleh Kementerian Pertanian. Program ini dapat memberi manfaat kepada kita, khasnya di dalam bidang pertanian, kerana kita dapat mempelajari sedikit sebanyak teknologi pengeluaran dari negara-negara yang kita lawati, terutamanya kita dapat belajar teknologi pengendalian selepas tuai untuk mengeksport ke negara-negara luar. Kita mesti mengakui bahawa semasa ini kita tidak dapat mengatasi soalan pengendalian selepas tuai berkenaan dengan pengeluaran pertanian kita seperti pisang. Kita hendak mempelajari teknologi ini daripada negara-negara yang maju seperti Taiwan dan juga Thailand.

Selain daripada itu, mengenai teknologi penanaman, kita dapat memperoleh juga manfaat kepada pertanian kita. Tetapi yang teruimanya ialah teknologi pengendalian selepas tuai dan pengurusan untuk mengeksport buah-buahan, sayur-sayuran dan juga bahan-bahan lain.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Hashim bin Safin.

(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Hashim bin Safin tidak hadir)

SUHU DI CAMERON HIGHLANDS—PENINGKATAN

3. Tuan P. Patta minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyalakan sama ada beliau sedar bahawa suhu di Cameron Highlands telah meningkat kebelakangan ini sehingga 2 darjah

Celsius dan ini telah menjadikan Cameron Highlands tambah panas akibat penebangan pokok-pokok hutan di situ sepertimana didedahkan oleh pihak Kerajaan negeri Pahang Darul Makmur. Jika ya, apakah tindakan Kementerian beliau untuk memastikan bahawa projek lebuh raya menyambung Genting Highlands, Bukit Fraser dan Cameron Highlands yang dijangka menelan perbelanjaan lebih kurang \$2 bilion sepertimana diumumkan oleh Timbalan Menteri Kerjaraya, Datuk Alex Lee, beberapa ketika dahulu, tidak dilaksanakan demi menjaga alam sekitar yang bersih dan juga suhu di ketiga-tiga bukit tidak meningkat dan ia tetap menjadi tempat tumpuan pelancongpelancong.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memang sedar akan berlakunya peningkatan suhu di Cameron Highlands.

Mengikut rekod Jabatan Perkhidmatan Kajian Cuaca dari stesyen pengawasannya di Cameron Highlands, suhu telah meningkat cuma sebanyak 0.7 darjah Celsius dalam tempoh 1967 sehingga 1987. Kenaikan suhu di Cameron Highlands itu adalah bcrpunca daripada kesan interaksi beberapa faktor yang mana paling penting ialah kesan pembangunan setempat. Keadaan interaksi yang kompleks itu menyebabkan kesukaran mengasingkan sumbangan setiap faktor kepada kenaikan suhu yang dikesan.

Jabatan Perkhidmatan Kajian Cuaca sedang merancang satu program penyelidikan bersistematik bertujuan meneliti masalah saintifik ini.

Mengenai cadangan projek lebuh raya yang menyambung Genting Highlands, Bukit Fraser dan Cameron Highlands, suatu kajian penilaian kesan-kesan kepada alam sekitar atau EIA akan dijalankan, dan laporannya akan dikaji sebelum pelaksanaan projek tersebut.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, saya amat terperanjat dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri oleh kerana angka yang diberi oleh beliau adalah untuk tempoh 20 tahun iaitu tahun 1967 hingga tahun 1987. Tetapi mengikut satu pengumuman daripada pihak Kerajaan Negeri Pahang sendiri baru-baru ini iaitu tahun 1990, maka peningkatan suhu ini berlaku dalam tahun-tahun 1988, 1989 dan 1990. Kenapa Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak mahu beri angka-angka peningkatan suhu bagi tempoh ini? Kenapa beliau bergantung kepada tahun 1967 hingga 1987 sahaja? Itu satu.

Yang kedua, mengenai laporan EIA bersabit dengan projek lebuh raya menyambung Genting Highlands, Bukit Fraser dan Cameron Highlands, ingin saya mendapat tahu sama ada pihak Kementerian beliau sudahpun dimaklumkan bahawa projek ini tentu akan dilaksanakan ataupun ia cuma satu "idea" daripada bekas Menteri Kerjaraya yang kini bukan lagi Menteri Kerjaraya, oleh kerana ada satu kajian yang dibuat oleh satu konsortium syarikat daripada luar negeri mengenai projek ini. Sekiranya ya, apakah pendirian Kementerian beliau sendiri sebelum mereka menunggu untuk laporan EIA ini?

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan tambahan pertama, jawapan saya adalah ianya didapati daripada rekod-rekod yang saya ada. Jabatan Kajicuaa di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sememangnya telah mengawasi dan merekodkan perubahan suhu dikebanyakan stesyen di seluruh negara termasuk Cameron Highlands, dan Kementerian akan membuat sedemikian dalam masa yang akan datang. Ini ialah rekod yang dipunyai sebenarnya dan jikalau dibandingkan dengan kenaikan suhu purata sedunia

iaitu 0.4 darjah Celcius dalam tempoh yang sama, mungkin kenaikan suhu dalam negeri ada sedikit melebihi angka purata sedunia itu. Ini mungkin disebabkan oleh faktor-faktor seperti pembangunan setempat atau sebagai fenomena dunia atau "world trend".

Mengenai soalan kedua yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu, Kcmenterian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar hanya akan membuat penilaian selepas kita mendapat laporan yang akan dikemukakan oleh pihak yang bertanggungjawab, dan kita hanya memberi nasihat kepada pihak yang bertanggungjawab yang melaksanakan projek itu. Pada masa itu ia juga akan termasuk pandangan daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar peningkatan suhu sebanyak satu darjah atau 0.7 darjah ataupun 2 darjah Celcius sahaja akan membawa kesan yang paling buruk kepadaimbangan alam sekitar di tempat-tempat tertentu? Maka bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan sama ada Jabatan Kajicuaa adalah Jabatan yang sesuai untuk mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan peningkatan suhu itu ataupun setelah ditetapkan di seluruh dunia ini bahawa pemusnahan hutan-hutan rimba adalah sebab ataupun faktor utama yang menyebabkan peningkatan suhu ini? Jika ya, kenapa tidak ada membuat satu kajian tetap dan tepat supaya memastikan "once and for all", dengan izin, kesan buruk kepada alam sekitar yang disebabkan oleh pembalakan kayu-kayu di hutan rimba itu. Itulah soalan pertama.

Soalan yang kedua, sekiranya Kementerian Kerjaraya tidak mengikut kehendak-kehendak di bawah

Environmental Quality Control Act, dengan enggan mengemukakan satu EIA, adakah Yang Berhormat Menteri atau Menteriannya sanggup melaksanakan penalti yang ada di bawah undang-undang itu untuk membawa Menteri Kerjaraya ke mahkamah dan menghukum sebanyak \$10,000 sehari sebab tidak menunaikan syarat-syarat yang sudah ada? Adakah undang-undang ini realistik dan adakah ia berkesan untuk melindungi alam sekitar negara ini?

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perkhidmatan Kajiucua di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah menubuhkan satu Kumpulan Kerja Kebangsaan Mengenai Perubahan Cuaca yang mana disertai juga oleh wakil daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang sedang menguruskan kajian-kajian mengenai perubahan suhu di negara ini dan cadangan mengenai langkah-langkah kawalan dan pencegahan akan dikeluarkan untuk dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan khasnya Kerajaan Negeri atau Kerajaan Tempatan.

Mengenai soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Bandar Kuching bahawa kenaikan suhu adalah disebabkan oleh kegiatan pembalakan, ini masih belum ditentukan oleh mana-mana pihak. Sebagai satu contoh, di negara-negara yang telah maju, semua hutan telahpun dibalok dan ini nampaknya tidak ada apa-apa kesan ke atas suhunya. Dengan itu pembalakan kayu mungkin adalah satu faktor sahaja dan bukan satu faktor yang utama kepada perubahan cuaca.

Mengenai penilaian kesan-kesan kepada alam sekitar, pada masa sekarang memanglah undang-undang yang diperolehi adalah mencukupi untuk keadaan sekarang.

PINGAT GAGAH BERANI (PGB)—IMBUHAN KEPADA PEMEGANG

4. Tuan Jawab Anak Gerang minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) oleh sebab Kerajaan sudah meluluskan undang-undang untuk memberi imbuhan sebanyak \$200 sebulan kepada Seri Pahlawan Gagah Perkasa (SP) sama ada Kerajaan bercadang juga untuk memberi imbuhan tersebut kepada pemegang Pingat-pingat Gagah Berani (PGB); dan
- (b) bilangan bekas tentera yang menerima Pingat Gagah Berani (PGB) dan Seri Pahlawan (SP) di seluruh negara setakat hari ini.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan memang bercadang untuk menimbangkan pemberian imbuhan atau elaun kepada pemegang-pemegang Pingat Gagah Berani (PGB). Cadangan ini telah dimasukkan di dalam ulasan Kememorian Pertahanan semasa perbincangan deraf Akta Seri Pahlawan Gagah Perkasa (SP). Memandangkan Kerajaan memikirkan bahawa ianya adalah dua anugerah yang berbeza, Kerajaan telah memutuskan cadangan pemberian imbuhan atau elaun bagi pemegang Pingat Gagah Berani (PGB) hendaklah dikaji secara berasingan. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah memutuskan dan meluluskan pembayaran imbuhan atau elaun kepada pemegang-pemegang Seri Pahlawan Gagah Perkasa (SP) di bawah Akta 439—Akta Seri Pahlawan Gagah Perkasa (SP) tersebut yang baru diwartakan pada 10hb. Mei, 1990. Perkara pemberian imbuhan atau elaun kepada penerima-penerima PGB dan penyediaan Akta khusus untuk Pingat

Gagah Berani (PGB) masih di peringkat kajian lanjut pihak Kementerian Pertahanan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa imbuhan \$200 scbulan yang diberikan kepada pemegang-pemegang Pingat Seri Pahlawan Gagah Perkasa adalah satu amaun yang tidak realistik dan tidak mempunyai apa-apa maksud kepada mereka yang berkenaan. Saya ingin bertanya sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula amaun \$200 supaya ia dapat ditambah kepada satu paras yang lebih realistik kepada mereka yang berkenaan.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak dapat menilaikan nyawa seorang perajurit apabila mereka gugur di dalam satu pertempuran dengan musuh di dalam satu operasi. Jadi, Pingat SP yang diberikan kepada mereka baik yang gugur atau masih hidup yang menunjukkan keperwiraan mereka apabila mengambil bahagian di dalam sebuah operasi. Jadi imbuhan yang baru diberi oleh Kerajaan setakat ini ialah sebagai kenangan manis kepada balu-balu mereka apabila suami mereka menerima Pingat Seri Pahlawan Gagah Perkasa. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa imbuhan ini baru sahaja diberi mengikut Akta 439 yang telah diwartakan pada 10hb Mei pada tahun ini.

YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA—JUMLAH DERMA

5. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (a) amaun derma yang diterima dari Yayasan Kebajikan Negara sejak ditubuhkan dalam tahun 1981 sehingga sekarang;

- (b) berapa banyak yang dibayar keluar oleh Yayasan sehingga kini dan bagi tujuan apa; dan
- (c) siapakah penyumbang-penyumbang tetap ke dalam Tabung Yayasan dan berapa banyak yang telah disumbangkan oleh Lembaga Loteri Kebajikan Masyarakat sehingga kini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) jumlah derma yang diterima oleh Yayasan Kebajikan Negara sejak ditubuhkan dalam tahun 1981 sehingga sekarang ialah kira-kira \$29.87 juta;
- (b) setakat ini wang yang telah dikeluarkan oleh Yayasan Kebajikan Negara berjumlah kira-kira \$13.8 juta dan ianya telah diberi dengan tujuan seperti berikut:
- bantuan perubatan kepada individu;
 - bantuan kepada mangsa-mangsa ribut, banjir dan kebakaran;
 - bantuan kepada institusi-institusi kebajikan dan perubatan;
 - bantuan kepada orang cacat; dan
 - bantuan kepada pertubuhan-pertubuhan sukarela.
- (c) Yayasan Kebajikan Negara tidak pernah menerima sumbangan tetap daripada mana-mana pihak untuk tabung kewangannya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua hasil daripada operasi Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan hendaklah diserahkan kepada Kumpulanwang Yang Disatukan mengikut Akta Lembaga Loteri Perkhidmatan

Masyarakat dan Kebajikan 1950 sehingga 1962. Oleh yang demikian, Yayasan Kebajikan Negara tidak pernah menerima apa-apa sumbangan secara langsung daripada Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan. Walau bagaimanapun, sehingga kini sebanyak kira-kira \$28 juta telah diperuntukkan untuk Yayasan Kebajikan Negara oleh Kerajaan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucap tahniah kerana Yayasan ini telah berjaya dalam usaha-usahamereka. Saya ingin bertanya berapa banyakkah yang telah disumbangkan oleh kumpulan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional semasa mengadakan Malam Yayasan baru-baru ini dan DAP selama ini cuma cakap banyak sahaja. Apakah usaha yang mereka buat untuk memberi sumbangan sebagaimana yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional baru-baru ini. Mereka hanya setakat tahu mengkritik, tetapi Ahli-ahli Barisan Nasional mengambil daya usaha dalam kesibukan kami untuk mengadakan Malatn Yayasan bagi membantu Yayasan Kebajikan Negara (*Tepuk*).

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tiada angka di sini untuk berapa dikutipkan pada malam itu. Kalau hendak, saya boleh memberikan angka ini secara bertulis. Memang sebenarnya saya harap bukan sahaja Yang Berhormat dari Barisan Nasional perlu menolong atau cuba memberikan sumbangan kepada usaha-usaha Yayasan Kebajikan, tetapi saya juga berharap pihak Pembangkang pun dapat membuat apa-apa yang sedapat boleh cuba menolong Yayasan Kebajikan untuk mengutip lebih derma lagi supaya Yayasan Kebajikan ada kemampuan untuk menolong ramai orang yang kurang bernasib baik.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, beberapa bulan yang lepas terdapat serangan daripada angin puting beliung di kawasan Kampung Semariang Baru di seberang Sungai Sarawak, iaitu Petra Jaya dan beberapa buah rumah telah musnah hingga bumbung rumah kadang-kadang yang baru didihkan pun diterbangkan oleh angin ke tempat yang lain. Soalan saya ialah berapakah jumlah sumbangan daripada pihak Kementerian terhadap kemusnahan mreka yang terlibat oleh angin puting beliung ini.

Yang kedua, didapati sumbangan kepada orang tua yang menerima sumbangan kebajikan didapati tidak begitu memuaskan, ada yang \$10 sebulan, \$15 sebulan, \$30, kadang-kadang ada yang dahulu pernah menerima tetapi dipotong. Jadi, adakah pihak Kerajaan bercadang untuk meningkatkan jumlah yang diberi supaya saya rasa ianya lebih munasabah dan mampu untuk menyara hidup sedikit sebanyak mereka yang menerima bantuan daripada pihak Kementerian.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kedua-dua soalan itu terkeluar dari soalan asal kerana soalan ini mengenai dengan Yayasan Kebajikan, bukan Kementerian Kebajikan Masyarakat. Tajuk-tajuk itu ada berlainan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat duduklah, tak dibenarkan lagi.

PERUSAHAAN PERIKANAN LAUT DALAM

6. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa sektor perikanan di negeri

Kelantan sedang menghadapi kekurangan tenaga pekerja dalam industri laut dalam. Di antarakekurangan yangketara sekali ialah berkekurangan tenaga nelayan yang berkemahiran untuk bekerja sebagai Awak di dalam industri Laut Dalam dalam itu walaupun langkah sementara boleh diambil dengan cara mengambil nelayan-nelayan asing sebagai Awak itu, tetapi mereka menghadapi berbagai-bagai kesukaran terutama sekali untuk mendapatkan permit-permit dan dokumen-dokumen yang diperlukan untuk membolehkan mereka menjalankan pekerjaan itu. Adakah pihak Kementerian bersedia memberi kelonggaran kepada nelayan-nelayan asing itu sementara mendapatkan tenaga tempatan yang terlatih untuk menjalankan kegiatan itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Ong Tin Kim); Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian menyedari tentang keengganan penduduk tempatan bekerja di atas bot-bot menangkap ikan terutamanya yang terlibat dengan perusahaan perikanan laut dalam. Sehubungan dengan perkara ini, Kementerian telah membuat satu kelonggaran tentang penggunaan tenaga pekerja asing selaras dengan Seksyen 10(1) subseksyen (1)(c) di mana pemilik bot-bot menangkap ikan komersial 40 tan ke atas dibenarkan mengupah pekerja-pekerja asing, tetapi bot-bot yang ingin menggunakan nelayan bukan warganegara Malaysia hendaklah mendapat kelulusan dari Jabatan Perikanan terlebih dahulu. Setakat ini kelulusan untuk menggunakan lebih kurang 3,000 orang tenaga pekerja asing telah dikeluarkan untuk dipertimbangkan oleh Jabatan Perikanan. Pemohon-pemohon hendaklah mengemukakan permohonan kepada Pengarah Perikanan Negeri dengan menggunakan borang-borang tertentu berserta dengan satu salinan Pasport Antarabangsa-ataupun pas pelaut dan dua keping gambar. Kementerian mula meluluskan penggunaan nelayan asing ini pada tahun 1989 dan akan menyalur

keluar nelayan tersebut dalam masa 10 tahun. Setiap tahun 10% bilangan nelayan asing ini akan dikurangkan. Dalam masa 10 tahun, Kementerian berpendapat ramai rakyat tempatan akan berlatih dan berkemahiran untuk bekerja di atas bot-bot tempatan, terutama yang terlibat dalam perusahaan laut dalam.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu daripada pihak Kementerian dalam usaha hendak menurunkan peratus Awak-awak asing sebagaimana yang dijelaskan tadi, apakah setakat ini mencapai kemajuan kerana di antara lain usaha ini dibuat melalui usahasama KNI Industries atas alasan untuk melatih Awak-awak daripada anak-anak tempatan, sebagai alasan untuk mengizinkan mereka menjalankan perusahaan laut dalam sebelum ini. Setahu saya boleh dikatakan tidak ada, kekurangan, malah makin kurang Awak-awak di kalangan anak-anak tempatan, manakala dari kalangan negara jiran makin bertambah. Soalan saya, keizinan untuk menggunakan Awak-awak asing adalah sebagai satu tektik dan sandiwara pihak-pihak tertentu untuk mengadakan usahasamapenangkapan ikan lautdalam melalui KNI Industries sebagai satu perlindungan, bukan semata-mata dari segi hendak meningkatkan latihan kepada anak-anak tempatan untuk menjadi Awak-awak bagi perusahaan lautdalam.,

Kedua, saya ingin mendapat tahu dalam usaha hendak meningkatkan Awak-awak dalam bidang industri laut dalam ini sejauh manakah kemajuan telah dicapai oleh institut perikanan yang berada di Pulau Pinang. Apakah kajian semula akan dibuat supaya institut ini benar-benar berkesan dalam usahamelatih nelayan-nelayan tempatan menjadi nelayan yang mahir, seperti mana negara-negara Korea ataupun Jepun,

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya menafikan apa-apa yang

telah dituduh oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas bahawa bekerjasama dengan KNI itu adalah semata-mata satu sandiwara. Sebenarnya saya ingat sandiwara yang dimainkan ialah oleh parti Pembangkang dan juga Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas (*Tepuk*). Kerajaan dan Kementerian Pertanian memang bersungguh-sungguh untuk meningkatkan bukan sahaja kemahiran nelayan-nelayan tempatan anak-anak kita, tetapi juga untuk meningkatkan pengeluaran tangkapan ikan negara kita. Dari anggaran-anggaran yang saya dapat bahawa eksport ikan ke negara luar telah meningkat tahun demi tahun. Pada tahun 1988 cuma kita mengeksport lebih kurang 700 juta, tetapi pada tahun sudah, iaitu 1989 angka ini telah meningkat kepada 800 juta. Ini telah menunjukkan bahawa eksport ikan kita ke luar negeri telah meningkat. Kita tidak dapat memperolehi kejayaan ini sekiranya kita tidak dapat meningkatkan kemahiran anak-anak nelayan-nelayan tempatan.

Berkenaan dengan soalan kedua iaitu Institut Latihan di Pulau Pinang itu telah dan sedang menjalankan latihan anak-anak nelayan kita dan juga anak-anak tempatan kita. Setakat ini Institut ini telah melatih sebanyak 518 orang nelayan selama 4 tahun dan anggaran ini akan ditingkatkan tiap-tiap tahun seramai 100 sampai 190 orang. Jadi, dengan peningkatan latihan anak-anak nelayan tempatan ini, kita ada keyakinan bahawa penggunaan nelayan asing itu akan dikurangkan. Sebenarnya, dari tahun sudah sampai tahun ini kita telah berkurangan lebih kurang 10% nelayan-nelayan asing dari bekerja di atas bot Laut Dalam kita.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut jawapan daripada Setiausaha Parlimen bagi Kementerian yang berkenaan, nampaknya negara kita masih perlu nelayan asing untuk menjalankan kegiatan perikanan Laut Dalam, deep sea fishing. Tetapi di antara lain di mana kita dapati bahawa nelayan-nelayan

tempatan masih menghadapi beberapa kesulitan untuk mencari rezekinya. Apa sebabnya? Adakah kerana mereka tidak berminat untuk menjadi nelayan-nelayan di Laut Dalam ataupun mereka hanya minat untuk menangkap ikan di tepi laut sahaja? Saya minta Setiausaha Parlimen itu memberi satu penjelasan yang jelas terhadap perkara ini.

Yang kedua, menurut jawapan daripada Setiausaha Parlimen juga di mana dapati bahawa Malaysia sedang mengeksport ikan-ikan kepada hegeri lain. Adakah benar bahawa Malaysia juga import ikan-ikan daripada negara-negara yang berhampir dengan kita, daripada negara jiran? Adakah ini satu percanggahan ataupun satu sandiwara yang sebenarnya mencerminkan kelemahan Barisan Nasional?

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji itu menunjukkan dia kurang faham tentang perusahaan perikanan (*Tepuk*). Yang nombor satu, anak tempatan itu segan hendak kerja di bot-bot Laut Dalam kerana pekerjaan ini sangat susah. Jadi, kita telah sampai ke tahap kemakmuran, negara kita sudah sampai ke tahap itu. Anak-anak tempatan ada pilihan, pilih kerja yang lebih senang, pendapatan yang lebih (*Tepuk*) daripada bekerja di atas bot-bot di Laut Dalam. Ini satu pilihan, alternatif. Kita ada banyak alternatif, anak tempatan kita ada alternatif berbanding dengan negara-negara jiran. Mereka itu tidak ada alternatif. Mereka terpaksa bekerja susah di bidang pekerjaan yang susah, ini nombor satu. Nombor dua,...

Tuan Lau Dak Kee: Don't run down the Malaysians, please. Don't run down the Malaysians.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pasir Pinji, biar dia jawab.

Tuan Ong Tin Kim: Nombor dua ... bukan run down the Malaysians. Kita semua hendak cari kemewahan. Jadi, anak kita hendak cari kemewahan, itu run down the Malaysianskah? Jadi, kita hendak pujuk anak kita cari yang susah, hendak cari kemiskinan? Saya ingat ini sandiwara yang kita tidak mahu main (*Ketawa*). Mungkin Parti Pembangkang yang suka main.

Berkenaan dengan import-eksport ini, saya ingat Ahli Yang Berhormat itu kurang faham. Kita eksport ikan-ikan yang mahal. Kita tidak mahu makan ikan-ikan yang mahal, kita eksport untuk mendapat banyak duit asing dari luar negeri. Tetapi kita import juga, import itu jenis ikan yang kita tidak dapat, yang tidak ada di negara kita, lautan negara kita ataupun ikan yang rendah, murah (*Ketawa*). Kita makan ikan murah yang diimport dan dieksport ikan yang mahal itu. Saya ingat ini parti Pembangkang tidak dapat memahami. Mana satu negara pun tidak dapat mengeluarkan segala yang dikehendaki oleh negara itu. Kita mesti eksport barang-barang yang kita ada lebih dan kita import yang mana kita tidak ada ataupun kita import yang kita ada, tetapi murah, macam beras. Kita tidak mahu tanam banyak sangat (*Ketawa*) kerana beras market antarabangsa itu murah, kita beli. Kalau kita tanam padi di negara ini kosnya lebih mahal daripada kos market di antarabangsa. Itulah kita import ikan dan juga eksport. Tetapi kita import cuma lebih kurang \$300 juta sampai \$400 juta. Tetapi kita eksport 800 sampai 900 juta. Itulah pendapatan kita (*Tepuk*).

DAGANGAN MALAYSIA— NEGARA-NEGARA RAKAN

17. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan, sejak tahun 1988, negara-negara rakan dagangan Malaysia, di mana Malaysia telah memperolehi

lebih dagangan dan sebutkan berapakah nilai kesemuanya.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat telahpun dijawab bersama-sama dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanah Merah pada 13hb Jun, 1990. Saya tidak ada maklumat lain untuk tambah.

PROJEK TERMINAL KONTENA BUTTERWORTH

8. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) bilakah Projek Terminal Kontena Butterworth Utara dijangkakan siap dan sama ada terminal baru ini dibina untuk menghadapi kemungkinan peningkatan dalam tonnage bagi tempoh lima tahun akan datang; dan
- (b) perkembangan terbaru berhubung dengan kerja-kerja memperluaskan Terminal Kargo di Lapangan Terbang antarabangsa Bayan Lepas dan nyatakan sebab-sebab kelewatan melaksanakan projek ini.

Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Projek pembinaan Pangkalan Kontena Buuerworth Utara dijangka siap pada penghujung tahun 1993. Pengkalan baru ini berupaya menampung pertambahan dalam trafik kontena sehingga tahun 2001.
- (b) Kerja-kerja membina kompleks kargo di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, telah bermula pada Mac, 1990. Kerja-kerja tersebut sedang berjalan dan dijangka akan siap dilaksanakan pada Julai 1991.

Sebab-sebab mengapa terdapat kelewatan dalam melaksanakan projek ini, adalah seperti berikut:

- (i) masalah pengambilan balik tanah;
- (ii) masalah keupayaan kontraktor kerja-kerja tanah, dan
- (iii) perlunya kabel Sistem Telekom Malaysia dipindahkan terlebih dahulu.

SEKTOR INDUSTRI KECIL/ SEDERHANA—PRESTASI

9. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) apakah perkembangan dan prestasi sektor industri kecil dan sederhana (SMI) dalam mempercepatkan proses pertumbuhan industri di negara ini; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mewujudkan integrasi dan hubungan antara syarikat-syarikat gergasi antarabangsa dengan sektor perusahaan, industri kecil dan sederhana (SMI) tempatan.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, bilangan industri kecil dan sederhana adalah dianggarkan berjumlah 20,571 buah dan 17,083 buah darinya adalah industri kecil. Dari 17,083 ini, pihak Kementerian telah mengenalpasti 13,992 buah industri kecil yang modal berbayar antara \$5,000. hingga \$500,000 tahun 1988-1989.

Mengikut kajian pelan tindakan (IKS), sektor ini menunjukkan prestasi yang baik, khususnya dari nilai ditambah yang mana telah meningkat dari 29% pada tahun 1987 kepada 32% di tahun 1990 dan dijangka akan terus meningkat kepada 35% pada tahun 1995.

Dari segi peluang pekerjaan, sektor ini telah menyediakan 40% daripada peluang pekerjaan di sektor perkilangan pada tahun 1987 dan dijangka meningkat kepada 42% pada tahun 1990 dan seterusnya kepada paras 45% pada tahun 1995.

Dari segi modal jumlah pelaburan modal di sektor ini dijangka akan meningkat dari 38% di tahun 1987 kepada 40% pada tahun 1990 dan seterusnya dijangka meningkat kepada 42% pada tahun 1995.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mewujudkan integrasi di antara syarikat industri besar asing ataupun tempatan dengan syarikat industri kecil tempatan, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah berikut:-

- (1) menubuhkan pusat Sub-contracting Exchange di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian;
- (2) memberi galakan, pengurangan pendapatan larasan sebanyak 5% bagi pembelian dari industri kecil;
- (3) menjalankan R & D bagi meningkatkan mutu dan daya pengeluaran industri kecil dan sederhana; dan
- (4) menempatkan industri kecil berhampiran dengan industri besar. Pada masa ini terdapat sebanyak 98 kawasan industri kecil dan sederhana yang telah dimajukan dan kebanyakannya terletak berhampiran dengan industri besar.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi meningkat dan melindungi pengusaha-pengusaha industri kecil dan sederhana apakah pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan mencadangkan kepada pihak Kerajaan terutamanya ke Kementerian Kewangan dalam

Belanjawan tahun hadapan supaya menaikkan cukai-cukai dengan berlipat-ganda terutamanya barang-barang import yang sama, yang sudahpun dikeluarkan oleh pengusaha-pengusaha kecil ataupun industri kecil dan sederhana terutama bagi tujuan untuk menyelamatkan tukaran wang asing dan kedua, bagi meningkatkan jualan barang-barang yang dikeluarkan oleh industri kecil dan sederhana bukan sahaja untuk luar negeri tetapi dipergunakan dalam negara kita sendiri bagi tujuan untuk melindungi dan meningkatkan lagi kemajuan industri ini. Sebab ini boleh dilakukan seperti mana yang dilakukan oleh setengah-setengah negara terutamanya di negara Thailand terutamanya, sebab itu kita lihat industri kecil mereka maju sehingga industri kecil mereka boleh mengeluarkan barang-barang tiruan seperti jam tangan Dunhill, Cartier dan sebagainya sebagai contoh. Ini kita juga lakukan di negara kita seperti mana Kerajaan melindungi Proton Saga iaitu menaikkan cukai duti import kereta-kereta lain bagi tujuan hendak mclariskan jualan kereta Proton Saga. Kalau ini Kerajaan boleh lakukan kenapa tidak boleh Kerajaan menimbangkan supaya satu strategi dalam Belanjawan tahun depan ialah meningkatkan dengan berlipat-lipat kali ganda supaya kita mengurangkan, supaya barang-barang yang diimport ini tidak mendapat pasaran sangat tetapi diberi tumpuan kepada hasil industri dalam negara kita. Sekian, terima kasih.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dari masa ke semasa mengkaji keadaan supaya kita boleh menolong lagi industri kecil dan sederhana. Itu satu cadangan dan Kerajaan kita sedar dan saya harap kalau Yang Berhormat ada cadangan yang baik boleh selalu tulis kepada saya.

MAHKAMAH—KEKURANGAN KAKITANGAN

10. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman menyatakan adakah Kerajaan sedar akan kekurangan:

- (a) Majistret-majistret dan Hakim-hakim yang telah menyebabkan (contribute) dalam kes-kes backlog; dan
- (b) kakitangan dalam Pejabat Pendatar (Registry) Mahkamah Rendah dan Mahkamah Tinggi yang telah menyebabkan kelambatan memulangkan dokumen-dokumen, seperti Saman-saman/Writ-writ, berjenis-jenis Permohonan, Perintah Mahkamah dan sebagainya yang difailkan oleh Peguam-peguam, dan apakah langkah-langkah yang telah dan/atau akan diambil untuk mengatasi masalah-masalah ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kehakiman memang sedar tentang masalah kekurangan kakitangan di Mahkamah-mahkamah dan juga Pejabat Pendaftar Mahkamah dan sentiasa berusaha mengawasi keadaan ini. Beberapa langkah telah pun diambil untuk mengatasinya. Misalnya di antara bulan Disember 1988 hingga bulan Mei 1990, 9 orang Pesuruhjaya Kehakiman telahpun dilantik. Dan pada bulan ini 9 orang telah pun ditawarkan jawatan Majistret di Semenanjung Malaysia dan 4 orang di Sabah dan Sarawak. Dan mereka ini akan bertugas di mahkamah-mahkamah di mana adanya banyak kes-kes terkumpul.

Selanjutnya Kerajaan telahpun mengambil tindakan untuk mengisi jawatan sokongan seperti kakitangan untuk Pejabat Pendaftaran Mahkamah-mahkamah. Misalnya pada bulan ini 13

orang yang berkelayakan telah ditemuduga untuk mengisikan jawatan Setiausaha kepada Hakim dan beberapa jawatan lain dalam kategori B dan C telah pun ditemuduga dan pengisiannya telah dibuat semenjak bulan April yang lalu.

Insyallah, dengan tindakan tersebut masalah ini akan berkurangan dan selernya kita harap akan diatasi dengan sewajarnya.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi dinyatakan wujudnya pertambahan Majistret-majistret dan juga Hakim-hakim. Soalan saya dengan pertambahan Majistret dan juga Hakim berapa banyakkah kes-kes yang dikatakan kes-kes terkumpul telahpun diselesaikan dan berapa banyak lagi yang masih belum selesai?

Saya difahamkan yang masih belum selesai itu masih banyak lagi. Berapa banyakkah lagi pula Majistret dan Hakim yang dicadangkan untuk ditambah? Terima kasih.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah dapat memberi angka-angka yang tepat mengenai bilangan kes-kes yang telah diselesai dan belum diselesai. Tetapi walau bagaimanapun kes belum selesai adalah begitu banyak sekali yang menyebabkan kita mengemukakan satu situation report, dengan izin, kepada pihak Kerajaan dengan tujuan meminta pihak Kerajaan supaya bersetuju melantik beberapa banyak lagi Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman serta Majistret dan segala kakitangan sokongan.

Saya suka menyatakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah saya kemukakan kepada Jemaah Menteri beberapa bulan dulu dan pihak Jemaah Menteri telah bersetuju memberi kelulusan kepada perantikan Majistret-Majistret, Hakim-hakim dan Judicial

Cummissioners, dengan izin, serta dengan kakitangan sokongan jika ianya difikirkan perlu.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri melihat bahawa banyaknya tertangguh kes-kes yang tidak dapat diselesaikan ini bukan kerana sebabnya kekurangan kakitangan Kehakiman pada keseluruhannya, tetapi kerana berlakunya sebahagian daripada umpamanya peguam-peguam pembela yang tidak hadir apabila kes-kes yang berkenaan disebut di dalam mahkamah. Dengan ketiadaan mereka ini ataupun salah satu daripada sebab kes ini tidak cukup mempunyai kesan-kesan yang tertentu seperti kes Jeffrey Kitingan umpamanya. Setelah disebut di mahkamah, pihak Pendakwa mengatakan dia terpaksa keluar untuk menyasiat lagi kes ini. Maka kes itu ditangguhkan. Sepatutnya kes-kes seperti ini ada mempunyai bukti-bukti baru dibawa ke mahkamah. Ini salah satu daripada insiden yang kita lihat bahawa menyebabkan adanya kes tertangguh.

Yang keduanya, seperti yang telah diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebelum pemecatan Tun Salleh dulu, di antara kriteria yang menyebabkan Tun Salleh ini dipecat kerana banyak kes-kes yang tertangguh. Saya ingin hendak mengetahui, setelah Tun Salleh ini dipecat berapa persen kes-kes yang tertangguh itu dapat diaiasi dan adakah ianya banyak kekurangan ataupun tidak banyak kekurangan? Terima kasih.

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, dua fakta yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu tentang Peguambela tidak hadir pada masa yang ditetapkan dan juga tidak cukup penyiasatan dibuat adalah di antara faktor-faktor yang menyebabkan kelambatan kes-kes ataupun meningkatkan kes-kes tertangguh. Dalam soal ini saya sukalah menyatakan

supaya Peguambela-Peguambela juga memberi kerjasama supaya kita dapat mengurangkan kes-kes tertangguh ini.

Bagi pihak Kementerian, kita sentiasa berusaha di mana ianya ada relevancy dengan kita untuk mempercepatkan ataupun mengurangkan kes-kes tertangguh ini. Sebab itulah seperti saya katakan tadi, pihak Kerajaan telah memberikan satu kelulusan seolah-olah macam ada blanket approval untuk menambahkan kakitangan ini. Di samping itu kita juga, bahkan saya sendiri pagi tadi telah diberi taklimat, dengan usaha pihak Kementerian Kehakiman untuk menambahkan lagi bilangan mahkamah di seluruh negara. Dalam soal ini, sukalah saya menyeru supaya pihak peguam, peguambela supaya memberikan kerjasama.

Tentang soal pemecatan Tun Salleh, saya tidak percaya bahawa salah satu daripada sebabnya ialah kerana banyaknya kes-kes tertangguh. Tetapi suka saya menyatakan, semenjak Lord President ataupun Ketua Hakim Negara baru kita dilantik, banyak kes-kes telah diselesaikan dan kita telahpun mendengar dan membaca dalam suratkhobar, tindakan yang tegas dan arahan-arahan yang telah diberikan oleh Ketua Hakim Negara yang ada sekarang tentang bagaimana pihak Hakim-hakim seharusnya menjalankan tugasnya untuk mempercepatkan kes-kes untuk dibicara dan mengurangkan kes-kes tertangguh.

PROTON SAGA—KOMPONEN

11. Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapakah bilangan syarikat-syarikat tempatan yang membekalkan bahagian-bahagian kereta dan accessories kepada pembuatan kereta Proton Saga. Di antara syarikat-syarikat ini berapakah yang dipunyai oleh Bumiputera dan di mana lokasinya.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga 31hb Mei, 1990 terdapat 73 buah syarikat tempatan yang membekalkan sejumlah 511 jenis komponen bagi semua model kereta Proton Saga. Proton sendiri membuat sebanyak 532 jenis komponen secara in house. Ini bermakna jumlah komponen yang dibekalkan oleh syarikat tempatan ialah sebanyak 1,043. Berdasarkan kepada model 1.5S, sumbangan komponen tempatan ini merupakan 52% dari nilai kos kereta tersebut.

Dari jumlah syarikat-syarikat tempatan yang membekalkan komponen kepada Proton, 29 atau 39.7% adalah syarikat-syarikat yang 51% atau lebih ekuitinya dimiliki oleh bumiputera. Dari segi lokasi, sebanyak 24 buah dari syarikat-syarikat bumiputera ini terletak di Lembah Kelang, dan satu masing-masing di Kuala Terengganu, Pulau Pinang, Ipoh, Melaka dan Seremban.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah peratusan buatan tempatan kereta Proton Saga ini dari segi nilai jumlah wang ringgit, kerana tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebutkan tentang peratusan dari segi komponen, tetapi kalau kita anggarkan dari segi wang ringgit, berapakah peratusnya?

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, nilai itu adalah dalam ringgit. Di sini saya hendak berikan peratusan kos komponen tempatan bagi model ini.

| | |
|------------------|------------|
| CKD | \$6,313/- |
| forwarding cost | \$224/- |
| in-house parts | \$1,497/- |
| local parts | \$4,810/- |
| direct materials | |
| and paints | \$344/- |
| Total Local Cost | \$ 6,875/- |
| Total cost | \$13,188/- |
| Local content % | 52% |

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mobamed Amin bin Haji Daud):
Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 22 hingga 64 adalah diberl di bawah ini.)

FELDA—STRUKTUR PENGURUSAN

2. Tuan Hashim bin Safin minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) bagaimanakah struktur Pengurusan FELDA;
- (b) berapakah emolumen yang tertanggung setahun dan berapakah pembiayaan oleh Kerajaan;
- (c) berapakah pendapatan bersih daripada seluruh ladang FELDA di negara ini;
- (d) kenapakah keuntungan ladang FELDA jauh lebih rendah berbanding dengan ladang swasta; dan
- (e) apakah sikap peneroka sendiri turut menyebabkan FELDA susah membuat keuntungan yang lebih.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Kasitah bin Gaddam):

- (a) Pengurusan FELDA diketuai oleh Pengarah Besar dibantu oleh dua orang Timbalan Pengarah Besar dan seorang Penolong Pengarah Besar. Peniadbiran organisasi dibuat di tiga peringkat, Ibu Pejabat, Pejabat Kawasan dan Peringkat Rancangan.
- (b) Perbelanjaan Emolumen adalah melalui geran Kerajaan. Bagi

tahun 1989, Perbelanjaan Emolumen adalah sebanyak \$122.2 juta, manakala peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan adalah sebanyak \$119 juta.

- (c) Pada tahun 1989, sejumlah 578,898 hektar ladang sawit, getah, koko dan tebu FELDA telahpun mengeluarkan hasil berjumlah 8,354,185 tan dengan nilai \$1,449 juta. Pendapatan dari hasil ladang diberikan kepada peneroka, setelah dibuat potongan Bayaran Ansuran Memiliki Harta kepada FELDA dan lain-lain bayaran yang perlu kepada Kerajaan Negeri bagi membangunkan kawasan ladang dan lotrumah mereka. Padatahun 1989 purata pendapatan bersih bulanan peneroka sawit adalah sebanyak \$669 manakala peneroka getah \$721.
- (d) Tidaklah tepat disamakan Rancangan Tanah yang dibuka oleh FELDA dengan ladang swasta dari segi akaun untung rugi (profit and loss accoum) oleh kerana FELDA tidak memiliki rancangan tersebut. Perbandingan yang sesuai yang boleh dibuat di antara ladang FELDA (Rancangan Tanah FELDA) dengan ladang swasta ialah dari segi aspek yang diuraikan berikut dari segi kos pengeluaran, harga dan kuantiti pengeluaran. Dalam pengiraan kos pengeluaran, asas kos yang diambilkira adalah kos pembangunan utama dan kos operasi. Buat masa ini kos pengeluaran FELDA adalah agak tinggi dibandingkan dengan swasta kerana kos pembangunan agak tinggi, walaupun dari segi operasi, kos yang terlibat adalah setanding. Kos pembangunan

yang agak tinggi dipengaruhi oleh faktor-faktor berikut:

- (i) Kawasan topografi kebanyakan ladang swasta lebih rata dan terletak di kawasan subur dan maju oleh kerana tanah itu telah dimiliki lebih awal. Oleh kerana kebanyakan Rancangan FELDA berada di pedalaman, topografinya tidak rata, maka kos penyelenggaraan dan pengangkutan lebih tinggi. Kos juga bertambah bagi menghadapi serangan penyakit dan haiwan perosak.
- (ii) Kebanyakan ladang swasta merupakan tanaman generasi kedua dan ketiga yang memberikan keuntungan dah segi jangkamasa penanaman yang lebih pendek dan kos penyelenggaraan ladang yang lebih rendah.
- (iii) Swasta membiayai pembangunan ladangnya melalui pendapatan kawasan matang, FELDA pula, pembangunan rancangan dibiayai melalui pinjaman, ini memberi kesan kepada pertambahan kos pembangunan.
- (iv) Peneroka diberikan pinjaman sara hidup semasa ladang masih belum mengeluarkan hasil kerana pendapatan dari upah kerja tidak mencukupi. Ini meningkatkan kos pengeluaran.
Dari segi harga, pengeluaran ladang FELDA adalah di paras harga

yang setanding dengan pasaran. Walau bagaimanapun, dari segi kuantiti, pengeluaran FELDA agak rendah sedikit kerana dipengaruhi oleh faktor muka bumi yang kurang sesuai dan ladang kurang subur berbanding dengan ladang swasta.

- (e) Selain daripada kawasan ladang, usaha terpenting bagi memperoleh hasil ladang yang tinggi hendaklah juga datang dari peneroka sendiri. Oleh kerana peneroka merupakan bakal pemilik ladang, ada di antara peneroka yang mengambil sikap kurang berdisiplin dari segi mengikut arahan mengamalkan cara amalan pertanian yang sempurna dan sikap ini menjejaskan pengeluaran hasil ladang secara optima.

PENJENAYAH WARGANEGARA ASING—HUKUMAN MATI

12. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah warganegara asing yang telah dihukum mati antara tahun 1985-1990 kerana terlibat melakukan beberapa kesalahan jenayah di negara ini termasuk pengedar dan penyalahgunaan dadah; dan
- (b) merujuk kepada tempoh yang sama (1985-1990) berapa ramai rakyat Malaysia yang dihukum mad oleh negara-negara asing atas kesalahan yang sama, yang dilakukan di negara-negara tersebut (negara asing) dan namakan negara-negara yang berkenaan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):

(a) Jumlah warganegara asing yang telah menjalani hukuman mati antara tahun 1985-1990 (31.5.1990) ialah 30 orang mengikut pecahan seperti berikut:

| <i>Warganegara/Tahun</i> | 1985 | 1986 | 1987 | 1988 | 1989 | 1990 | <i>Jumlah</i> |
|--------------------------|------|------|------|------|------|------|---------------|
| Singapura | 1 | | | | 1 | | 2 |
| Filipina | | | | | 6 | | 10 |
| Indonesia | | | | | | | 2 |
| Thailand | | | | | | | 5 |
| Australia | | | | | | | 2 |
| Hong Kong | | | | | | | 9 |
| Britain | | | | | | | 1 |
| Jumlah: | | | | | | 11 | 30 |

Kesalahan yang mereka lakukan mengikut kes ialah:

| <i>Kes</i> | <i>W/Negara</i> | <i>Tahun</i> | <i>Jumlah</i> |
|----------------------------|-----------------|--------------|---------------|
| Kanun Kesiksaan | Filipina | 1989 | 1 |
| Akta Dadah Berbahaya 39B | Singapura | 1985 | 1 |
| | Filipina | 1988 | 4 |
| | | 1989 | 5 |
| | Indonesia | 1986 | 1 |
| | | 1990 | 1 |
| | Thailand | 1987 | 2 |
| | | 1988 | 1 |
| | | 1990 | 2 |
| | Australia | 1986 | 2 |
| | Britain | 1989 | 1 |
| Internal Security Act 1960 | Hong Kong | 1990 | 8 |
| | Singapura | 1989 | 1 |
| Jumlah besar: | | | 30 |

(b) Di antara tahun 1985-1990 seramai 20 orang rakyat Malaysia telah dijatuhi hukuman mati di negara asing di atas beberapa jenis kesalahan termasuk mengedar dadah. Pecahan-pecahannya adalah seperti berikut:-

| <i>Negeri</i> | <i>Jumlah</i> | <i>Kesalahan</i> |
|---------------|---------------|--|
| Singapura | 17 | 9 mengedar dadah 8 membunuh (setakat ini 5 orang (telah jalani hukuman) |
| Taiwan | 2 | 1 rompak bersenjata 1 membunuh |
| Indonesia | 1 | Membawa masuk heroin |

KOPERASI PENGAMBIL DEPOSIT—SKIM PENYELAMAT

13. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) mengapa para pendeposit Koperasi Pengambil Deposit (KPD) masih belum menerima 100% deposit awal tahun ini seperti yang dijanjikan oleh President MCA, YB Menteri Pengangkutan;
- (b) jumlah wang yang telah dikluarkan untuk membayar para pendeposit;
- (c) senaraikan KPD, bilangan pendeposit serta jumlahnya yang masih belum menerima 100% deposit mereka; dan
- (d) bilakah 35,000 ahli Koperasi Nesa dan 25,000 ahli Koperasi Majujaya akan dapat balik pelaburan mereka.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow):

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesemua pendeposit bagi 24 buah Koperasi Pengambil Deposit (KPD) yang telah dibekukan dalam tahun 1986 telah dan akan menerima bayaran deposit mereka selaras dengan skim-skim penyelamat yang telah diluluskan. Daripada jumlah bilangan KPD yang dibekukan itu, kesemua pendeposit-pendeposit bagi 22 buah KPD telah menerima deposit mereka sepenuhnya (100%). Manakala seramai 45,660 pendeposit dari 2 buah KPD lagi telah menerima kembali deposit mereka dalam bentuk tunai sehingga 80% (bagi pendeposit Koperasi Wanijaya Bhd.) dan sehingga 55% (bagi pendeposit Koperasi Rakyat Bhd.). Para pendeposit di kedua-dua koperasi ini akan menerima baki yang selebihnya menjelang

tahun 1991. Ini adalah selaras dengan skim penyelamat yang telah diluluskan.

- (b) Jurnal wang yang telah dibayar balik kepada pendeposit-pendeposit KPD tersebut berjumlah \$1,077 juta manakala \$338 juta tanggungan deposit telah dibayar dalam bentuk ekuiti dan nota-nota pinjaman.
- (c) Bilangan pendeposit serta jumlah deposit yang belum dibayar bagi 2 buah KPD di mana pendeposit-pendeposit mereka masih belum menerima 100% deposit adalah seperti berikut:

| Nama KPD | Bilangan Pendeposit | Jumlah Deposit | Belum Dibayar |
|---------------------------|---------------------|----------------|---------------|
| 1. Koperasi Wanijaya Bhd. | 6,332 | \$ 9.3 juta | 11.8 juta |
| 2. Koperasi Rakyat Bhd. | 39,328 | \$90.1 juta | \$40.1 juta |
| Jumlah: | 45,660 | | \$41.9 juta |

- (d) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, skim penyelamat yang sesuai untuk Syarikat Kerjasama Nesa Pelbagai Bhd. (Koperasi NESA) dan Koperasi Belia Majujaya Bhd. (Koperasi Majujaya) perlu dirangka terlebih dahulu sebelum ahli-ahli mereka mendapat balik pelaburan mereka. Butir-butir mengenai perkara ini telah dijelaskan di Dewan yang mulia ini pada 15 Jun 1990 iaitu semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

MAS—JUMLAH ANAK KAPAL

14. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah anak-anak kapal MAS yang ditugaskan di pesawat penerbangan dalam negeri dan pesawat penerbangan antarabangsa. Sama ada jumlah anak kapal yang ada sekarang mencukupi; dan

- (b) adakah benar pramugari-pramugari berkhidmat kurang daripada 7 tahun akan dihentikan perkhidmatannya setelah mereka hamil. Dan sama ada Kementerian berkenaan akan membenarkan pramugari-pramugari yang hamil untuk mengambil cuti setahun tanpa gaji. Jika tidak, mengapa.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:

- (a) Jumlah anak-anak kapal Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) yang sedang berkhidmat dalam penerbangan dalam negeri dan penerbangan antarabangsa adalah seperti berikut:

| | | |
|-------------------------------|---|-------|
| (i) penerbangan dalam negara | - | 668 |
| (ii) penerbangan antarabangsa | - | 1,480 |
| Jumlah: | | 2,148 |

Jumlah 2148 ini masih belum mencukupi oleh kerana menjelang akhir tahun kewangan 1990/91 MAS memerlukan 205 lagi anak-anak kapal. Sukacita saya memaklumkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa MAS sedang menemuduga/melatih calon-calon untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan tersebut.

- (b) Ketua Pramugari Kanan, Ketua Pramugari yang telah berkahwin serta berkhidmat lebih dari 7 tahun sebagai anak kapal dan Pramugari Pemeriksa Latihan adalah layak mendapat 60 hari cuti bersalin sebanyak 4 kali. Bagaimanapun, bagi lain-lain kategori pramugari, adalah benar mereka dikehendaki menamatkan perkhidmatan apabila mengandung. Peraturan ini adalah terkandung di dalam

perjanjian bersama syarat-syarat perkhidmatan di antara majikan dengan pekerja yang berkuatkuasa pada 1.9.1987. Buat masa ini, Keraenterian Pengangkutan tidak mempunyai apa-apa cadangan untuk membenarkan pramugari yang hamil untuk mengambil cuti setengah tahun tanpa gaji.

PELABURAN PERINDUSTRIAN ASING

15. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kementeriaannya menerima pelaburan perindustrian asing tanpa mengira sama ada ia berjenis "low tech" dan bersifat mencemarkan.

Dato' Kok Wee Kiat: Untuk makluman Yang Berhormat, dasar Kerajaan adalah untuk menggalakkan pelaburan terutamanya dalam sektor perindustrian. Untuk maksud ini, Kerajaan telahpun menyebarkan maklumat mengenai aktiviti-aktiviti dan jenis keluaran yang digalakkan. Ini merangkumi keluaran-keluaran yang berasaskan sumber asli negara, berteknologi tinggi, berorientasikan eksport dan industri kecil dan sederhana yang dapat menyokong dan mewujudkan hubungkait (Linkages) dengan industri besar. Bagi projek-projek seperti ini, Kerajaan menyediakan gatakan-galakan pelaburan seperti yang terdapat dalam Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

Namun demikian, sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan memang sedar ada kemungkinan projek-projek yang hendak didirikan mempunyai potensi untuk mencemarak alam sekitar. Oleh yang demikian, sebelum sesuatu projek seperti ini diluluskan, ia disyaratkan untuk memenuhi dan mematuhi syarat-syarat kawalan yang terdapat di dalam Akta Kualiti Alam Sekitar 1974.

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI PERKHIDMATAN
PENDIDIKAN**

16. Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah benar Guru-guru B1 dan B2 yang sedang bertugas di negeri Sarawak yang mempunyai kelulusan rendah dari Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) telah tidak mendapat faedah daripada (two-tier salary scheme) skim gaji baru yang dicadangkan sekarang melainkan dengan syarat-syarat yang tertentu termasuk umur mereka mencapai 50 tahun. Kalau benar, bolehkah umur itu diturun kepada 45 tahun memandangkan lebih 1,000 guru-guruyang terlibat dan masih memberi tugas yang sempurna dan cemerlang kepada negara dan kalau tidak, mengapa dan adakah benar guru biasa C2 dalam skel C8 boleh mencapai ke peringkat gaji B10 dan B8 sekira mereka mendapat syarat-syarat yang tertentu. Satu daripada syarat itu ialah mereka mendapat SPM kredit dalam Bahasa Malaysia sungguhpun mereka dilantik sebagai guru-guru tersebut sebelum 1.1.1978 di negeri Sarawak walau semenjak 1.1.1978 sahaja Bahasa Malaysia telah dikena kepada guru-guru yang baru dilantik dari negeri Sarawak.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim); Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, guru-guru Kategori B1 dan B2 yang sedang bertugas termasuklah mereka yang sedang bertugas di negeri Sarawak mempunyai peluang untuk mendapat faedah daripada pelaksanaan skim perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang baru.

Di dalam skim ini, guru-guru Kategori B1 dan B2 boleh dilantik ke jawatan Guru Bukan Siswazah di atas skel gaji C8/B10/B8 jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- (i) memperoleh kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan mendapat kepujian dalam mata

pelajaran Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan);

atau

- (ii) telah memenuhi syarat-syarat mengikut Surat Pekeliling Kementerian Pendidikan Bil.1/1980; iaitu:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;

- (b) berkhidmat selama tidak kurang daripada 6 tahun bagi mereka yang mempunyai kelayakan Sijil Rendah Pelajaran atau yang diiktiraf setaraf dengannya dan 10 tahun bagi mereka yang mempunyai kelayakan lebih rendah daripada Sijil Rendah Pelajaran;

- (c) mempunyai kelulusan kepujian dalam Bahasa Malaysia (serta lulus Ujian Lisan) pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan

- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan.

atau

- (iii) telah memenuhi syarat-syarat berikut:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;

- (b) berumur 50 tahun tetapi tidak melebihi 54 tahun pada tarikh lantikan;

- (c) lulus Kursus Khas 12 minggu kendalian Kementerian Pendidikan; dan

- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan.

Syarat umur 50 tahun tersebut tidak wajar diturunkan kepada 45 tahun, kerana guru berkenaan masih boleh

berusaha untuk mendapatkan syarat-syarat yang saya nyatakan di (i) atau (ii) tadi.

Mengenai peningkatan guru-guru Tingkatan Biasa di dalam Skim Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah, adalah benar bahawa mereka dikenakan syarat-syarat yang tertentu untuk meningkat daripada skel gaji C8 ke BIO dan daripada skel gaji BIO ke B8. Satu daripada syarat tersebut ialah memiliki kepujian Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

PEMIMPIN NEGARA MENGETUAI PASUKAN NEGARA

17. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah sebabnya beberapa Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan dan pemimpin-pemimpin negarakita sedang mengetuai pasukan-pasukan badminton, bolasepak dan sukan-sukan sepertinya. Bukankah mereka lebih diperlukan di pejabat-pejabatnya untuk menyelesaikan masalah-masalah Kerajaan dan rakyat. Sebab apakah pemimpin-pemimpin yang telah bersara dari khidmat Kerajaan, politik dan swasta tidak dibahagikan kerja-kerja hormat seperti ini untuk mereka menyumbang masa yang lebih dan sempurna kepada sukan dan khidmat negara kita.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Cik Teng Gaik Kwan): Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan adalah bebas dan mempunyai kuasa autonomi dalam menjalankan aktiviti-aktiviti sukan masing-masing. Selaras dengan proses demokrasi, mereka mempunyai hak dan kuasa untuk melantik pemimpin-pemimpin negara mengetuai pasukan-pasukan negara bagi menyertai pertandingan-pertandingan antarabangsa di luar negeri.

HOSPITAL DUCHESS OF KENT—MENINGKATKAN TARAF

18. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kesihatan menyatakan samaada Kerajaan kini mempunyai sebarang rancangan untuk mempertingkatkan taraf Hospital Duchess of Kent di Sandakan; jika ada, bilakah rancangan ini akan mula dilaksanakan; berapakah banyak perbelanjaan dijangka terlibat dan apakah kemudahan-kemudahan yang akan dapat diharapkan melalui rancangan ini sebagaimana terdapat di hospital-hospital kelas pertama.

Menteri Kesihatan (Tuan Ng Cheng Kiat): Kementerian Kesihatan sedang merancang untuk membina sebuah Jabatan Pesakit Luar Baru bagi Hospital Duchess of Kent sebagai salah satu usaha untuk mempertingkatkan taraf hospital tersebut. Pelaksanaan projek yang akan dibiayai oleh Pinjaman Bank Pembangunan Asia akan mula pada tahun 1991. Pembinaan projek tersebut akan mengambil masa selama 2 tahun dan dijangka siap pada penghujung tahun 1993. Jumlah perbelanjaan bagi projek dianggarkan sebanyak \$12.5 juta termasuk alat-alat kelengkapan.

Kemudahan-kemudahan yang terdapat dalam projek Jabatan Pesakit Luar Baru itu adalah seperti berikut:

- (1) Klinik-klinik Pesakit Luar Am
- (2) Klinik-klinik Pakar
- (3) Unit Rekod Perubatan
- (4) Unit Farmasi
- (5) Makmal
- (6) Pejabat Hospital
- (7) Unit Kemalangan & Kecemasan
- (8) Klinik Pakar Pergigian
- (9) Unit X-Ray dan
- (10) Unit Pelajaran Kesihatan & Sosial Perubatan.

IKLAN DI RADIO DAN TV

19. Tuan Haji Mohamed Yusoff bin Haji Abdul Latif? minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian bercadang mengharuskan iklan-iklan yang menjolok mata yang ditaja oleh syarikat-syarikat yang menjual rokok atau menjual makanan "Junk food" di Radio dan TV Malaysia; dan
- (b) berapakah peratusan sumbangan kewangan yang dikutip daripada iklan-iklan seperti yang tersebut pada tahun 1988, 1989 sehingga kini.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Kerajaan memang telah mengharuskan pengiklanan rokok di Radio dan Televisyen tetapi tidak pengiklanan barangan-barangan dan perkhidmatan-perkhidmatan lain yang dipasarkan oleh syarikat itu. Pengiklanan "Junk food" juga belum diharamkan sehingga terdapat penegasan tertentu tentang kategori makanan yang dinamakan "Junk food" dan jenis-jenis makanan disahkan sebagai membahayakan kesihatan dalam meluluskan sesuatu iklan di bawah Akta Penyiaran 1988.

Sebagai langkah kawalan pihak agensi pengiklanan mestilah mengemukakan "Story Board"nya atau "Rangka Cerita" terlebih dahulu kepada Kementerian sebelum penggambaran iklan-iklan itu boleh dilaksanakan dan ia kemudiannya ditapis pula oleh Lembaga Penapisan Filem (LPPF).

Dalam melaksanakan kehendak Akta Penyiaran untuk mengawal iklan-iklan, Kementerian akan melaksanakan dua perkara baru iaitu:

- (i) Menubuhkan panel iklan yang anggotanya terdiri daripada wakil-wakil agensi Kerajaan dan swasta termasuklah wakil daripada industri pengiklanan.

Penubuhan panel iklan ini adalah bertujuan bagi menentukan etika pengiklanan yang sedia ada pada masa ini dapat dipatuhi sepenuhnya.

- (ii) Mewujudkan sebuah Lembaga Penapisan yang khas di Kementerian Penerangan bagi menapis semua bahan siaran termasuk pengiklanan yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen. Ini bermakna semua bahan siaran yang sudah diluluskan oleh Lembaga Penapisan Filem akan ditapis sekali lagi iaitu bagi kali kedua oleh Lembaga ini sebelum ditayangkan.

Berhubung dengan peratusan sumbangan kewangan yang dikutip daripada iklan-iklan syarikat tersebut di atas dan "Junk food" dalam tahun 1988 dan 1989 berbanding dengan keseluruhan hasil RTM adalah:

| | |
|------|--------|
| 1988 | 43.96% |
| 1989 | 26.5% |

PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI

20. Tuan Haji Mohamed Sambin Haji Sailan minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan jumlah projek perumahan yang terbengkalai di seluruh negara dan kemajuan pemuliharaan yang dilakukan oleh Kementerian bagi tiga tahun kebelakangan ini. Terangkan juga unit-unit bangunan dan rumah yang terlibat dan cara-cara dan perancangan Kerajaan untuk menyelamatkan pembeli-pembeli rumah yang terperangkap di dalam perniagaan ini.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Lee Kim Sai); Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah projek perumahan swasta yang terbengkalai di seluruh Semenanjung Malaysia yang telah dikenalpasti bagi tiga tahun kebelakangan ini ialah

sebanyak 184 sehingga tahun 1987. Bilangan ini bertambah menjadi 243 dalam tahun 1988 dan 325 pada akhir tahun 1989. Daripada jumlah tersebut sebanyak 76 projek telah berjaya dipulihkan oleh Kementerian ini meliputi 12,416 unit rumah kediaman dan 8,460 orang pembeli dengan anggaran nilai projek sebanyak \$733 juta.

Cara-cara yang telah diambil oleh Kementerian ini untuk mengatasi masalah projek perumahan terbengkalai adalah dengan cara menyelamatkan dan menghidupkan semula (review) projek-projek tersebut melalui langkah-langkah seperti berikut:

- (i) Mengadakan perjumpaan dengan pembeli-pembeli, pemaju dan institusi kewangan untuk membincangkan tindakan-tindakan yang perlu untuk memulihkan projek.
- (ii) Meminta pemaju menyerahkan projek kepada jawatankuasa bertindak pembeli-pembeli.
- (iii) Membuat kajian kemungkinan (feasibility study) ke atas projek yang berkenaan dengan mengkaji kedudukan kewangan dan kemajuan pembinaan.
- (iv) Mengadakan perbincangan dengan bank/institusi kewangan pembiayaan, agensi-agensi Kerajaan, dan pemiutang-pemiutang yang terlibat.
- (v) Mengawasi dari masa ke semasa kerja-kerja binaan setelah projek dipulihkan.

PENANAMAN PADI DI NEGERI CHINA

21. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) Kerajaan bercadang untuk mengadakan perjanjian bersawah

dengan negara China. Dapatkah diterangkan serba lengkap dasar dan persetujuan yang telah dicapai dan apakah jaminan bahawa hisil beras nanti cukup untuk keperluan negara;

- (b) dengan persetujuan itu adakah keluasan sawah di negara ini terjejas dan peluang kerja bagi parapetani jugaturterjejas; dan
- (c) beras Siam ada-ah beras yang begitu diminati di negara kita. Apakah yang mengialang benih padi yang digunakan di Thailand tidak boleh ditanam di sawah-sawah negara ini.

Tuan OngTinKim:

- (a) Idea menanam padi di negara China telah timbul dalam perbincangan Menteri Pertanian dengan pegawai-pegawai semasa lawatannya di negara China kerana menghadiri Persidangan Wilayah bagi Pertubuhan Makanan Sedunia. Keluasan tanah yang dibincang untuk dipajak ialah sekitar 70,000 ekar untuk jangkamasa 70 tahun.

Pada prinsipnya kedua-dua pihak telah bersetuju menimbangkan idea ini memandangkan dalam tempoh jangka panjang ianya diyakini boleh memberi beberapa faedah kepada kedua-dua buah negara. Idea ini masih di peringkat perbincangan awal dan pelaksanaannya adalah tertakluk kepada perundingan formal dengan pihak Kerajaan China. Beberapa orang pegawai dari China akan melawat negara ini sedikit masa lagi, Kajian terperinci mengenai implikasi idea ini masih belum dibuat. Selain daripada pertimbangan ekonomi, pihak Kerajaan juga perlu menimbangkan aspek-aspek teknikal, kesesuaian tanah, tenaga kerja, kepakaran dan

kewangan. Kementerian ini percaya dengan mengusahakan tanaman padi di negara berkenaan, sumber bekalan beras negara kita akan lebih terjamin berbanding dengan bekalan dari sumber import daripada negara-negara lain seperti sekarang, malah bekalan boleh diperolehi dengan harga yang lebih rendah dan stabil disebabkan kos pengeluaran terutama kos buruh dan /sewa tanah di negara berkenaan yang lebih murah.

- (b) Idei ini tidak akan menjejaskan pogram pengeluaran beras dalam negara sama ada dari segi pengurangan keluasan sawah mahupun peluang pekerjaan peiani. Program pengeluaran beras dalam negara yang sedia ada akan diteruskan. Projek ini jika diteliti lebih memberi implikasi kepada program mengimport beras yang mana sekarang negara mengimport beras bernilai lebih kurang \$300 juta setahun. Negara kita dijangka dapat menjimatkan kos mengimport beras di samping pengguna pula boleh menikmati beras berkualiti tinggi dengan harga yang lebih rendah daripada harga beras import yang lain.
- (c) Kementerian Pertanian tidak menggalak tanam padi siam, sebab-sebabnya adalah seperti berikut:
- (i) Jenis padi yang ditanam di Thailand adalah jenis matang masa panjang (long term variety) yang memerlukan 160 hari untuk dituai berbanding dengan 130-140 hari bagi jenis yang biasa ditanam di Malaysia.
 - (ii) Jenis ini juga adalah peka kepada foto-period (photo-period sensitive) dan hanya boleh ditanam

di bulan-bulan tertentu sahaja, contohnya di Malaysia antara Julai hingga Januari. Justeru itu, jenis ini hanya boleh ditanam setahun sekali, manakala jenis yang digunakan di Malaysia boleh ditanam dua kali setahun.

- (iii) Pengeluaran padi dari jenis yang ditanam di Thailand adalah rendah, iaitu di antara 1.5-2.0 M tan/ha berbanding dengan 4.0-5.0 M tan/ha bagi jenis ditanam di Malaysia. Memandangkan kos input (tenaga buruh, baja, dll.) yang tinggi dan harga beras yang tetap di Malaysia, adalah tidak berekonomik bagi jenis padi dari Thailand ditanam di Malaysia.
- (iv) Juga, jenis padi dari Thailand adalah dari jenis pokok yang tinggi (1.5-2.0 m) berbanding dengan 0.7-1.1 m untuk jenis di Malaysia. Keadaan ini menyebabkan penuaian tidak boleh dilaksanakan dengan jentera. Keadaan ini juga menyebabkan ia tidak sesuai untuk ditanam cara tabur terus kerana ia mudah rebah.

BANTUAN INSENTIF KEPADA ATLIT

22. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) bentuk bantuan yang dihulurkan kepada para pemain sukan negara di segi perkembangan kerjaya atau kemahiran di luar bidang sukan, khususnya mengesyorkan masa hadapan mereka selepas

"bersara" daripada arena sukan tetap cerah. Misalnya Kumpulan Kedua skuad badminton negara menghadapi masalah mencari rezeki, lebih-lebih lagi kerana kelulusan akademik yang lemah dan terlalu banyaknya masa diluangkan untuk latihan. Apakah kemahiran-kemahiran hidup, terutama sekali kelulusan iktisas seria pencapaian akademik, yang tersedia wujud di kalangan pemain sukan kita;

- (b) adakah Kerajaan bercadang menggalakkan mereka ini mendapat status professional dalam sukan supaya mereka dapat mengecap sebanyak mana kekayaan yang boleh diperolehi semasa mereka di puncak kerjaya sukan masing-masing;
- (c) adakah Kerajaan sedar akan masalah yang dialami kalangan pemain sukan di Amerika Syarikat di mana dilaporkan sesetengah mereka hanya tahu bermain sukan tetapi langsung tidak tahu menulis, membaca dan mengira dengan sempurna. Apakah kemungkinan fenomena seperti ini berlaku di kalangan olahragawan-olahragawan tempatan; dan
- (d) apakah langkah atau rancangan Kerajaan untuk menyedarkan belia-belie mengenai hakikat keperluan amat sangat bagi mempunyai kerjaya iktisas dan "pendekumurnya" puncak kecemerlangan di bidang sukan negara supaya pendidikan asas serta kemahiran mencari rezeki tidak diabaikan oleh pemuda yang terpegun memimpikan ingin menjadi jaguh sukan sahaja sehingga tidak menghiraukan kesemua yang lain.

Cik Teng Gaik Kwan:

- (a) Kerajaan melalui Majlis Sukan Negeri telah menyediakan bebcrapabantuan insentif kepada atlit-atlit baik di peringkat sekolah mahupun di peringkat lepas sekolah.

Pencapaian sukan dan pencapaian akademik adalah sama penting dari kacamata Kerajaan. Di peringkat sekolah, Skim Kecemerlangan Atlit Kebangsaan membolehkan atlit yang menghabiskan masa untuk latihan pusat menikmati elan tuition bagi membantu mereka dalam pelajaran. Selain dah itu, pihak Kerajaan juga menyediakan skim biasiswa sukan sekolah-sekolah kepada murid-murid dari Tingkatan 1-6 yang cemerlang dalam sukan dan akademik. Skim Biasiswa Sukan adalah di bawah kelolaan Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan.

Bagi atlit-atlit yang telah mengharumkan nama negara dalam sukan-sukan antara-bangsa, Kementerian Belia dan Sukan memperuntukkan 3 Biasiswa Sukan Persekutuan setiap tahun bagi membolehkan atlit-atlit elit mendapatkan kelulusan akademik di universiti-universiti luar negeri.

Untuk kemahiran-kemahiran hidup pula, Kerajaan mempunyai rancangan untuk mewujudkan satu program khas bagi memberi peluang kepada atlit-atlit mengikuti kursus-kursus kemahiran/pra kemahiran dan profesional/pra profesional bagi melengkap diri mereka dalam berbagai bidang supaya mereka dapat menggunakan kemahiran tersebut apabila bersara secara aktif dalam bidang sukan.

- (b) Sememangnya Kerajaan menggalakkan ahli-ahli sukan mendapatkan status profesional. Ini adalah kerana ahli-ahli sukan yang profesional bukan sahaja akan memperolehi kejayaan untuk dirinya malah akan dapat meningkatkan kualiti dan prestasi dalam bidang masing-masing dalam sukan-sukan antarabangsa.
- (c) Setakat ini fenomena buta huruf di kalangan atlit di negara ini tidak berlaku kerana Kerajaan meletakkan pncapaian akademik sama penting dengan pencapaian sukan untuk mereka.
- (d) Kerajaan sedar dan menerima hakikat bahawa dijangkakan semua atlit akan bersara pada suatu masa kelak. Atas realiti inilah Kerajaan mewujudkan berbagai-bagai bantuan insentif kepada allit-ailit untuk menjaimn masa depan mereka apabila mereka bersara secara aktif dalam bidang sukan.

GURU SISWAZAH/

BUKAN SISWAZAH—BILANGAN

23. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan guru-guru berijazah dan guru-guru yang tidak berijazah bagitahun 1990 dan berapakah jumlah itu bagi tahun 1976 dahulu. Apakah rancangan yang dilakukan untuk mengatasi kekurangan guru-guru bahasa di negarakita ini.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan guru pada tahun 1976 adalah seramai 63,521 di Sekolah Rendah dan 34,282 di Sekolah Menengah.

Bilangan guru siswazah dan bukan siswazah di Malaysia adalah seperti berikut:

| | 1986 | 1989 | 1990 (unjuran) |
|---------------------|---------|---------|-------------------|
| GuruSiswazah | 18,482 | 25,000 | 27,850 |
| Guru Bukan Siswazah | 137,802 | 153,666 | 163,250 |

Maklumat sebenar untuk tahun 1990 akan dikutip pada bulan Jun 1990. Kekurangan guru-guru Bahasa akan diatasi oleh Kementerian Pendidikan melalui langkah-langkah berikut:

- (i) Mengadakan kursus pemin-dahan (conversion course) bagi guru-guru Sains dan Matematik untuk mengikuti Kursus Dalam Perkhidmatan dalam bidang tersebut.
- (ii) Meneruskan Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) di Maktab-maictab Perguruan.

PELABURAN ASING—KESAN

24. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan kesan baik dan kesan buruk yang telah dikenalpastikan terhadap pelabur-pelabur asing yang menggunakan kemudahan-kemudahan Malaysia untuk memindah industri-industri dan perdagangan yang tidak cerah lagi di negara mereka, dan apakah langkah-langkah yang sewajar akan diambil untuk menjamin perindustrian dan perdagangan tempatan tidak terjejas dari segi jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

Dato' Kok Wee Kiat: Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelaburan asing telah banyak membawa faedah kepada negara kita terutamanya dari segi pengwujudan peluang-peluang pekerjaan kepada tenaga manusia yang sentiasa bertambah dari tahun ke setahun. Semenjak tahun 1986 sehingga April, 1990 perkembangan pesat sektor perkilangan, yang sebahagian besarnya disebabkan oleh

kemasukan pelabur-pelabur asing telah dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan seperti berikut:

| <i>Tahun</i> | <i>Peluang Pekerjaan</i> |
|------------------|------------------------------|
| 1986 | 40,230 |
| 1987 | 59,779 |
| 1988 | 122,253 |
| 1989 | 169,774 |
| 1990 (Jan-April) | 64,547 |
| Jumlah; | 456,583 |

Ini telah dapat mengurangkan kadar pengangguran di negara ini dan memberi peluang-peluang latihan kepada pekerja-pekerja Malaysia di dalam bidang-bidang baru seperti elektrik, elektronik dan kejuruteraan.

Kemasukan pelaburan asing ke negara ini telah juga meningkatkan eksport barang-barang siap dan separuh siap negara ke pasaran luar negeri. Ini adalah kerana kebanyakan pelaburan asing adalah tertumpu kepada industri-industri yang berasaskan eksport seperti elektrik, elektronik, barang-barang getah dan tekstil. Dengan kemasukan pelaburan asing ini, sumbangan sektor perkilangan terhadap eksport negara telah meningkat kepada 54.1% dalam tahun 1989.

Dengan peningkatan pelaburan asing di semua bidang industri, negara telah dapat menggunakan sumber-sumber aslinya dengan lebih berkesan serta memperolehi faedah melalui proses pemindahan teknologi yang telah dapat mempertingkatkan tahap perindustrian di negara ini. Di samping itu, melalui pembangunan industri secara keseluruhannya akan dapat diwujudkan rangkaian (linkages) dengan industri kecil dan sederhana yang dapat bertindak sebagai industri sokongan kepada industri besar melalui pembekalan komponen "parts" dan "accessories".

Kerajaan memang sedar kemungkinan wujudnya kesan-kesan negatif

terhadap pemindahan industri daripada negara-negara asing ke negara kita jika ia tidak dikawal. Beberapa dasar dan langkah untuk mengelakkan keadaan ini berlaku telah diambil. Di antara dasar yang dilaksanakan ialah:

- (i) Mewujudkan prosidur perlesenan Akta Penyelarasan Perindustrian di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Akta ini diwujudkan untuk menentukan pertumbuhan industri secara teratur di samping mengenakan syarat-syarat tertentu untuk melindungi industri-industri tempatan. Di antara syarat-syarat yang dikenakan termasuklah syarat eksport, penggunaan bahan mentah tempatan dan penyertaan ekuiti asing di dalam industri tersebut.
- (ii) Bagi industri-industri tertentu seperti industri "metal stamping", industri komponen plastik, ekuiti asing adalah dihadkan kepada 60% dan industri pembungkusan 30% sahaja oleh kerana industri-industri ini sudah lama wujud dan untuk memberi peluang kepada pelabur-pelabur tempatan untuk berkembang maju. Dasar ini akan dikaji dari masa ke semasa untuk industri-industri yang lain dan jika difikirkan perlu Kerajaan akan mengenakan syarat ini kepada industri-industri tersebut.
- (iii) Mewujudkan Akta Kualiti Alam Sekeliling yang bertujuan untuk mengawal pencemaran oleh industri-industri tertentu. Melalui Akta ini, industri-industri berkenaan dikehendaki mematuhi semua peraturan berhubung dengan pencemaran alatn sekitar sebelum projek dilaksanakan.

Adalah diharapkan industri tempatan akan dapat berusaha untuk meningkatkan daya pengeluaran dan kecekapan supaya mereka dapat bersaing dengan pelabur-pelabur asing terutamanya di pasaran luar negeri.

LESEN TEKSI/BAS MINI DI WILAYAH PERSEKUTUAN

25. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:-

- (a) berapabuaahpermitteksi/basmini yang dikeluarkan bagi kawasan Wilayah Kuala Lumpur bagi tahun 1989 hingga April 1990 untuk persendirian dan syarikat; dan
- (b) mengapakah pengeluaran permit teksi di kawasan Kuala Lumpur akan dikeluarkan hanya kepada syarikat-syarikat sahaja.

Menteri Perusahaan Awam (Dato Napsiah binti Omar):

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah lesen teksi yang dikeluarkan bagi kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi tahun 1989 sehingga April 1990 ialah 1,290 dan kesemuanya kepada syarikat.

Jumlah bas mini yang dikeluarkan di kawasan Wilayah Kuala Lumpur sehingga April 1990 ialah 485 buah kepada 176 pemegang lesen. Daripada jumlah tersebut 12 daripadanya adalah di atas nama perseorangan manakala yang lain adalah atas nama daftar perniagaan ataupun Syarikat Sdn. Bhd.

- (b) Lesen teksi di kawasan Kuala Lumpur dikeluarkan kepada syarikat sahaja kerana ini adalah keputusan kabinet bertujuan untuk mempertingkatkan perkhidmatan teksi di negara kita,

juga untuk memudahkan pihak-pihak berkuasa untuk mengesan, mengawal dan mengambil tindakan sewajarnya.

PENDATANG HARAM VIETNAM—PENGHANTARAN PULANG

26. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Luar Negeri menyatakan:-

- (a) sehingga hari ini, jumlah pelarian/pendatang tanpa izin Vietnam telah dihantar balik ke negara asal berbanding dengan jumlah yang masih berada di negara dan yang tiba ke perairan Malaysia setiap hari;
- (b) adakah Kerajaan akan melaksanakan polisi memaksa pendatang tanpa izin Vietnam balik ke negara asal seperti yang dilakukan oleh Kerajaan Britain ke atas pendatang tanpa izin di Hong Kong; dan
- (c) jumlah bantuan kewangan yang diterima dari badan antarabangsa untuk membantu mereka dari berbagai segi semenjak 10 tahun dahulu.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadil bin Che Wan):

- (a) Sehingga hari ini, pendatang haram Vietnam yang telah dihantar balik secara sukarela berjumlah 143 sementarajumlah yang masih berada di Malaysia adalah seramai 17,308. Bagi tahun 1990 ini seramai 1,265 PHV telah diberi perlindungan sementara di Malaysia.
- (b) Kerajaan sedang berbincang dengan Vietnam mengenai penghantaran pulang PHV yang bukan pelarian tulin. Comprehensive Plan of Action (CPA) yang diterima oleh

Persidangan Antarabangsa Mengenai Orang Pelarian Indo China pada Jun, 1989 telah memperuntukkan penghantaran balik semua PHV yang bukan pelarian. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya tidak boleh dijalankan dengan sepenuhnya oleh sebab Amerika Syarikat dan Vietnam menentang penghantaran balik secara paksaan. Walau bagaimanapun, Malaysia akan terus berusaha untuk mendapat penyelesaian yang berkekalan.

- (c) Malaysia tidak menehma apa-apa bantuan kewangan dari mana-mana pihak untuk mengendalikan PHV. Perbelanjaan untuk menyara keperluan-keperluan harian semua PHV di Malaysia ditanggung dan diuruskan oleh pihak UNHCR. Walau bagaimanapun, dengan adanya PHV di Malaysia dan kedatangan haram dari Yietnam yang berterusan bermakna bahawa Malaysia juga turut menanggung berbagai perbelanjaan yang sukar untuk dijumlah.

KAMPUNG TRADISI— BILANGAN

27. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:-

- (a) sehingga 15.5.90, bilangan kampung tradisi dalam negara ini mengikut pecahan negeri;
- (b) sehingga 15.5.90, bilangan kampung tradisi dalam negara ini yang masih belum menerima bekalan elektrik mengikut pecahan negeri, dan mengapa;
- (c) sehingga 15.5.90, bilangan kampung tradisi dalam negara ini yang masih belum menerima

bekalan air mengikut pecahan negeri, dan mengapa;

- (d) apakah Kerajaan mempunyai rancangan atau projek khas untuk meningkatkan taraf hidup kaum bukan bumiputera miskin yang linggal di kawasan bandar dan di kawasan luar bandar. Jika ya, bcri bulir-butir rancangan dan projek ini, Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Bilangan kampung tradisi di negara ini ialah 19,400 buah. Sebanyak 3,940 buah kampung tradisi masih belum menerima bekalan elektrik, 5,553 buah kampung tradisi masih belum menerima bekalan air. Pecahan kedudukan kampung tradisi dan bilangan kampung yang masih belum menerima bekaian elektrik dan air adalah seperti berikut:

| Negeri | Taburan Kampung Tradisi | | |
|-----------------|-------------------------|------------------------|-------------------|
| | Bilangan | Bilangan | Bilangan |
| | Terdiri | Belum Bekalan Elektrik | Belum Bekalan Air |
| Perlis | 256 | - | 40 |
| Kedah | 1,534 | 13 | 350 |
| Pulau Pinang | 343 | 2 | 15 |
| Perak | 1,933 | 230 | 280 |
| Selangor | 347 | 15 | 10 |
| Negeri Sembilan | 803 | 10 | 10 |
| Melaka | 477 | 2 | 3 |
| Johor | 1,746 | 210 | 220 |
| Pahang | 1,427 | 22 | 85 |
| Terengganu | 1,510 | 20 | 250 |
| Kelantan | 2,060 | 60 | 480 |
| Sabah | 2,498 | 1,520 | 1,850 |
| Sarawak | 4,457 | 1,800 | 1,960 |
| Jumlah: | 19,400 | 3,904 | 5,553 |

Kampung-kampung yang belum mendapat bekalan elektrik adalah kerana kedudukan kampung-kampung tersebut jauh di pedalaman dan terpisah dari segi perhubungan untuk menyambung kabel-kabel elektrik. Bagi bekalan air, masalahnya hampir sama dengan bekalan elektrik di mana kedudukan kampung-kampung adalah terpencil dan

berselerak serta menyulitkan penyambungan paip air. Wujud juga masalah ketiadaan punca air. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang berusaha supaya kampung-kampung yang belum mendapat kedua-dua bekalan tersebut dapat menikmatinya dalam rancangan pembangunan Malaysia Keenam,

Mengenai projek khas yang dicadangkan oleh Yang Berhormat untuk meningkatkan taraf hidup kaum bukan bumiputera miskin, tentulah Yang Berhormat itu maklum bahawa tiada diskriminasi dalam dasar Kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat negara ini.

PROJEK PELABURAN ASING

28. Tuan Cbew Kam Hoy minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyaikan:-

- (a) memandangkan bahawa Kerajaan telah meluluskan projek-projek pelaburan bernilai \$ 17.06 ribu juta sepanjang empat bulan perlama tahun ini dan dari jumlah itu, \$10,282 terdiri daripada pelaburan asing dan \$6,779 pelaburan tempatan. Dari manakah pelaburan asing itu berasal dan dalam bidang apa;
- (b) apakah projek-projek pelaburan yang telah diluluskan oleh Kerajaan; dan
- (c) bagaimana pula dengan prestasi sektor perabot dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mempertingkatkan lagi prestasinya.

Dato' Kok Wee Kiat:

- (a) Mengenai projek-projek yang telah diluluskan bagi 4 bulan pertama tahun 1990, sebahagian besar daripadanya adalah daripada Taiwan, Indonesia, Iran, Jepun dan Sweden, United

Kingdom dan Singapura (56%). Pelaburan ini adalah di dalam industri barang-barang logam dibentuk (fabricated metal products), petroleum, elektrik dan elektronik, kimia dan barang-barang kimia.

- (b) Di antara projek-projek yang telah diluluskan adalah projek:-
 - (i) Megasteel Industries Sdn. Bhd.
(\$8,426 juta)
 - (ii) Tri Peiro Corporation Sdn. Bhd.
(53,378 juta)
 - (iii) Tioxide Malaysia Sdn. Bhd.
(S550juta)
 - (iv) Hitachi Chemical (Malaysia) Sdn. Bhd.
(\$220juta)
 - (v) Matsushita Electronic Motor
(\$178 juta).
- (c) Mengenai sektor perabot, saya maklumkan bahawa sektor ini telah menunjukkan prestasi yang menggalakkan. Eksport perabot telah menunjukkan peningkatan yang pesat. Bagi jangkamasa 1987-1989 prestasi eksport sektor ini telah melebihi matlamat (target) Pelan Induk Perindustrian (PIP). Dalam tahun 1987, nilai eksport ialah sebanyak \$56.5 juta berbanding dengan matlamat PIP sebanyak \$42.1 juta, iaitu berlebihan sebanyak 34.2%. Dalam tahun 1988 pula nilai eksport ialah \$93.9 juta bcrbanding dengan matlamat PIP sebanyak \$46.0 juta, iaitu berlebihan sebanyak 104.1%. Dalam tahun 1989 pula, nilai eksport ialah sebanyak \$171.3 juta berbanding dengan \$50.0 juta matlamat PIP, iaitu berlebihan sebanyak 242.6%.

Kerajaan akan terus mengambil daya usaha bagi mempertingkatkan lagi prestasi sektor perabot ini dari segi peningkatan keluaran, mutu dan sebagainya bagi tujuan mencapai matlamat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara pengeluar perabot yang ketara di dunia, sebagaimana yang digariskan dalam perakuan P.I.P. Di antara langkah-langkah yang telah dan sedang dibuat ialah:

- (i) mengadakan kompleks perabot seperti di Olak Lempit, Selangor, untuk menempatkan pengusaha-pengusaha perabot sertamemberibantuan-bantuan yang diperlukan bagi mempertingkatkan lagi daya pengeluaran mereka;
- (ii) mewujudkan Pusat Pengujian Perabot di Institut Penyelidikan Perhulanan Malaysia (FRIM), bagi tujuan pengeluaran Sijil Akuan Mutu (Quality Assurance Certificate) untuk keluaran-keluaranperabot;
- (iii) memberi galakan-galakan tambahan untuk mempergiatkan pertumbuhan industri berasaskan kayu termasuk perabot, iaitu sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawan yang lalu; dan
- (iv) Kerajaan juga telah bersetuju pada dasarnya untuk mengurangkan beberapa lesen dan bayaran yang dikenakan bagi aktiviti-aktiviti perkilangan berasaskan kayu.

Selain dari itu, bagi memastikan bekalan bahan mentah untuk industri perabot mencukupi, Kerajaan telah mengharamkan eksport rolan menlah daripada Semenanjung Malaysia mulai 1.12.1989 dan telah mengenakan levi ke atas beberapa jenis kayu gergaji secara berperingkat-peringkat mulai tahun ini.

TERNAKAN KERBAU

29. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Pertanian menyatakan rancangan Kementerian dalam jangkamasapanjang untuk meningkatkan jumlah kerbau di negara ini memandangkan ramai rakyat Malaysia suka makan daging kerbau daripada lembu. Nyaiakan jumlah kerbau di seluruh negara dan jumlah yang kita import.

Tuan Ong Tin Kim: Satu program yang dipanggil Rancangan Menternak Lembu Kerbau dilaksanakan sebagai aktmti pendapatan utama atau aktiviti pendapatan tambahan kepada pelbagai peringkat penternak di seluruh negara. Program ini merupakan satu tindakan jangkamasa panjang Jabatan Perkhidmatan Haiwan di bawah Kementerian Pertanian dalam usaha mempertingkatkan jumlah dan mutu ternakan khususnya lembu dan kerbau di dalam negara.

Objektif Program Rancangan Menternak Lembu dan Kerbau adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan pengeluaran daging tempatan yakni lembu dan kerbau secara ekonomik supaya negara tidak terlalu bergantung dari sumber luar; dan
- (ii) mewujudkan peluang memperoleh pendapatan sama ada sebagai sumber pendapatan utama ataupun sumber pendapatan tambahan.

Berpandukan kepada dasar dan objektif program, beberapa rancangan telah dikenalpasti dan diusahakan bagi mencapai matlamat iaitu:

- (i) *Rancangan Penternakan Bibit.*

Projek ini adalah di dalam bentuk Kredit Ternak (atau dahulunya dipanggil Pawah). Melalui sistem ini penternak layak menerima beberapa ekor

bibit betina mengikut jenis kredit yang diluluskan oleh Kementerian. Sebagai bayaran atau pulangan kepada Kerajaan, penternak tersebut mestilah memulangkan sejumlah anak muda dalam tempoh yang sesuai dan dipersetujui oleh kedua pihak.

(ii) *Rancangan Penggemukan.*

Rancangan ini berasaskan pemeliharaan anak muda lembu/kerbau jantan untuk dibesarkan hingga mencapai berat badan yang sesuai untuk disembelih. Anaklembukerbau muda jantan atau dipanggil pengganti akan dinilai semasa penerimaan oleh penternak. Apabila penggemukan selesai dan ternakan dijual, nilai ternakan tersebut ditolakkan kepada nilai asal. Nilai ini adalah pendapatan kepada penternak, sementara nilai asal dikembalikan kepada Kerajaan.

(iii) *Penubuhan Pusat Pemasaran.*

Pada masa ini sistem pemasaran lembu dan kerbau pedaging khususnya di peringkat pengeluaran penyembelihan adalah tidak tersusun dan ini menjejaskan penggalakan penternak untuk mempertingkatkan industri penternakan. Di samping itu, pengeluaran daging yang segar, bersih dan bermutu dapat dipertingkatkan dan dikawal apabila penubuhan Pusat Pemasaran terlaksana.

Dengan adanya kemudahan ini penternak dapat membawa keluar ternakan pada hari-hari tertentu. Satu lagi ciri pemasaran ialah menetapkan gred berasaskan badan, berat badan, keadaan badan, umur dan sebagainya. Sistem

pedegar ini akan menggalakkan penternak berusaha mempertingkatkan jumlah dan mutu ternakan khususnya kerbau lembu.

(iv) *Rancangan Mempergiat Perkhidmatan Sokongan.*

Pada tahun 1988 jumlah kerbau di dalam negara ialah 139,674 ekor dan kerbau yang diimport pada tahun 1987 ialah 302 ekor, 1988 ialah 466 ekor dan pada tahun 1989 ialah 338.

PERJANJIAN BERSAMA MALAYSIA-THAILAND

30. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri memberi butir-butir lanjut berkenaan perjanjian cari minyak di antara Malaysia dan negara Thai, dan apakah sebabnya Malaysia memper-setujui perjanjian bersama ini apabila zon yang terlibat itu adalah kepunyaan Malaysia dan bukan negara Thai.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud): Seperti Yang Berhormat sedia termaklum perjanjian mengenai Perlembagaan dan lain-lain perkara berhubung dengan penubuhan Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand (PBBMT) atau Malaysia-Thailand Joint Authority telahpun ditandatangani oleh kedua-dua Menteri Luar Malaysia dan Thailand pada 30 Mei 1990 yang lepas di Kuala Lumpur, Perjanjian ini mempunyai peruntukan mengenai penubuhan struktur pentadbiran dan operasi secara bersama cadangan PBBMT di kawasan luar pantai Kelantan dan selatan Thailand yang meliputi kawasan seluas 2700 batu persegi. Perjanjian ini menandakan persetujuan di antara kedua negara untuk memulakan usaha kerjasama bagi mengcksplloitasi sumber-sumber tidak hidup, khasnya

petroleum daripada kawasan berkenaan. Ianya berasaskan Memorandum Persefahaman yang telah ditandatangani antara Malaysia dan Thailand pada 21 Februari 1979 setelah kedua-dua negara menemui jalan buntu bagi menyelesaikan masalah tuntutan bertindih di kawasan berkenaan.

Rang Undang-undang Penubuhan Badan Berkuasa Malaysia-Thailand berkenaan akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini dalam sidang sekarang, Butir-butir lain terdapat dalam Rang Undang-undang tersebut. Seperti Yang Berhormat' maklum, kawasan yang terlibat ini merupakan suatu kawasan yang lelah dituntut oleh kedua-dua negara untuk beberapa lama. Beberapa usaha lelah dijalankan untuk menyelesaikan tuntutan bertindih ini tetapi telah menemui jalan buntu. Dalam pada itu pula, kedua-dua negara Malaysia dan Thailand sedar bahawa di kawasan berkenaan terdapat sumber-sumber tidak hidup khasnya petroleum yang boleh dieksploitasikan secara ekonomik. Bagaimanapun, oleh kerana tuntutan bertindih itu negara kita secara bersendirian tidak boleh mengeksploitasikannya. Ini sungguh merugikan memandangkan sumber-sumber yang berpotensi yang terdapat di kawasan itu. Dengan yang demikian, jalan yang sebaik-baiknya ialah bagi Malaysia dan Thailand mengeksploitasi sumber-sumber petroleum ini bagi kepentingan bersama,

Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun perjanjian telah dibuat untuk mengadakan usahasama eksploitasi petroleum di kawasan berkenaan, ini tidak bermakna bahawa tuntutan Malaysia ke atas kawasan berkenaan diketepikan. Perjanjian berkenaan yang telah ditandatangani merupakan suatu cara kerjasama (operational arrangement) sahaja. Kepentingan kedaulatan negara terpelihara dalam perjanjian itu.

MAS—PENGANTIAN PESAWAT LAMA

31. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Pengangkutan menyatakan tidakkah pihak MAS bercadang untuk menukarkan pesawat-pesawat lama bagi penerbangan tempatan memandangkan jumlah penumpang yang kian bertambah.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) sememangnya mempunyai rancangan penggantian pesawat-pesawat lama untuk menampung penerbangan dalam negeri. Untuk makluman Yang Berhormat, program penggantian pesawat F27 dengan F50 sedang berjalan dengan lancar dan pesawat F50 ke 10 (iaitu yang terakhir) dijangka tiba pada bulan Januari 1991. Menjelang tahun 1994, MAS juga akan mengambil langkah-langkah untuk menggantikan pesawat-pesawat B737-200 dengan jenis B737-400 dan B737-500. MAS juga sudah menempah sebanyak 8 buah pesawat A330-300 yang dijangka diterima mulai 1994. Pembelian pesawat-pesawat tersebut, adalah juga bersetuju untuk menampung penerbangan dalam negeri yang kian bertambah.

LESEN BOT LAUT DALAM— JUMLAH

32. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pertanian menyatakan berapakah jumlah quotadan lesen perusahaan laut dalam yang dikeluarkan untuk negeri Kelantan hingga sekarang. Sama ada Kerajaan sedar bahawa terdapat bot-bot yang dilesenkan untuk perusahaan laut dalam itu telah mendaratkan hasil-hasil tangkapan mereka di negara asing dan juga yang berpangkalan di negara asing itu, apakah langkah-langkah dan

tindakan Kerajaan bagi mengatasi dan menyelesaikan masalah ini.

Tuan Ong Tin Kim: Jumlah bot laut dalam yang akan dilesenkan bagi seluruh negara (termasuk Malaysia Timur) ialah 646 unit. Dari jumlah ini, sebanyak 79 unit telah diluluskan untuk negeri Kelantan. 39 unit darinya sedang beroperasi, 18 unit bot sedang dibina dan 22 unit kelulusan lesen telah ditarik balik.

Kerajaan sedar bahawa terdapat bot-bot laut dalam tempatan yang mendaratkan hasil tangkapan mereka di negara asing. Di antara langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi dan menyelesaikan masalah tersebut adalah seperti berikut:-

- (a) Pengawasan ke atas pergerakan setiap bot laut dalam yang dilesenkan. Setiap bot dikehendaki mengisi borang keluar sebelum keluar ke laut untuk menangkap ikan dan mengisi borang masuk ketika masuk ke pengkalan.
- (b) Di samping itu setiap bot laut dalam adalah dibekalkan dengan buku log. Hasil tangkapan akan direkodkan oleh pengusaha bot bagi setiap "trip" operasi.
- (c) Bot-bot yang hendak mengeksport hasil tangkapan mereka ke luar negeri, mereka terlebih dahulu dikehendaki mengisytiharkan hasil tangkapan di pengkalan yang ditetapkan dan membayar cukai kastatn yang dikenakan.
- (d) Kemudahan-kemudahan asas yang terdapat di tempat-tempat pendaratan ikan yang tertentu bagi menampung keperluan bot-bot laut dalam akan dipertingkatkan lagi.

BANK UTAMA—PEMILIKAN SYER

33. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) latarbelakang dan prosedur terhadap penyusunan semula syer dan pengurusan di dalam Bank Utama baru-baru ini;
- (b) butir-butir terhadap Syarikat Kenyalang Indah Sdn. Bhd. sama ada Syarikat tersebut sudah memohon membeli saham-saham dalam Bank Utama itu, dan jika ya, berapakah saham-saham telah ia dapati; dan
- (c) adakah Bank Negara sudah meluluskan perlantikan seorang pengerusi SEDC sebagai Pengerusi Lembaga Bank Utama baru, dan jika ya, adakah ia dilantik sebagai wakil Syarikat Kenyalang Indah ataupun wakil bagi pihak lain.

Dato' Loke Yuen Yow:

- (a) Perubahan yang berlaku dalam pemilikan sebahagian daripada syer Bank Utama baru-baru ini adalah merupakan satu proses biasa dalam sesebuah syarikat. Proses ini akan terus berlaku dari masa ke semasa selagi ada keinginan pihak tertentu untuk menjual dan kesanggupan pihak yang lain untuk membelinya. Begitulah juga dengan kedudukan pengurusan sesebuah syarikat di mana ia boleh disusun semula dari masa ke semasa mengikut kehendak pemegang-pemegang sahamnya.

Kementerian Kewangan tidak akan mempersoal dan menghalang cadangan untuk menjual atau membeli syer dalam mana-mana institusi kewangan sekiranya ia dibuat selaras dengan peraturan dan undang-undang yang ada.

- (b) Bahagian (b) kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat tidak wajar dijawab oleh Kementerian Kewangan kerana pertanyaan itu menyentuh perkara-perkara yang dianggap rahsia bagi syarikat dan bank berkenaan; dan
- (c) Perlantikan Pengerusi Lembaga Pengarah Bank Utama yang baru, sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telahpun mendapat kelulusan sewajarnya. Soal kepentingan beliau dalam bank tersebut tidak wajar dihebahkan oleh Kementerian Kewangan kerana pihak institusi-institusi kewangan bebas mencadangkan siapa jua yang dirasakan layak untuk menjadi Pengerusi atau ahli Lembaga Pengarah mereka.

PERKHIDMATAN BAS MARA

34. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Pcmangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan berhubung dengan perjalanan bas MARA:

- (a) sila nyatakan jumlah bas ekspres yang dikendalikan oleh anak syarikat MARA dan apakah kriteria yang digunakan oleh MARA untuk mengadakan perkhidmatan bas sendiri di destinasi tertentu dan dalam keadaan mana pula destinasi tadi diselenggarakan oleh syarikat persendirian;
- (b) sedarkah Kementerian bahawa dengan MARA menjalankan perusahaan bas sendiri maka ia telah bersaing dengan syarikat bumiputera dan kadang-kadang ia menyekat peluang bumiputera untuk menjalankan perusahaan itu;
- (c) adakah MARA bercadang untuk menyerahkan perusahaan bas yang dikendalikannya kepada

mana-mana syarikat dan memastikan bahawa pemberiannya dibuat atas dasar perniagaan dan bukan atas rundingan sulit; dan

- (d) MARA telah melantik wakil-wakilnya untuk menjual tiket bas MARA di tempat-tempat yang ada perkhidmatannya. Sila nyatakan apakah syarat-syarat yang dikenakan dan adakah benar bahawa banyak wakil-wakil tadi tidak menjelaskan wangnya kepada MARA. Jika benar, sila sebutkan jumlah yang tidak dijelaskan dan apakah MARA berhajat untuk menyiasat dan mengenakan tindakan.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:

- (a) Syarikat MARA (di bawah MHSB) mempunyai 433 bas ekspres.

Kriteria bagi mengadakan perkhidmatan bas ke destinasi tertentu adalah berdasarkan Viabiliti dan keperluan pengangkutan di laluan berkenaan terutama jika belum ada lagi syarikat persendirian.

- (b) Penglibatan MARA dalam perusahaan bas sebenarnya bukanlah untuk bersaing dengan syarikat bumiputera. Sebaliknya penglibatan syarikat MARA merupakan sebagai perintis dan sokongan kepada penglibatan bumiputera. Ini kerana syarikat MARA diwujudkan lebih awal dari wujudnya syarikat bumiputera, dan sebahagiannya pula mengambilalih syarikat-syarikat pengangkutan (bumiputera dan bukan bumiputera) yang pada masa itu bermasalah dan tidak bercadang untuk meneruskan operasinya lagi.

- (c) Salah satu penglibatan MARA yang dianggap strategik dan berjaya adalah dalam bidang pengangkutan bas penumpang di mana pada masa ini gabungan kumpulan syarikat-syarikat MARA merupakan kumpulan pengangkutan bas penumpang terbesar dan berjaya di Malaysia. Ini dicapai melalui proses 'synergism' di mana lebih kurang 20 syarikat MARA ini diuruskan melalui satu kumpulan pengurusan sahaja. MARA bercadang mengekalkan sistem ini pada masa ini.
- (d) Antara syarat-syarat utama perlantikan wakil-wakil untuk menjual tiket bas MARA adalah seperti berikut:
- (i) wang pertaruhan sebanyak \$2,000 dan mempunyai "fidelity guarantee insurance";
 - (ii) mempunyai pasaran yang cukup seperti lokasi, tempat untuk menjual tiket;
 - (iii) tidak menjadi wakil penjual kepada syarikat-syarikat lain;
 - (iv) mempunyai keupayaan untuk menjadi wakil penjual tiket.

Pengambilan wang daripada wakil-wakil penjual dibuat tiap-tiap minggu. Kes-kes wakil penjual tidak menjelaskan wang kepada MARA seperti dakwaan Yang Berhormat tidak timbul lagi sekarang. Hanya terdapat satu atau dua kes sahaja berlaku di masa lepas dan perkara ini telah diselesaikan secara baik melalui persetujuan kedua-dua pihak.

DUTIIMPORT KERETA BARU/ TERPAKAI

35. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan kenapakah cukai di atas kereta-kereta import begitu tinggi jika dibandingkan dengan harganya jika dibeli di England dan Eropah.

Dato' Kok Wee Kiat: Pada masa ini kereta import baru atau terpakai dikenakan duti import di antara 140% hingga 300% bergantung kepada nilai kereta berkenaan serta dikenakan cukai jualan sebanyak 10%. Kadar duti tersebut bertujuan untuk melindungi industri pembuatan dan pemasangan kereta tempatan. Industri berkenaan masib lagi di dalam tahap yang perlu diberi perlindungan oleh Kerajaan kerana ianya melibatkan pelaburan yang besar serta memainkan peranan yang penting untuk pembangunan sektor pengilangan, terutama di dalam industri pembuatan komponen-komponen kereta.

Di samping itu, kadar duti berkenaan juga adalah bertujuan untuk menggalakkan pembelian kereta buatan Malaysia selaras dengan kempen "Belilah Barangan Buatan Malaysia". Langkah ini adalah merupakan salah satu daripada strategi Kerajaan untuk menggalakkan pengaliran wang Malaysia keluar negeri dalam mengawasi imbalan perdagangan negara. Struktur duti ke atas kereta import diharapkan dapat mengurangkan pembelian barang-barang mewah. Oleh itu, mereka yang berkemampuan hendaklah bersedia membeli kereta tersebut pada paras harga yang ditawarkan.

Cukai yang dikenakan ke atas kereta-kereta import bukanlah merupakan alasan utama yang menyebabkan harga kereta di negara ini lebih tinggi daripada harga kereta di luar negeri seperti di England atau di Eropah. Faktor-faktor lain seperti kadar pertukaran wang asing,

kos pengangkutan, bayaran insuran dan lain-lain kos pentadbiran adalah mempengaruhi paras harga kereta-kereta yang diimport ke negara ini.

JENAYAH PERDAGANGAN— BILANGAN KES

36. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Dalam Negeri menerangkan benarkah kes jenayah perdagangan dan kes jenayah harta benda di negara ini kian tahun kian bertambah. Jika benar, nyatakan secara berasingan kes-kes yang berlaku dalam tahun 1981 hingga 1989 berdasarkan butir-butir yang berikut:-

- (a) bilangan kes jenayah perdagangan;
- (b) jumlah kerugian yang dialami;
- (c) bilangankesjenayahhartabenda; dan
- (d) jumlah kerugian yang dialami.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Sejak tahun 1981 kes-kes jenayah perdagangan telah melibatkan kerugian berjuta-juta ringgit. Kes-kes tersebut termasuklah pecah amanah jenayah, penipuan, pemalsuan dan wang palsu. Statistik bilangan kes jenayah perdagangan serta jumlah kerugian yang dialami adalah seperti berikut:

| Tahun | Bilangan Kes | Jumlah Kerugian |
|-------|--------------|------------------|
| 1981 | 3,016 | \$ 20,587,349.57 |
| 1982 | 3,166 | \$64,951,721.12 |
| 1983 | 4,269 | »56,239,319.99 |
| 1984 | 4,491 | \$ 67,310,053.99 |
| 1985 | 5,026 | \$ 85,923,039.02 |
| 1986 | 5,043 | \$168,717,852.93 |
| 1987 | 4,748 | \$172,734,755.27 |
| 1988 | 5,047 | \$139,006,966.91 |
| 1989 | 4,591 | \$130,833,493.60 |

HUTANG NEGARA—JUMLAH

37. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) jumlahhutangnegarabagitahun-tahun 1988 dan 1989;

- (b) jumlah hutang Kerajaan Persekutuan bagi tahun-tahun 1988 dan 1989;
- (c) amaun hutang luar negeri dan dalam negeri bagi tempoh yang sama (1988 dan 1989); dan
- (d) amaun yang dibelanjakan ke atas perkhidmatan hutang bagi tahun-tahun 1988 dan 1989 dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengurangkan masalah hutang kita.

Dato' Loke Yuen Yow:

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, hutang negara yang meliputi hutang luar Kerajaan Persekutuan, Perusahaan Awam Bukan Kewangan dan sektor swasta bagi tahun 1988 adalah sebanyak \$46.7 billion, manakala bagi tahun 1989 adalah sebanyak \$41.9 billion.
- (b) & (c) Hutang Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1988 adalah sebanyak \$86.9 billion meliputi \$61.0 billion pinjaman dalam negeri dan \$25.9 billion pinjaman luar negeri, manakala bagitahun 1989 adalah sebanyak \$89.8 billion meliputi \$65.6 billion pinjaman dalam negeri dan \$24.2 billion pinjaman luar negeri.
- (d) Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, khidmat bayaran hutang ialah untuk membayar bayaran pokok (principal) pinjaman dan bayaran faedah bagi pinjaman dalam dan luar negeri. Bagitahun 1988 Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan sebanyak \$23.7 billion sebagai khidmat bayaran hutang meliputi sejumlah \$7.4 billion bagi bayaran khidmat hutang luar negeri dan \$16.3 billion bagi bayaran khidmat hutang dalam negeri. Pada tahun 1989 jumlah perbelanjaan tersebut berjumlah \$21.8 billion

iaitu sebanyak \$4.7 billion bagi hutang luar negeri dan \$17.1 billion bagi hutang dalam negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sesebuah negara perlu mengawasi tahap hutang luar supaya ianya tidak menimbulkan masalah beban hutang. Kerajaan Persekutuan senantiasa peka terhadap masalah ini dan melaksanakan dasar pengurusan hutang yang teliti. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan beban hutang ialah dengan mengurangkan pinjaman luar negeri, membuat pembayaran awal dan juga menggantikan pinjaman yang tertakluk kepada kadar faedah yang tinggi dengan pinjaman yang mengenakan faedah rendah.

LLN—PENSWASTAAN

38. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:-

- (a) sama ada Kerajaan telah menentukan syarikat-syarikat British yang manakah yang akan menerima tawaran untuk menswastakan Lembaga Letrik Negara atau tidak. Jika sudah, apakah nama syarikat-syarikat tersebut. Berapa syarikatkah yang akan diberi tawaran. Mengapakah bilangan ini dipilih;
- (b) bagaimanakah Kerajaan bercadang "membahagikan" tender ini di antara syarikat-syarikat British untuk mengesyorkan masalah-masalah sepertimana yang berlaku dalam negara Britain sendiri tidak wujud, iaitu kekeliruan timbul apabila penswastan memisahkan di antara dua syarikat tugas penjanaan dengan pengagihan elektrik;

(c) menurut laporan, perbincangan telah diadakan dengan dua syarikat British, National Power dan Scotlish Power. Tetapi, pada bulan November lalu, Menteri pula mengadakan perbincangan dengan tiga buah syarikat lain, iaitu Power-Gcn, Central Electric General Board dan British Telecoms. Apakah perbezaan di antara perbincangan dengan kumpulan tiga syarikat yang pertama dengan kedua-dua syarikat yang terbaru ini; dan

(d) pada awal bulan November lalu (9.11.89), dilaporkan bahawa Kabinet belum membuat keputusan untuk sama ada membenarkan pelabur asing mempunyai kepentingan 25% dalam penswastan LLN. Adakah pendirian ini masih kekal atau digugurkan, mengapa.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telahpun dijawab semasa saya menjawab soalan yang sama yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh pada 18.6.90 dan saya tidak bercadang menambah apa-apa.

KUMPULAN AJARAN SESAT

39. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob minta Perdana Menteri menyatakan apakah- Kementerian ini bertindak kepada amalan-amalan sesat yang dilakukan oleh kumpulan-kumpulan tertentu di negara ini. Adakah dianggap sesat mereka yang menggunakan ayat-ayat al-Quran untuk kepentingan politik mereka di satu masa dan ditinggalkan ayat-ayat itu di masa lain pada masalah yang sama.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Kerajaan melalui peruntukan

undang-undang dan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak telah, sedang dan akan bertindak dari semasa ke semasa terhadap kumpulan ajaran sesat di negara ini. Tindakan diambil berdasarkan kepada sejauh mana ancaman yang ditimbulkan oleh kumpulan ajaran sesat tersebut. Bagi kumpulan yang menimbulkan ancaman dari segi aqidah, syariah dan perpaduan ummah, kebiasaannya tindakan diambil berdasarkan Enakmen-enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri setelah penyelewengan ajaran tersebut difatwakan oleh Jawatankuasa-jawatankuasa Patwa Negeri. Bagi ajaran atau kumpulan yang menimbulkan ancaman dari sudut ketenteraman awam dan keselamatan negara, tindakan akan diambil berdasar undang-undang Persekutuan.

Jika seseorang atau sesuatu kumpulan menggunakan ayat-ayat al-Quran untuk kepentingan politik mereka lampa penyeleweng dari maksud asal ayat tersebut tidaklah dianggap sesat. Sebaliknya jika diselewengkan ayat-ayat tersebut khususnya untuk kepentingan peribadi atau kumpulan tertentu dengan membuat pentafsiran-

pentafsiran tidak berdasarkan kepada kitab-kitab tafsir yang muktabar adalah dianggap mempermain-mainkan ayat al-Quran.

PERTUBUHAN KEBAJIKAN SUKARELA—JUMLAH BANTUAN

40. Tuan M. G. Pandithan minta Merueri Kebajikan Masyarakat menyatakan bilangan pertubuhan kebajikan sukarela yang menerima bantuan kewangan daripada Kementerian dan nyatakan jumlah peruntukan bagi tiap-tiap pertubuhan bagi tahun 1988, 1989 dan 1990.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Untuk makluman Yang Berhormat, bantuan kewangan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat kepada pertubuhan-pertubuhan kebajikan sukarela adalah seperti berikut:

| <i>Tahun</i> | <i>Bilangan Pertubuhan</i> | <i>Jumlah Bantuan</i> |
|--------------|----------------------------|-----------------------|
| 1988 | 86 | 4,098,833 |
| 1987 | 87 | 4,544,591 |
| 1990 | 85 | 3,989,582 |

Maklumat terperinci mengenai pertubuhan-pertubuhan yang menerima bantuan tersebut bagi tahun-tahun 1988, 1989 dan 1990 adalah seperti berikut:-

Senarai Pertubuhan Sukarela Yang Diberi Bantuan Geran Tahunan

Pertubuhan Sukarela - Peringkat Kebangsaan

| | <i>Jumlah Geran (\$)</i> | | |
|--|--------------------------|-------------|-------------|
| | <i>1988</i> | <i>1989</i> | <i>1990</i> |
| 1. Majlis Pusat Kebajikan Semenanjung Malaysia | 20,000 | 20,000 | 20,000 |
| 2. Majlis Kebajikan Kanak-kanak Malaysia | 15,000 | 15,000 | 15,000 |
| 3. Majlis Kebajikan Masyarakat Kebangsaan Malaysia | 60,000 | 10,000 | 10,000 |
| 4. Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (Bencana Alam) | 717,574 | 743,447 | 896,300 |
| 5. Persatuan Palang Merah Antarabangsa | 54,500 | 54,500 | 54,500 |
| 6. Persatuan Kesihatan Mental Malaysia | 10,000 | 10,000 | 10,000 |
| 7. Persatuan Pemeliharaan dan Penyaraan Kanak-kanak Malaysia | 6,000 | 6,000 | 6,000 |

| | <i>Jumlah Geran (\$)</i> | | |
|--|--------------------------|-------------|-------------|
| | <i>1988</i> | <i>1989</i> | <i>1990</i> |
| 8. Persatuan Bagi Orang-orang Buta Malaysia | 45,000 | 52,000 | 52,000 |
| 9. Majlis Pemulihan Malaysia | 11,500 | 33,100 | 26,500 |
| 10. Persatuan Kebangsaan Pekak Malaysia | 9,000 | 9,000 | 9,000 |
| 11. Majlis Kebangsaan Bagi Orang Buta Malaysia | 7,000 | 7,000 | 7,000 |
| 12. Persatuan Untuk Orang Kerdil Malaysia | 1,000 | | |
| 13. Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia | 4,032 | 8,176 | 10,220 |
| Jumlah | 960,606 | 968,223 | 1,116,520 |

Pertubuhan Sukarela - Keluarga & Kanak-kanak

Pulau Pinang

| | | | |
|---|--------|--------|--------|
| 1. Persekutuan Kebajikan Anak-anak Yatim Pulau Pinang | 81,614 | 95,849 | 95,849 |
| 2. The Ramakrishna Ashrama | 47,450 | 47,450 | 47,450 |
| 3. St. Joseph Home | 18,980 | 18,980 | 18,980 |
| 4. The Salvation Army Boys' Home | 37,960 | 37,960 | 37,960 |
| 5. Pusat Krisis Wanita | 3,000 | 3,000 | 3,000 |

Kedah

| | | | |
|--|--------|--------|--------|
| 6. Badan Usaha Didikan Anak-anak Yatim | 31,317 | 31,317 | 31,317 |
|--|--------|--------|--------|

Perak

| | | | |
|--|--------|--------|--------|
| 7. Rumah Kebajikan Kanak-kanak, Taiping | 37,960 | 37,960 | 37,960 |
| 8. Persekutuan Seruan Islam Perak Sekolah Latihan Wanita | 85,410 | 85,410 | 85,410 |

Wilayah Persekutuan

| | | | |
|------------------------|--------|--------|--------|
| 9. Persatuan Pure Life | 94,900 | 94,900 | 94,900 |
|------------------------|--------|--------|--------|

Selangor

| | | | |
|--|--------|--------|--------|
| 10. Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim/ Miskin Kelang | 52,195 | 52,195 | 52,195 |
| 11. Pertubuhan Pendidikan Anak-anak Yatira Rumah Bakti, Ulu Kelang | 61,685 | 61,685 | 61,685 |
| 12. Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Islam Sabak Bernam | 21,827 | 21,827 | 21,827 |
| 13. Pertubuhan Pertolongan Wanita (Womens's Aid Organisation) | 23,725 | 23,725 | 23,725 |
| 14. Rumah Tunas Harapan, Kuala Selangor | 65,000 | 69,630 | 64,360 |

Negeri Sembilan

| | | | |
|---|--------|--------|--------|
| 15. Jemaah Kebajikan Anak-anak Yatim & Miskin, Ulu Gadong | 66,430 | 66,430 | 66,430 |
|---|--------|--------|--------|

| | <i>Jumlah Geran (\$)</i> | | |
|--|--------------------------|-------------|-------------|
| | <i>1988</i> | <i>1989</i> | <i>1990</i> |
| Melaka | | | |
| 16. Lembaga Pengurusan Anak Yatim/Miskin Islam, Sungai Udang | 56,940 | 56,940 | 56,940 |
| Johor | | | |
| 17. Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Islam, Batu Pahat | 18,980 | 36,062 | 36,062 |
| Terengganu | | | |
| 18. Persatuan Kebajikan Islam (PERKASA) Kuala Terengganu | 33,215 | 33,215 | 33,215 |
| Jumlah | 838,588 | 874,535 | 869,265 |
| Pertubuhan Sukarela - Orang Tua | | | |
| Pulau Pinang | | | |
| 1. Persatuan Rawatan Orang Tua Uzur | 67,160 | 83,950 | 83,950 |
| 2. Penang & Province WeUesley Silver Jubilee Fund, Rumah Orang-orang Tua Jubilee Perak | 100,740 | 100,740 | 100,740 |
| Wilayah Persekutuan | | | |
| 3. Selangor King George V Silver Jubilee Fund Rumah Orang Tua | 46,173 | 46,173 | 46,173 |
| Selangor | | | |
| 4. Rumah Orang-orang Tua Ampang | 37,778 | 37,778 | 37,778 |
| Johor | | | |
| 5. Miriam Home For The Aged | - | - | 16,790 |
| Terengganu | | | |
| 6. Rumah Kebajikan Taman Bahagia, Bukit Payong | 47,012 | 47,012 | 47,012 |
| Jumlah | 298,863 | 315,653 | 332,443 |
| Pertubuhan Sukarela-Akhlak | | | |
| Pulau Pinang | | | |
| 1. Counselling CentrePenang | 4,000 | 4,000 | 4,000 |
| Kedah | | | |
| 2. Persatuan Membantu Orang-orang Dalam Penyeliaan Kedah (PENAWAR) | 4,000 | 4,000 | 4,000 |

| | <i>Jumlah Geran (\$)</i> | | |
|---|--------------------------|----------------|----------------|
| | <i>1988</i> | <i>1989</i> | <i>1990</i> |
| Perak | | | |
| 3. Persatuan Befrienders Ipoh | 4,000 | 4,000 | 4,000 |
| Wilayah Persekutuan | | | |
| 4. Persatuan Pembantu Bekas-bekas Banduan | 8,000 | 8,000 | 9,000 |
| Selangor | | | |
| 5. Pusat Kebajikan Good Shepherd Bukit Madonna | 52,195 | 52,195 | 52,195 |
| 6. Montfort Boys Town | 227,760 | 257,760 | 227,760 |
| 7. Sedia Bersahabat (The Befrienders), Petaling Jaya | 8,000 | 8,000 | 8,000 |
| Jumlah | 307,955 | 337,955 | 308,955 |
| Pertubuhan Sukarela - Cacat | | | |
| Pulau Pinang | | | |
| 1. Persatuan Kanak-kanak Spastik | 63,770 | 64,497 | 35,770 |
| 2. Yayasan St. Nicholas Bagi Orang Cacat Penglihatan (Pusat Latihan Pemulihan) | 25,623 | 25,622 | 25,623 |
| 3. Persatuan Kebajikan Kanak-kanak Terencal Akal Jalan Dato Keramat | 65,770 | 68,950 | 35,770 |
| 4. Persatuan Kanak-kanak Terencat Akal Seberang Perai | 25,550 | 25,550 | 25,550 |
| 5. Penang Cheshire Home | 14,235 | 14,235 | 14,235 |
| 6. Rayuan Kanak-kanak Cacat | 25,550 | 32,704 | 32,704 |
| 7. Pusat Harian Harapan Bakti (Sekolah Kanak-kanak Terencat Akal) Balik Pulau | 10,220 | 10,220 | 10,220 |
| 8. Jawatankuasa Pemulihan Orang-orang Cacat (Bengkel Sinar Suria) | 11,500 | 18,980 | |
| Kedah | | | |
| 9. Majlis Kebajikan Kanak-kanak Kedah (Rumah Amal Alor Setar) | 10,220 | 10,220 | 10,220 |
| 10. Persatuan Kanak-kanak Khas Sungai Petani | 28,815 | 12,775 | 22,995 |
| 11. Persatuan Pemulihan Orang Cacat Daerah Kubang Pasu (Bengkel Jayadiri) | 18,980 | 18,980 | 18,980 |
| 12. Persatuan Orang Cacat Pendengaran Negeri Kedah | 7,665 | 7,665 | 7,665 |
| 13. Rumah Amal Baling | 5,110 | 5,110 | 5,110 |
| 14. Rumah Amal Yan | 5,110 | 5,110 | 5,110 |
| 15. Rumah Amal Kulim | 7,665 | 7,665 | 7,665 |
| 16. Majlis Pusat Kebajikan Semenanjung Malaysia Cawangan Negeri Kedah Darulaman | 12,500 | 18,980 | |

| | <i>Jumlah Geran (\$)</i> | | |
|---|--------------------------|-------------|-------------|
| | <i>1988</i> | <i>1989</i> | <i>1990</i> |
| Perak | | | |
| 17. Asrama Bintang Rumah Wanita Cacat Infant Jesus Convent | 14,235- | 14,235 | 14,235 |
| 18. Rumah Kebajikan Kanak-kanak Cacat Negeri Perak | 28,470 | 28,470 | 28,470 |
| 19. Bethany Home, Teluk Intan | 24,980 | 34,894 | 26,674 |
| 20. Persatuan Untuk Orang-orang Terencat Akal Kampung Tawas | 84,530 | 91,792 | 44,530 |
| 21. Persatuan Penggalakan Kesihatan Jiwa | 56,940 | 56,940 | 56,940 |
| 22. Persatuan Pemulihan Orang Cacat Perak (Bengkel Lembah Kinta) | 34,310 | 34,310 | 34,310 |
| Selangor | | | |
| 23. Persatuan Kanak-kanak Spastik Selangor & Wilayah Persekutuan | 146,320 | 144,570 | 61,320 |
| 24. Rumah Amal Cheshire Selangor | 37,960 | 37,960 | 37,960 |
| 25. Persatuan Orang Yang Amat Cacat Akal Selangor & Wilayah Persekutuan | 7,665 | 7,665 | 7,665 |
| 26. Persatuan Orang Cacat Pndengaran Wilayah Persekutuan & Selangor (SHIMA) | - | 2,000 | 2,000 |
| Wilayah Persekutuan | | | |
| 27. Persatuan Untuk Orang-orang Pekak Selangor & Wilayah Persekutuan | 51,100 | 61,320 | 61,320 |
| 28. Asrama Cahaya, Rumah Wanita Cacat Infant Jesus Convent Bukit Nanas | 42,705 | 42,705 | 42,705 |
| 29. Persatuan Kanak-kanak Cacat Akal Selangor & Wilayah Persekutuan | 366,587 | 409,029 | 194,180 |
| 30. PusatLatihan Gurney | 221,305 | 234,991 | 42,705 |
| 31. Pusat Majudiri 'Y' | 7,665 | 7,665 | 7,665 |
| Negeri Sembilan | | | |
| 32. Persatuan Pemulihan Orang-orang Cacat Negeri Sembilan (Bengkel Seri Sembilan) | 56,940 | 75,920 | 75,920 |
| 33. Pusat Harian Terencat Akal | 10,000 | 19,418 | 19,418 |
| Pahang | | | |
| 34. Lembaga Pelawat Rumah Kanak-kanak Cacat Sunshine | 18,980 | 18,980 | 18,980 |
| 35. Taman Harapan Temerloh | 8,067 | 16,133 | 16,133 |
| Melaka | | | |
| 36. Persatuan Pemulihan Orang-orang Cacat | 17,082 | 17,082 | 17,082 |
| 37. Bengkel Perusahaan Kecil, Air Keroh | 39,788 | 23,725 | 23,725 |
| 38. Salvation Army Day Care Centre | - | 21,973 | 21,973 |

| | <i>Jumlah Geran (\$)</i> | | |
|--|--------------------------|------------------|------------------|
| | <i>1988</i> | <i>1989</i> | <i>1990</i> |
| Johor | | | |
| 39. Persatuan Kanak-kanak Spastik Johor | 54,572 | 66,572 | 26,572 |
| 40. Persatuan Kanak-kanak Cacat Akal | 17,885 | 17,885 | 17,885 |
| 41. Rumah Cheshire Johor | 23,725 | 23,725 | 23,725 |
| 42. Johore Area Rehabilitation Organisation (JARO) Pertubuhan Pemulihan Kawasan Negeri Johor | 35,770 | 35,770 | 35,770 |
| 43. Majlis Pusat Kebajikan Semenanjung Malaysia Cawangan Batu Pahat | 12,500 | 18,980 | |
| Kelantan | | | |
| 44. Majlis Pemulihan Orang-orang Cacat Negeri Kelantan | 91,980 | 91,980 | 91,980 |
| 45. Majlis Kebajikan Masyarakat Sarawak | 42,477 | 44,000 | 52,940 |
| Jumlah | 1,692,821 | 2,048,225 | 1,362,399 |
| JUMLAH BESAR | 4,098,833 | 4,544,591 | 3,989,582 |

PETRONAS—KEUNTUNGAN BERSIH

41. Tuan Sim Kwang Yang minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyakkah untung bersih telah dicatat oleh PETRONAS dalam tahun 1988 dan tahun 1989, berapa jumlah wangnya telah rugi oleh PETRONAS akibat dari pelaburannya di dalam Bank Bumiputra, dan berapakah royalti sudah dibayar kepada Kerajaan Negeri Sarawak dalam tahun 1988 dan tahun 1989.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Bagi tahun kewangan 1988 dan 1989 PETRONAS telah memperolehi keuntungan bersih selepas cukai sebanyak \$2,340 juta dan \$2,355 juta.

Setakat 31 Mac 1989 PETRONAS telahpun membuat pelaburan sebanyak \$1,533.2 juta ke dalam Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBMB). Dengan persetujuan pihak Kerajaan pada bulan Disember 1989 BBMB telah melaksanakan penyusunan semula modalnya di mana sejumlah \$1,380.00 juta

pelaburan PETRONAS di dalam BBMB telah dihapuskan. Dengan penyusunan semula itu, BBMB diharap dapat memulih dan meningkatkan operasinya dan terus membuat keuntungan pada masa hadapan.

Berhubung dengan bayaran royalti kepada Kerajaan Sarawak pula, jumlah yang dibayarbagi tahun kewangan 1988 dan 1989 masing-masing sebanyak \$ 141 jutadan \$143 juta.

NAMA PENGUNDI DALAM DAFTAR PEMILIH

42. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Perdana Menteri menyatakan di mana senarai pengundi jika didapati mempunyai satu atau lebih nama pengundi yang hilang atau nombor kad pengenalan mereka sekarang telah dimiliki oleh orang lain yang mana terdaftar di bawah daerah pengundian yang lain, seperti kes baru-baru ini di mana seorang peniaga, Lee Shia Kon, di Kota Kinabalu yang mana kemudian

membuat satu laporan polis akibat daripada peristiwa tersebut diterima sebagai dokumen sah bagi tujuan untuk mengundi.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Peraturan telah menetapkan bahawa hanya mercka yang namanya terdapat dalam daftar pemilih sahaja yang boleh mengundi. Oleh itu, untuk menentukan nama seseorang itu tetap ada dalam daftar pemilih, tiap-tiap pemilih hendaklah menyemak daftar pemilih apabila ianya dipamirkan.

Dakwaan kononnya nombor kad pengenalan seseorang itu telah dimiliki oleh orang yang lain bukanlah satu kenyataan yang tepat. Apa yang mungkin berlaku ialah nombor kad pengenalan seseorang pemilih itu bertindih dengan nombor kad pengenalan seorang pemilih yang lain. Antara sebabnya ialah kesilapan pemilih sendiri ketika mencatatkan nombor kad pengenalan di dalam borang dan juga ada kemungkinan kesilapan berlaku ketika permohonannya diproses. Kesilapan seperti ini tidak memudaratkan peluang pemilih untuk mengundi kerana ianya boleh diperbetulkan ditempat mengundi.

SINDIKET PERJUDIAN DI KAMPUNG BARU

43. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan setakat ini sejauh mana pihak polis dapat menumpas sindiket-sindiket perjudian yang beroperasi di kampung-kampung baru. Apakah tindakan yang telah, sedang dan akan diambil untuk menghapuskan aktiviti-aktiviti perjudian yang semakin bermaharajalela ini. Apakah pula rintangan atau masalah yang dihadapi oleh pihak polis bersabit.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Jenis perjudian yang terdapat di kampung-kampung baru adalah

permainan mahjong, perjudian dengan menggunakan daun terup seperti tiga daun (Sam Cheong), blackjack, judiekor haram dan perjudian mesin slot. Pihak polis sentiasa mengambil tindakan dengan membuat serbuan-serbuan terhadap pusat-pusat perjudian di kampung baru. Mereka yang bersalah telah dikenakan hukuman denda yang berat oleh mahkamah dan dengan itu telah dapat melemahkan sindikei-sindiket tersebut daripada terus bergiat.

Tindakan yang telah, sedang dan akan diambil untuk menghapuskan aktiviti perjudian ialah dengan meminda Akta Perjudian Rumah Terbuka 1953 (Akta A 755) supaya mengenakan denda dengan lebih tinggi lagi dan hukuman penjara mandatori, mengumpul maklumat dari orang awam dan mempertingkatkan risikan pihak polis, dikenakan Perintah Sekatan di bawah Enakmen Kediaman Terhad Bab 39 supaya mereka yang terlibat dengan perjudian itu diasingkan dari terus dapat mempengaruhi masyarakat. Setakat ini pihak polis tidak menghadapi apa-apa masalah berhubung dengan perjudian haram di kampung baru dan kegiatan sindiket penganjur judi haram berkenaan masih dapat dikawal.

PERSIMPANGAN BERTINGKAT— PENSWASTAAN

44. Tuan S. S. Subramaniam minta Perdana Menteri sebab-sebab untuk menswastakan beberapa "fly-over" di rantau Bandar Kuala Lumpur ini. Adakah beliau sedar dengan keadaan tol seperti tersebut kesesakan lalulintas jalan-jalan lama di rantau Bandar Kuala Lumpur akan meningkat dan pada akhirnya ini tidak akan menyelesaikan masalah yang kita sedang menghadapi pada masa kini. Manakah bandar-bandar Ibukota di lain-lain negara yang menggunakan sistem tol dalam Ibukota seperti ini untuk menyelesaikan masalah lalulintas di bandar-bandar mereka.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed); Masalah kesesakan lalulintas di bulatan-bulatan yang sedia ada di Bandaraya Kuala Lumpur telah lama menjadi satu aduan utama daripada pengguna-pengguna jalanraya. Untuk mengatasi masalah ini, bulatan-bulatan ini terpaksa dibina semula menjadi persimpangan bcr-tingkat. Bagaimanapun, pelaksanaan projek seperti ini memerlukan modal perbelanjaanyangbesar. Pihak Kerajaan setelah meneliti perkara ini mendapati bahawa adalah "feasible" projek ini diswastakan supaya pelaksanaannya tidak ditangguhkan lagi. Ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan mengenai penswastaan yang mana tujuan utama ialah untuk mengelakkan beban kewangan dan pentadbiran Kerajaan di samping meningkatkan lagi mutu perkhidmatan untuk faedah awam.

Mengenai plaza tol ini, syarikat konsesi yang mengendalikan projek penswastaan ini telah diberi tanggungjawab untuk memastikan bahawa plaza-plaza tol yang akan disediakan metn-punyai kapasiti yang mencukupi untuk menampung isipadu lalulintas yang akan melalui khususnya pada waktu puncak pagi dan petang seperti yang telah ditetapkan dalam perjanjian konsesi.

Bagi pengguna-pengguna jalanraya, jika mreka boleh menyediakan dan membayar matawang menurut kadar tol yang ditetapkan semasa melalui plaza tol tanpa memerlukan pertukaran wang, maka masa transaksi akan banyak dikurangkan dan ini akan membantu mengelakkan kemungkinan berlaku kesesakan lalulintas.

Sistem tol kini telah menjadi satu cara kewangan altcrnatif yang berkesan untuk menghadapi kehendak yang mendesak untuk membina atau memperbaiki jalanraya di negara-negara

asing jika peruntukan kewangan awam tidak mencukupi. Di antara negara-negara ini ialah Itali, Perancis, Korea Selatan dan Jepun. Konsep sistem tol ini sebenarnya sedang menular dari satu negara ke satu negara kerana pengalaman yang diperolehi oleh beberapa negara telah menunjukkan bahawa sistem tol telah mengatasi beberapa masalah yang manaprojek membina atau memperbaiki jalanraya di dalam atau luar bandaraya adalah sangat perlu dan peruntukan kewangan awam tidak diperolehi.

ANGGOTA TENTERA TIDAK HADIR TANPA CUTI

45. Tuan M. G. Pandithan minta Menteri Pertahanan menyatakan:-

- (a) berapa ramaikah tentera yang telah lari dari perkhidmatannya dan berapa ramai yang ditangkap semula;
- (b) dari jumlah itu berapa ramai bilangan anggota biasa dan bilangan pegawai yang terlibat; dan
- (c) apakah usaha-usahayangdiambil supaya kejadian seperti itu tidak berlaku.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:

- (a) Dari tahun 1985 sehingga Disember 1980 jumlah anggota tentera yang tidak hadir tanpa cuti ialah seramai 2,298 orang dan dari jumlah itu seramai 1,493 orang telah ditangkap dan menyerah diri. Sehingga sekarang seramai 805 anggota anggota tentera masih tidak hadir tanpa sebab yang munasabah.
- (b) Dari jumlah itu, 34 orang adalah pegawai dan 2,264 orang anggota lain-lain pangkat.

- (c) Di antara usaha-usaha yang dibuat untuk mencegah dari berlakunya kejadian ini ialah:
- (i) Mengadakan kelas kaunseling bagi anggota yang mempunyai masalah.
 - (ii) Mengadakan kelas-kelas agama, sesi dialog dan perjumpaan bagi menyedarkan mereka tentang tanggungjawab mereka dan mempertingkatkan taraf moral mereka.
 - (iii) Penguatkuasaan yang lebih oleh Kor Polis Tentera.

INDUSTRI PELANCONGAN— GALAKAN

46. Tuan Haji Mohamed Sambin Haji Sailan minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan usaha-usaha Kementerian untuk membantu melengkapkan kawasan-kawasan tarikan pelancongan yang sedia ada sebagai penggalak kepada industri ini dan mengindahkan kawasan-kawasan yang terlibat, seperti bandar-bandar kecil yang berdebat berselerak di seluruh negara. Apakah rancangan yang sedang dibuat atau yang akan dibuat bagi bandar dan pekan-pekan seperti Rantau Panjang, Padang Besar, Mersing dan Air Hitam di Johor.

Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Ng Cheng Kuai): Kerajaan sentiasa bersikap positif untuk membantu industri pelancongan supaya kawasan-kawasan yang dikunjungi oleh pelancong-pelancong sentiasa nyaman, tenang, selesa, indah dan bersih. Untuk maksud ini, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian ini telah membekalkan sebanyak \$1.5 juta pada tahun ini bagi melengkapkan kemudahan-kemudahan asas bagi pekan Rantau Panjang dan Mersing untuk membuat kerja-kerja

seperti menyediakan tempat letak bas pelancong, mengindahkan kawasan, membaiki jambatan, mengadakan tandas awam, papan tanda, membersihkan pantai, membaiki jalan dan membina jeti.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat telah sedia maklum, pekan Padang Besar merupakan pintu masuk bagi pelancong-pelancong dari negara Thailand, sementara Air Hitam pula adalah pekan persinggahan yang digemari oleh pelancong-pelancong dari utara ke selatan Semenanjung Malaysia. Berdasarkan kepada situasi sedemikian, Kerajaan memang sedar dan mengambil perhatian berat bagi memajukan kawasan-kawasan ini dari masa ke masa.

DASAR PERHUTANAN NEGARA

47. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah Dasar Perhutanan Negara yang didukung oleh Kerajaan Persekutuan, dan sama ada semua negeri dikehendaki mematuhi dasar ini; silanyatakan jumlah kayu balak mengikut meter padu yang telah dieksport oleh setiap negeri setiap tahun sejak tahun 1985 hingga bulan September 1989.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik): Dasar Perhutanan Negara yang didukung oleh Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut:

- (i) mengkhaskan kawasan hutan simpan kekal bagi tujuan pengeluaran kayu serta lain-lain jents keluaran hutan yang diuruskan secara penghasilan berkekalan dan bagi pemeliharaan sumber air dan alam sekitar serta bagi tujuan rekreasi penyelidikan serta pemeliharaan kehidupan liar;
- (ii) menjamin supaya kawasan hutan simpan kekal sentiasa terkawal;

- (iii) mengamalkan pengurusan hutan secara teratur;
- (iv) menggalakkan pelbagai penggunaan hutan;
- (v) meningkatkan penggunaan khazanah hutan secara maksima melalui industri pemprosesan bersepadu;
- (vi) menggalakkan penggunaan prinsip-prinsip saintifik yang terbaru dan yang terkemaskini dalam bidang pengurusan hutan;
- (vii) meningkatkan usaha dan mutu penyelidikan, pendidikan dan latihan;
- (viii) meningkatkan penyertaan bumiputera yang lebih aktif dalam perusahaan kayu-kayan.

Pada umumnya semua negeri di Semenanjung Malaysia mendukung Dasar Perhutanan Negara dengan tujuan untuk menghasilkan pengurusan hutan yang teratur dan berkesan serta penggunaan khazanah hutan yang bijak, sejajar dengan pembangunan negara. Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak mempunyai dasar yang tersendiri, yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan Dasar Perhutanan Negara.

Jumlah isipadu eksport kayu balak Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak bagi tahun 1985 hingga 1989 adalah seperti berikut:

| | <i>Isipadu (meter padu) jula</i> | | | | |
|----------------------|----------------------------------|------|------|------|------|
| | 1985 | 1986 | 1987 | 1988 | 1989 |
| Semenanjung Malaysia | 0.02 | 0.02 | 0.07 | 0.03 | 0.01 |
| Sabah | 8.3 | 8.7 | 10.1 | 8.2 | 6.1 |
| Sarawak | 11.5 | 10.3 | 12.6 | 12.3 | 14.9 |

GURU UTS DI SABAH

48. **Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan guru-guru UTS di Sabah yang telahpun diberitahu bahawa perkhidmatan mereka akan dihentikan dan

sebab-sebab tindakan sedemikian diambil memandangkan pihak Kementerian sebelum ini telahpun berulang kali berjanji bahawa mereka akan dibenarkan mengajar sehingga mereka bersara. Sila menyatakan sebab-sebab yang membawa kepada perubahan secara tiba-tiba dasar ini dan adakah ini bermaksud guru-guru di Sabah diberi layanan yang berbeza.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah guru UTS di Sabah ialah seramai 839 orang dan ke semuanya telah ditawarkan untuk menjadi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan secara penyerapan atau lamikan muai 1 Januari 1980.

Ini bermakna mulai 1 Januari 1980 tiada lagi Guru-guru UTS di Sabah kerana guru-guru ini ada yang diserap ke jawatan tetap dan ada pula yang dilantik ke jawatan sementara. Mereka yang dilantik secara sementara adalah terdiri daripada Guru-guru UTS yang tidak terlatih. Prinsip yang sama adalah juga digunakan di dalam urusan penyerapan atau perlantikan bagi guru-guru di Sarawak dan Semenanjung. Oleh itu, dakwaan yang dibuat oleh Yang Berhormat adalah tidak benar sama sekali.

Adalah dimaklumkan juga bahawa perkhidmatan guru-guru yang dilantik secara sementara boleh dihentikan apabila terdapat guru-guru tetap dan terlatih yang mencukupi untuk mengambilalih tempat mereka. Setakat ini belum adalagi Guru-guru UTS yang diberhentikan kerana bilangan guru-guru tetap dan terlatih di negeri Sabah masih belum mencukupi.

KES TERKUMPUL DI MAHKAMAH

49. **Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Kehakiman menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk menyelesaikan masalah kes-kes yang belum dibicarakan (backlog) di negara ini.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Kementerian Kehakiman sedar akan masalah kes mahkamah yang terkumpul, dan telahpun mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah ini, seperti berikut:

- (i) di antara bulan Disember 1988 hingga bulan Mei 1990, 9 Pesuruhjaya Kehakiman telahpun dilantik untuk menyelesaikan kes-kes yang terkumpul di Mahkamah-mahkamah Tinggi;
- (ii) pada bulan ini, 9 orang leiahpun ditawarkan untuk dilantik sebagai Majistret di Semenanjung Malaysia dan 4 orang di Sabah dan Sarawak;
- (iii) beberapa jawatan dalam kategori "B" (Pembantu Undang-undang) dan "C" (Pegawai Kerani Am) telahpun ditawarkan kepada mereka yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan-kekosongan yang sedia ada;
- (iv) Kerajaan telahpun mengambil tindakan untuk mengubahsuai beberapa bangunan Mahkamah yang sedia ada untuk menambah bilik-bilik bicara, misalnya, di Alor Setar, Pulau Pinang, Kota Bharu dan Johor Bahru; dan
- (v) Pembinaan mahkamah-mahkamah baru pula telah dirancang dan pelaksanaannya dibuat secara berperingkat. Sejak Rancangan Malaysia Kelima, beberapa mahkamah telah diubahsuai dan dibina, misalnya mahkamah di Butterworth, Ipoh, Johor Bahru, Kangar, Kota Bharu, Kuala Lumpur, Kuantan, Kuala Terengganu, Pulau Pinang, Temerloh, Kuching, Miri dan Sandakan. Beberapa projek baru akan dimulakan pada tahun 1990 yang melibatkan penambahan 12 bilik bicara Mahkamah Tinggi, 9 bilik

bicara Mahkamah Sesyen dan 42 bilik bicara Mahkamah Majistret.

GANTIRUGI KEPADA PEMBIAK IKAN

50. Tuan P. Patto minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Syarikat Eng Thye Plantation Berhad telah dihukum untuk membayar gantirugi kepada pembiak-pembiak ikan yang mengalami kerugian akibat kematian ikan yang disebabkan oleh buangan industri (industry waste) daripada sebuah kilang kelapa sawit kepunyaan syarikat tersebut di Kuala Gula, Perak, yang mencemar dan meracuni sebuah sungai berdekatan dengannya dan kolam-kolam ikan yang berdekatan juga, jika ya, berapakah jumlah gantirugi yang dibayar dan berapa orang pembiak ikan dibayar gantirugi itu; dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian beliau untuk memastikan bahawa kilang ini mahupun kilang-kilang lain di negeri Perak tidak mencemar dan meracuni sungai-sungai atau kolam-kolam ikan yang boleh menjejaskan punca mata pencarian pembiak-pembiak ikan.

Tuan Law Hieng Ding: Penyiasatan yang dijalankan selepas kejadian dilaporkan kepada Jabatan Alam Sekitar menunjukkan tiada bukti konkrit sama ada kematian ikan disebabkan oleh pelepasan effluen kilang kelapa sawit seperti dituntut. Walau bagaimanapun, dalam hal gantirugi seperti ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tidak diberi kuasa undang-undang untuk menghendaki mana-mana pihak yang bersabit membayar gantirugi kepada pihak yang terlibat.

Dalam masa yang sama, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedang mempertingkatkan kerja-kerja penguatkuasaan undang-undang terhadap kilang-kilang yang terletak

di kawasan sensitif sebagai langkah pencegahan untuk memastikan mereka sentiasa mematuhi had-had pelepasan yang dibenarkan. Pihak penternak juga telah dinasihatkan supaya menilai semula kedudukan penternakan tersebut dan jika perlu dialihkan ke kawasan yang lebih sesuai di mana kemasinan air, pH dan oksigen terlarut didapati lebih stabil.

KEMUDAHAN TELEPON DAN ELEKTRIK DI LUAR BANDAR

51. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan dari 1 Januari 1990 hingga 30 Mei 1990 berapa banyak kemudahan telekom di luar bandar telah dipasang dan juga bekalan api yang sudah dilaksanakan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Syarikat Telekom Malaysia Berhad (STM) telah memasang sebanyak 211 buah pondok telefon awam di luar bandar di antara bulan Januari hingga bulan Mei 1990.

Bagi bekalan elektrik luar bandar sejumlah \$116,660,000 telah diluluskan untuk tahun 1990. Bilangan projek yang telah siap dari 1 Januari 1990 sehingga 30 Mei 1990 ialah 220 projek yang melibatkan 361 buah kampung dan sebanyak 15,828 pengguna telah dapat menikmati bekalan elektrik.

PLEET HOLDINGS— PENJUALAN HARTA

52. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kewangan menyatakan bagaimana Fleet Holdings boleh dijual kepada Renong Corporation tanpa memberitahu dan memperolehi kebenaran terlebih dahulu pemegang-pemegang saham Fleet Holdings.

Dato' Loke Yuen Yow: Modal saham Fleet Holdings adalah 100% dimiliki

oleh UMNO (dalam penyelesaian). Oleh sebab itu adalah terletakkah kepada Pegawai Pemegang Harta mengikut Seksyen 17(1)(e) Akta Pertubuhan 1966, dibaca bersama peruntukan 60(a) Akta Kebankrapan 1967 dan Seksyen 236(2) Akta Syarikat 1965. Pegawai Pemegang Harta adalah diberi kuasa untuk mengbasilkan hartabenda sesuatu pertubuhan di dalam penggulungan termasuk mengurusniagakan hartabenda tersebut. Oleh sebab itu, tiada kebenaran daripada sesiapa lain diperlukan dalam penjualan harta Fleet Holdings kepada Peribakti Sdn. Bhd.

LALUAN KEDUA ANTARA JOHOR—SINGAPURA

53. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kerjaraya memberi satu laporan penuh ke atas kemajuan yang dicapai oleh konsortium yang diketuai oleh UEM yang ditugaskan untuk menyediakan pelan untuk pembinaan perhubungan kedua antara Johor—Singapura yang menyeberangi Selat Johor.

Menteri Kerjaraya (Datuk Leo Moggie anak Irok); Kerajaan tidak melantik Syarikat UEM bagi menyediakan pelan pembinaan bagi laluan kedua itu. Sebaliknya, Kerajaan telah membenarkan permohonan Syarikat UEM untuk membuat kajian kemungkinan dengan perbelanjaan syarikat itu sendiri tentang kemungkinan pembinaan laluan kedua di antara Johor Bahru dengan Singapura.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, laporan kajian oleh UEM telahpun dikemukakan kepada pihak Kerajaan dan Kerajaan sedang mengkaji cadangan tersebut.

BEKERJA LIMA HARI SEMINGGU

54. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Sumber Manusia menyatakan

sama ada Kementerian beliau akan mempertimbangkan cadangan untuk "bekerja limahari seminggu". Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' K. Pathmanaban):

Secara amnya Kerajaan pada masa ini tidak bercadang untuk mengamalkan 5 hari bekerja dalam seminggu. Negara kita adalah sebuah negara yang sedang membangun dan adalah dirasakan bahawa cadangan Yang Berhormat itu akan menjejaskan perkembangan ekonomi negara kita, khususnya dari segi daya persaingan. Walau bagaimanapun, pihak majikan dan pekerja di sektor swasta adalah bebas untuk membincang dan menentukan bilangan hari bekerja dalam seminggu, asalkan tidak bercanggah dengan peruntukan undang-undang yang sedia ada.

**KOPERASI PENGAMBIL
DEPOSIT—KESULTAN
SIPIUTANG**

55. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kewangan menyaiakan:-

- (a) sama ada beliau sedar tentang kesulitan dan masalah sipiutang-sipiutang 24 Koperasi Pengambil Deposit (KPD) yang dibekukan dan diambilalih oleh Bank Negara pada 8.8.1986;
- (b) jumlah wang yang dihutang oleh KPD kepada sipiutang-sipiutang ini;
- (c) mengapakah masalah mereka tidak dihiraukan; dan
- (d) apakah langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah mereka.

Dato' Loke Yuen Yow: Seperti yang mana Ahli Yang Berhormat maklum, kesemua 24 Koperasi Pengambil Deposit (KPD) ini telah menanggung kerugian yang amat besar. Dengan

demikian, kesemua KPD ini tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk membayar semula pendeposit-pendeposit mereka, apa lagi sipiutang-sipiutang yang tidak terjamin (unsecured creditors). Memandangkan kedudukan kewangan kesemua KPD ini yang begitu lemah, maka pihak Kerajaan telah memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk mengatarkan senarai keutamaan tanggungan mereka.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Mahkamah Tinggi pada 26 Pebruari 1987 telah mengeluarkan perintah bahawa pendeposit-pendeposit diberi keutamaan daripada sipiutang-sipiutang yang tidak terjamin apabila tiba masa pembayaran.

Dengan keputusan itu dan selaras dengan matlamat Peraturan-peraturan Perlu (Perlindungan kepada Pendeposit) 1986 untuk melindungi kepentingan pendeposit-pendeposit maka Skim-skim Penyelamat telah dirangka bagi membolehkan pendeposit-pendeposit kesemua 24 KPD tersebut memperoleh bayaran balik simpanan mereka.

Walaupun Kerajaan sedar akan masalah dan kesusahan yang dihadapi oleh sipiutang-sipiutang 24 KPD ini, tetapi masalah yang dihadapi oleh mereka hendaklah ditanggung oleh mereka sendiri memandangkan masalah sedemikian merupakan satu risiko perniagaan (business risk). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah tanggungan-tanggungan yang tidak terjamin (tidak termasuk tanggungan deposit) adalah dalam lingkungan \$70 juta.

**PENCEMARAN UDARA—
KAWALAN**

56. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan kedudukan pencemaran udara di negara ini secara umum dan mengikm bandar-bandar

(ibu negeri). Di antara kawasan bandar-bandar itu, di manakah yang paling tinggi peratusan pencemaran udaranya. Bagaimana dan sejauh mana pula kesan "industrialisasi" dalam pencemaran udara di negara ini. Seterusnya apakah kawalan jangka panjang oleh Kerajaan.

Tuan Law Hieng Ding: Untuk makluman Yang Berhormat, pencemaran udara di negara kita secara umumnya masih ditahap terkawal. Di kebanyakan bandar-bandar besar seperti ibu negeri, keadaan pencemarannya juga masih di paras memuaskan kecuali di beberapa lokasi tertentu di mana selalu terdapatnya kesesakan lalu lintas keadaan pencemaran udara khususnya habuk terampai boleh melebihi had pencemaran yang ditetapkan.

Secara umum memang terdapat pertambahan kadar beban pencemaran yang dilepaskan ke udara sejak bertambahnya bilangan industri-industri di negara ini. Paras kandungan habuk terampai di dalam udara khususnya didapati meningkat tinggi dan mulai menurun ke paras yang boleh diterima sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Ini memberi gambaran bahawa langkah-langkah kawalan pencemaran yang diambil mula menunjukkan kesan baik terhadap kualiti udara. Di dalam perkara ini Kerajaan akan senantiasa memberi pertimbangan saksama ke atas kehendak negara untuk terus membangun dan pada masa yang sama menjamin kesejahteraan orang ramai. Di antara langkah-langkah jangka masa panjang yang sedang diambil termasuklah:

- (i) menguatkuasa sepenuhnya undang-undang yang menghendaki aktiviti pembangunan yang ditetapkan menjalankan kajian kesan ke atas alam sekitar;
- (ii) menerapkan nilai-nilai alam sekitar di dalam perancangan pembangunan gunatanah;

- (iii) mempertingkatkan program-program kesedaran dan pendidikan alam sekitar di semua lapisan masyarakat; dan
- (iv) menggalakkan industri-industri supaya menggunakan teknologi pencemaran dan bahan mentah yang tidak mengakibatkan pelepasan bahan pencemar atau buangan toksik dan berbahaya.

KEMUDAHAN ASAS KEPADA PEKERJA LADANG

57. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sama ada sedar atau tidak kebanyakan majikan estet-estet tidak memberi kemudahan awam seperti paip air, kesihatan dan persekolahan dan lain-lain, jika sedar, apakah tindakan yang diambil ke atas majikan-majikan yang masih bersikap sombong dan tamak.

Dato' K, Pathmanaban: Kementerian sedar bahawa terdapat ladang-ladang yang tidak menyediakan kemudahan asas seperti perumahan, bekalan air paip, perkhidmatan kesihatan dan lain-lain kepada pekerja-pekerjanya.

Sebagai langkah untuk mengatasi keadaan yang tidak memuaskan ini di sektor perladangan, Kementerian Sumber Manusia telah mengambil langkah-langkah tegas seperti berikut:

- (i) Menggubal satu akta baru iaitu Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990. Rang Undang-undang ini sedang dibentangkan dalam Parlimen sesi ini. Peruntukan Akta ini adalah untuk meningkatkan taraf perumahan dan kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik, kemudahan perkhidmatan perubatan dan kesihatan, tempat menjaga

kanak-kanak dan lain-lain lagi termasuk rekreasi.

- (ii) Menubuhkan Jawatankuasa Kebangsaan khas untuk menyelaraskan dan mempercepatkan pelaksanaan skim pemilikan rumah bagi pekerja-pekerja ladang serta kemudahan-kemudahan yang lain, Jawatankuasa Kebangsaan tersebut dianggotai oleh wakil-wakil daripada Kerajaan-kerajaan Negeri, Kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan serta wakil majikan dan pekerja-pekerja ladang.

Dengan wujudnya akta baru nanti akan membolehkan Kementerian Sumber Manusia mengambil tindakan lebih berkesan terhadap majikan-majikan ladang yang cuai atau mengabaikan tanggungjawab untuk menyediakan kemudahan-kemudahan asas kepada pekerja-pekerja mereka.

ALAMAT PENGUNDI DALAM DAPFTAR PEMILIH

58. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan bilangan kes di mana orang-orang yang tinggal di alamat yang sama tetapi disenaraikan sebagai pengundi dalam kawasan pilihanraya yang berlainan. Adakah Suruhanjaya Pilihanraya bercadang untuk mengatasi masalah ini semasa menyiapkan Daftar Pemilih yang baru.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Suruhanjaya Pilihanraya tidak mempunyai rekod mereka yang terlibat dalam kes-kes seumpama ini, Perkara ini berlaku disebabkan alamat yang ditulis oleh pemohon dalam borang pendaftaran tidak lengkap atau tidak tepat, Suruhanjaya Pilihanraya sentiasa memperbetulkan keadaan ini setelah menerima bantahan-bantahan apabila daftar pemilih dipamerkan.

PROJEK JANA-ELEKTRIK BAKUN

59. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:-

- (a) apakah sebab-sebabnya Projek Jana-Elektrik Bakun dipulihkan setelah lama dibekukan;
- (b) apakah pula kesannya ke atas persekitaran semulajadi kawasan tersebut akibat terlaksananya projek itu; dan
- (c) jumlah kos yang terlibat.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Kerajaan telahpun mengambil keputusan untuk mencari cara-cara lain untuk memajukan potensi kuasa elektrik Lembah Rajang. Oleh itu, persoalan mengenai kesan alam sekitar semulajadi dan jumlah kos yang terlibat bagi cadangan Bakun tidak timbul lagi.

RUMAH HARAM DI KAMPUNG PISANG, TAWAU

60. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat lebih kurang 80 buah rumah haram telah didirikan oleh penduduk-penduduk tanpa kebenaran, lebih kurang 70 ela daripada empangan di Kampung Pisang, Tawau memandangkan kepada fakta bahawa air daripada empangan tersebut yang mana akan disalurkan ke dalam sistem air paip di Tawau. Apakah tindakan yang sedang diambil untuk merobohkan rumah-rumah haram tersebut dan untuk mencegah pencemaran air yang akan timbul daripada itu.

Datuk Lee Kim Sai: Seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat, 80 buah rumah haram didirikan dekat dengan sebuah loji rawatan air. Rumah-rumah tersebut didirikan atas tanah Kerajaan. Memandangkan bahawa air

dari loji tersebut dibekal kepada bandar Tawau untuk minum, Majlis Perbandaran Tawau telah mengambil beberapa tindakan seperti berikut:

- (i) 14 buah daripada 80 buah rumah haram telah dirobohkan.
- (ii) Bagi baki rumah haram yang lain, notis telah dikeluarkan untuk dirobohkan dalam masa satu minggu oleh Jabatan Tanah dan Ukur Tawau pada awal bulan Mac 1990. Walau bagaimanapun, berdasarkan peri kemasuisaan dan hakikat bahawa rumah-rumah tersebut mempunyai sistem rawalan najis yang sesuai, pihak Majlis Perbandaran Tawau belum mengambil tindakan untuk merobohkan rumah-rumah haram tersebut. Pihak Majlis Perbandaran sedang berusaha dengan sedaya upaya mencari penempatan yang sesuai untuk menempatkan penduduk-penduduk rumah berkenaan sebelum merobohkan rumah-rumah haram tersebut. Majlis Perbandaran Tawau yakin masalah ini boleh diatasi tidak lama lagi.

PENHIJRAHAN CERDIK PANDAI KE LUAR NEGERI

61. Tuan Ong Tee Keat minta Perdana Menteri menyatakan bagaimana seriusnya "brain drain" yang dihadapi negara. Apakah sebab-sebabnya dan langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk meredakan keadaan tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Padapandangan saya, penghijrahan pekerja termasuk mereka daripada golongan cerdik pandai tidak semata-mata dialami oleh negara kita tetapi juga oleh lain-lain negara di

seluruh dunia. Penghijrahan pekerja adalah satu fenomena biasa. Bagi negara Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi, Kerajaan tidak menghalang kebebasan warganegaranya untuk berhijrah atau melawat ke mana-mana negara, kecuali beberapa negara tertentu, sama ada dengan tujuan untuk bekerja, belajar, melancong, mencari pekerjaan dan sebagainya. Sungguhpun terdapat rakyat Malaysia yang pergi ke luar negeri untuk mencari nafkah, tetapi setakat ini ianya tidak membimbangkan atau menjejaskan pembangunan ekonomi negara. Dengan lain perkataan, penghijrahan cerdik pandai ke luar negeri, jika sekalipun berlaku, ianya bukanlah satu perkara yang perlu dibimbangkan. Oleh hal yang demikian, maka tiada sebab mengapa Kerajaan perlu mengambil apa-apa tindakan mengenyainya.

DASAR PANDANG KE TIMUR— KESAN TERHADAP PELABUR

62. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) adakah Dasar Pandang ke Timur dapat mempengaruhi anak-anak tempatan mencontohi Jepun dari segi kerja dan kreativiti; dan
- (b) berapakah jumlah pelabur asing khususnya dari Jepun yang datang melabur di Malaysia semenjak Dasar Pandang ke Timur dilancarkan.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Noor: Tujuan utama Kerajaan mengadakan Dasar Pandang ke Timur ialah untuk mempelajari bagaimana negara-negara seperti Jepun telah dapat mencapai kemajuan yang pesat dari segi ekonomi melalui etika kerja dan sistem pengurusan yang cekap dan produktif". Sebagaimana yang kita ketahui, unsur-unsur seperti ini telah membolehkan Jepun mencapai kejayaan yang tinggi walaupun ia tidak

mempunyai sumber-sumber asli yang banyak seperti negara lain. Kerajaan percaya pengalaman Jepun adalah berguna di dalam usaha Malaysia untuk meningkatkan pencapaiannya melalui etika kerja yang baik, disiplin dan sistem pengurusan yang cekap. Ini jelas dilihat daripada prestasi pekerja-pekerja tempatan yang telah diberi latihan di Malaysia dari segi disiplin pekerja, cara bekerja dan dedikasi serta semangat berpasukan yang membawa kepada kecekapan dan peningkatan produktiviti sesuatu industri. Dengan wujudnya keadaan ini, maka keluaran sesuatu industri akan menjadi "competitive" di pasaran antarabangsa dan seterusnya akan dapat memberikan sumbangan yang positif terhadap pembangunan perindustrian negara.

| <i>Tahun</i> | <i>Jumlah Pelaburan (\$)</i> |
|--------------------|------------------------------|
| 1984 | 199,009,523 |
| 1985 | 264,396,900 |
| 1986 | 166,303,079 |
| 1987 | 715,138,998 |
| 1988 | 1,221,975,690 |
| 1989 | 2,690,366,505 |
| 1990 (Jan - April) | 942,309,204 |
| Jumlah | 6,149,499,899 |

Sebenarnya Dasar Pandang ke Timur bukanlah bertujuan untuk menggalakkan pelaburan daripada negara Jepun. Dasar tersebut adalah merupakan sebagai langkah untuk kita mencontohi etika dan budaya kerja serta sistem pengurusan Jepun yang telah terbukti mempunyai ciri-ciri yang positif jika diamalkan. Sungguhpun demikian, ada kemungkinan dasar ini telah sedikit sebanyak mempengaruhi pelabur-pelabur Jepun untuk melabur di Malaysia kerana mereka sudah tentu berasa lebih senang dan tertarik dengan sifat pekerja-pekerja kita yang produktif dan positif yang boleh menyumbang kepada kemajuan projek-projek mereka. Seperti di Jepun, amalan ini akan dapat membantu mencapai peningkatan produktiviti kecekapan industri-industri di Malaysia.

PENGEKALAN HUKUMAN MATI

63. **Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab Kerajaan mengekalkan pengwujudan hukuman mati di negara ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Sepertimana Ahli Yang Berhormat dari Jelutong sedia maklum bahawa hukuman mati yang dipcruniukkan dalam beberapa undang-undang di negara kita ini adalah dikenakan ke atas kesalahan-kesalahan yang amat serius, seperti melakukan pembunuhan dan pengedaran dadah. Memandangkan kesalahan-kesalahan itu amatlah berat, maka hukuman mati adalah perlu dikekalkan.

LLN—PENSWASTAAN

64. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan ciri-ciri utama dan perkembangan-perkembangan terbaru berhubung dengan penswastaaan Lembaga Letrik Negara.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telahpun dijawab semasa saya menjawab soalan yang sama yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh pada 18.6.90 dan saya tidak bercadang menambah apa-apa.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN BOMBA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perkhidmatan Bomba, 1988; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteh Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada mesyuarat kemudian.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT LUAR PESISIR

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.02 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato* Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Aktabagi mengadakan peruntukan mengenai pemerbadanan, pendaftaran dan pentadbiran syarikat luar pesisir dan syarikat luar pesisir asing dan mengenai perkara-perkara berkaitan dengannya dibacakan buat kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menjelaskan bahawa Kerajaan telah mengambil keputusan untuk memajukan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Aniarabangsa, dengan izin, International Off-shore Finance Centre (IOFC). Untuk melaksanakan keputusan itu beberapa aktiviti luar pesisir ataupun off-shore activities dikenal pasti untuk digalakkan di Labuan dan akan diberi kadar percukaian istimewa. Aktiviti-aktiviti tersebut adalah seperti berikut:

- (1) Operasi Urusan Bank Luar Pesisir (Off-shore Banking Operation);
- (2) Syarikat Pengurusan Modal dan Amanah (Fund and Trust Management Company);
- (3) Syarikat Insuran Luar Pesisir (Off-shore Insurance Company).
- (4) Syarikat Pegangan Pelaburan Luar Pesisir (Off-shore Investment Holding Company); dan
- (5) Lain-lain aktiviti Syarikat Luar Pesisir (Multi-National) tetapi tidak termasuk aktiviti luar pesisir berkaitan dengan perkapalan dan petroleum.

Tuan Yang di-Pertua, untuk tujuan di atas juga, lima perundangan utama dan baru serta satu Rang Undang-undang pindaan kepada Akta yang berkuatkuasa sekarang telah digubal dan akan dibentangkan untuk kelulusan Dewan dalam sesi ini juga. Rang Undang-undang berkenaan adalah seperti berikut:

- (1) Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir 1990;
- (2) Rang Undang-undang Syarikat Amanah Labuan, 1990;
- (3) Rang Undang-undang Bank Luar Pesisir 1990;
- (4) Rang Undang-undang Insurans Luar Pesisir 1990;
- (5) Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990;
- (6) Rang Undang-undang Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 1990

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang pertama dan kedua tersebut adalah di bawah bidang kuasa Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Walau bagaimanapun, saya memohon untuk membentangkan Rang Undang-undang itu bagi pihak Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian sebagai satu pakej dalam hubungan pembangunan Labuan sebagai IOFC ini. Di samping kemudahan-kemudahan yang terdapat dalam Rang Undang-undang di atas, Kerajaan juga memutuskan untuk memberi beberapa insentif yang tidak dinyatakan dalam Rang Undang-undang ini. Untuk memastikan bahawa Labuan mempunyai perkhidmatan sokongan profesional yang mencukupi dan dimajukan dengan pembangunan infrastruktur yang bersesuaian dengan statusnya sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa, Kerajaan memutuskan untuk memberi insentif-insentif cukai berupa 50% abatement of the tax selama lima tahun mulai tahun

taksiran 1992 dan tahun-tahun taksiran selanjutnya ke atas pendapatan-pendapatan firma-firma perakaunan dan syarikat guaman serta syarikat-syarikat pembinaan di Labuan.

Pemberian ini akan dibuat melalui perintah pengecualian, dengan izin, exemption order, mengikut peruntukan-peruntukan dalam Akta Cukai Pendapatan, 1967. Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, cukai setem juga akan dikecualikan ke atas sebarang transaksi ataupun urusan syarikat-syarikat luar pesisir dalam hubungan aktiviti perniagaan luar pesisir mereka di Labuan. Dividen-dividen yang dibayar oleh syarikat luar pesisir kepada pemegang-pemegang saham ini termasuk pembahagian dividen oleh amanah luar pesisir kepada orang-orang yang ada kepentingan (beneficiary), dengan izin, juga dikecualikan daripada cukai.

Tuan Yang di-Pertua, faedah-faedah serta bayaran royalti dan bayaran teknikal ataupun pengurusan yang dibayar oleh syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan luar pesisir juga dikecualikan daripada cukai pegangan, dengan izin, "beholding tax". Kerajaan juga mengambil keputusan untuk memberi dan mengeluarkan multiple entry visa yang lebih liberal kepada pegawai-pegawai dagang yang bekerja dengan syarikat-syarikat luar pesisir di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjadikan Labuan sebagai pusat kewangan luar pesisir antarabangsa (IOFC) yang berjaya seperti Bahamas, Bermuda, Guernsey dan Hongkong, peraturan dan peruntukan-peruntukan di atas digubal bukan sahaja untuk memastikan pengawalseliaan yang berkenaan ke atas aktiviti-aktiviti tersebut, tetapi juga merupakan peruntukan-peruntukan yang mudah selaras dengan peruntukan-peruntukan yang minima dan flexible yang terdapat di IOFC yang telah maju dan terkenal.

Walau bagaimanapun, pengawasan yang rapi ke atas aktiviti-aktiviti itu diperlukan untuk mengelakkan dari berlakunya amalan-amalan tidak sihat seperti pencucian wang (money laundering), akaun bernombor tidak bernama (numbered and unnamed account) serta amalan-amalan pelarian cukai (tax evasion and tax avoidance).

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjelaskan beberapa perkara penting yang berkaitan dengan Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir, 1990 seperti dibemangkan memandangkan syarikat-syarikat yang akan menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan luar pesisir yang digalakkan di Labuan akan diberi beberapa keistimewaan terutamanya dari segi cukai dan tanggungjawab. Maka adalah dicadangkan syarikat-syarikat tersebut diberi identiti yang berlainan daripada syarikat-syarikat tempatan yang diperbadankan di bawah Akta syarikat Syarikat 1965 melalui Rang Undang-undang ini.

Perundangan yang baru ini telah digubal sebegitu rupa supaya ianya setaraf dengan perundangan-perundangan di IOFC yang telah maju dan terkenal di mana terdapat ciri-ciri kelonggaran, mudah dan senang diikuti. Prosedur-prosedur untuk menubuhkan sesebuah syarikat luar pesisir telah dipermudah bagi membolehkan sesebuah syarikat luar pesisir itu diperbadankan dalam jangka waktu yang singkat, iaitu kurang daripada seminggu. Sesiapa sahaja boleh dengan sendirinya atau bagi pihaknya atau melalui sesebuah syarikat amanah memperbadankan syarikat luar pesisir di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, hanya sejenis syarikat luar pesisir sahaja boleh diperbadankan di bawah Rang Undang-undang yang dicadangkan ini, iaitu syarikat berhad menurut syer. Syarikat-syarikat luar pesisir boleh ditubuhkan untuk apa juga maksud yang tidak

menyalahi mana-mana undang-undang Malaysia dan boleh menjalankan perniagaan di dalam, dari ataupun melalui Labuan. Walau bagaimanapun, sesebuah syarikat luar pesisir tidak dibenarkan menjalankan perniagaan luar pesisir berkaitan dengan operasi perkapalan ataupun petroleum. Pemastautin negara ini tidak dibenarkan memegang syer di dalam sesebuah syarikat luar pesisir. Walau bagaimanapun, pemastautin di negara kita yang terdiri daripada syarikat-syarikat amanah dan syarikat-syarikat tempatan yang lain yang dibenarkan untuk menubuhkan anak syarikat di Labuan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti bank ataupun insurans luar pesisir boleh memegang syer di dalam sesebuah syarikat luar pesisir.

Sebuah syarikat luar pesisir tidak dibenarkan menjalankan perniagaan dengan pemastautin di Malaysia kecuali dalam keadaan tertentu yang ditetapkan oleh Rang Undang-undang. Walau bagaimanapun, sesebuah syarikat luar pesisir itu boleh membuat ataupun mewujudkan hubungan profesional dengan peguam, akauntan, syarikat amanah, syarikat pengurusan, syarikat guaman, firma akauntan, penasihat pelaburan ataupun orang-orang yang menawarkan perkhidmatan yang sedemikian di Labuan. Syarikat luar pesisir juga dibenarkan memperolehi atau memegang mana-mana pajakan, mana-mana harta bagi tujuan operasinya atau sebagai accommodation untuk pegawai atau pekerjanya di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, ciri-ciri sebuah syarikat luar pesisir dalam banyak perkara adalah sama dengan sebuah syarikat tempatan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat, 1965 kecuali dalam beberapa aspek tertentu. Di antara ciri-ciri yang tersendiri bagi sesebuah syarikat luar pesisir ialah dari segi nama di mana sebuah syarikat luar pesisir boleh diperbadankan dengan nama dalam apa juga bahasa asalkan ia di dalam romanised character, dengan izin.

Nama sebuah syarikat luar pesisir juga tidak perlu diakhiri dengan perkataan "Berhad" ataupun "Limited", tetapi perlu mengandungi perkataan "L" sebagai sebahagian daripadanya bagi menggambarkan pendapatannya di Labuan (IOFC).

Tuan Yang di-Pertua, dari segi modal sebuah syarikat luar pesisir tidak perlu mengadakan jumlah modal minima. Nilai nominal syer hendaklah didaftarkan di dalam matawang lain daripada ringgit Malaysia. Peruntukan ini dibuat bagi membolehkan sesebuah syarikat luar pesisir membeli syernya sendiri, tetapi hanya dari lebihan pendapatan. Sesebuah syarikat luar pesisir boleh mempunyai seorang Pengarah sahaja, syarikat boleh melantik seorang sebagai Pengarah pemastautin, tetapi ianya mestilah seorang pegawai daripada sebuah syarikat amanah. Sebuah syarikat luar pesisir tidak dikehendaki mengadakan mesyuarat agung tahunan dan hanya perlu mengadakan mesyuarat ahli-ahli untuk membentangkan akaun tahunan atau jika ada permintaan daripada sepuluh atau lebih Ahli-ahli atau daripada Ahli-ahli yang memegang tidak kurang daripada satu per sepuluh daripada jumlah modal berbayar di dalam sesebuah syarikat itu. Mesyuarat Lembaga Pengarah-pengarah sesebuah syarikat luar pesisir boleh dijalankan di mana-mana tempatpun. Sebuah syarikat luar pesisir juga dimeslikan melantik seorang Setiausaha yang bermastautin di Labuan dan Setiausaha tersebut mestilah seorang pegawai daripada sebuah syarikat amanah.

Tuan Yang di-Pertua, satu ciri istimewa bagi sebuah syarikat luar pesisir ialah dokumen-dokumen yang telah diserahsimpan dengan Pejabat Pendaftar Syarikat tidak boleh diperiksa oleh orang awam kecuali oleh ahli-ahli syarikat, pemegang debenture, pegawai-pegawai syarikat mana-mana orang yang diberi kuasa oleh pegawai syarikat atau mana-mana orang yang boleh menunjukkan alasan yang munasabah

kepada pendaftar untuk membuat demikian. Sesebuah syarikat luar pesisir tidak dikehendaki memajukan butir-butir gadaian untuk didaftarkan, tetapi hanya perlu menyimpan daftar gadaian dengan sempurna di pejabat berdaftar-nya dan membenarkan orang-orang yang disebut tadi membuat pemeriksaan apabila dikehendaki.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, kerahsiaan diberi sehingga ke tahap tertentu di mana semua prosiding bersangkutan dengan sesebuah syarikat luar pesisir di bawah Rang Undang-undang ini selain daripada prosiding jenayah dijalankan secara tertutup melainkan mahkamah mengarahkan sebaliknya. Butir-butir prosiding tidak dibenarkan disiarkan oleh mana-mana akhbar melainkan dengan kebenaran mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, sebuah syarikat asing yang diperbadankan di bawah mana-mana undang-undang negara lain boleh jika dibenarkan oleh undang-undang negara itu, memohon kepada Pendaftar untuk didaftarkan sebagai Syarikat Luar Pesisir seakan-akannya diperbadankan di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 lampa menjelaskan enlitinya.

Rang Undang-undang ini juga membenarkan sebuah Syarikat Luar Pesisir yang diperbadankan di bawahnya untuk memindahkan pemcerbadanannya ke negara lain, jika undang-undang negara itu membenarkan perpindahan demikian.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini juga membuat peruntukan supaya sesebuah syarikat asing boleh didaftarkan sebagai Syarikat Luar Pesisir asing. Walau bagaimanapun hanya syarikat yang belum didaftarkan dibawah Akta Syarikat 1955 sahaja akan dibenarkan berbual demikian. Kecuali bagi tujuan menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan perniagaan bank atau insurans luar pesisir, sesebuah syarikat asing itu tidak perlu memohon kelulusan

daripada mana-mana pihak berkuasa untuk didaftarkan sebagai sebuah Syarikat Luar Pesisir asing.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai pemerbadanan, pendaftaran dan pentadbiran syahkat luar pesisir dan syarikat luar pesisir asing dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Tanjong.

4.24ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Dewan yang mulia hari ini membahaskan Rang Undang-undang yang pertama dari 6 siri Rang Undang-undang untuk menjadikan Pulau Labuan sebagai sebuah pelabuhan perlindungan daripada cukai atau tax haven (IOFC).

Sebelum ini saya mahu mengambil perhatian bahawa di hadapan kita ada 9 Rang Undang-undang dan 2 Usul iaitu satu Usul atas nama Yang Berhormat dari Kota Melaka bertujuan mengurniakan taraf kewarganegaraan kepada 300,000 pemegang kad pengenalan merah yang memenuhi syarat-syarat kewarganegaraan dan satu Usul alas riama Yang Berhormat dari Bukit Bintang untuk merujuk Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan oleh kerana percakapan bohong.

Saya mengalu-alukan bahawa kita sudah menambah lagi satu hari persidangan oleh kerana tentulah dalam hari ini tidak boleh menghabiskan 9 Rang Undang-undang dan 2 Usul.

Saya harap bahawa tidak sesiapa Yang di-Pertua akan meminta Ahli-ahli Parlimen untuk memendekkan perbahasan mereka atas Rang Undang-undang semata-mata kerana ada 9 Rang Undang-undang yang harus diluluskan oleh kerana apa yang mustahak ialah Ahli-ahli Parlimen diberi masa yang cukup untuk berbahas. Siapa kata kita mesti meluluskan 9 Rang Undang-undang dalam sidang ini kalau tidak ada masa yang cukup? Kalau tidak ada masa yang cukup 5 Rang Undang-undang atau 6 Rang Undang-undang, selain daripada itu kita mahu tambah lagi persidangan kalau perlu pada hah Selasa, oleh kerana saya rasa ini satu point yang sangat mustahak, Kerajaan haruslah melayani kehendak Parlimen dan bukan Parlimen melayani kehendak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita membincangkan cadangan-cadangan perundangan untuk menjadikan Labuan sebagai sebuah pulau perlindungan cukai, kita harus terlebih dahulu mengkaji status Labuan sebagai Wilayah Persekutuan. Baru-baru ini bekas Ketua Menteri Sabah, Harris Salleh telah menyatakan bahawa beliau telah dikelirukan untuk menyerahkan Labuan kepada Kerajaan Pusat. Harris Salleh juga melahirkan rasa kesalnya bahawa Labuan tidak maju seperti diharapkan di bawah Kerajaan Pusat. Rencana personalily akhbar *Daily Express* mengenai Datuk Harris Salleh bertarikh 3hb Jun, 1990 memuatkan perenggan yang berikut dan saya petik, dengan izin:

"Speaking from his penthouse suite at Gaya Centre Building here recently, Datuk Harris likened the Prime Minister, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, as a father who had been asked to help to look after his son, that is Labuan."

"Later—I quote him—when you found that he had mistreated your son, you definitely wanted to have your son back. He said this in response to criticisms that he had chosen to regret his decision to hand Labuan to the Federal Government."

Kewajaran atau kesahan dari segi undang-undang dengan mana Labuan dipolong daripada negeri Sabah dan diserahkan kepada Kerajaan Pusat masih menjadi sebab perselisihan di kalangan rakyat Sabah kerana perbuatan tersebut tidak menerima sokongan dan mandat popular rakyat Sabah, disebabkan ia merupakan keputusan tunggal seorang yang telah menyerahkan kepada dirinya kuasa-kuasa kediktatoran. Jikalau Kerajaan Pusat benar-benar minat untuk memajukan Labuan sebagai pulau perlindungan daripada cukai ia boleh dilakukan tanpa mengira sama ada Labuan adalah Wilayah Persekutuan atau sebahagian daripada negeri Sabah.

Saya menyeru Kerajaan Pusat untuk mengambil perhatian tentang perasaan tidak puas hati rakyat Sabah mengenai isu Labuan itu dan mengambil langkah-langkah untuk menghapuskan segala perasaan tidak puas hati itu sama ada dengan memulangkan Labuan kepada negeri Sabah atau secara alternatifnya bayaran saguhati (*ex gratia*) bagi tujuan pembangunan negeri Sabah sebagai ganjaran kerana menghadihkan Labuan kepada Kerajaan Pusat.

Hari ini kita mempunyai 6 Rang Undang-undang di hadapan Dewan ini untuk menjadikan Labuan sebagai tax haven iaitu Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir, Rang Undang-undang Syarikat Amanah Labuan, Rang Undang-undang Bank Luar Pesisir, Rang Undang-undang Insurans Luar Pesisir, Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan dan Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan). Rang Undang-undang ini adalah sungguh kompleks dan sukar

di mana Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir ini mengandungi 260 mukasurat dengan 149 Seksyen dan satu Jadual. Mengapakah perlunya diluluskan 6 Rang Undang-undang mengenai Labuan secara terburu-buru pada hari ini atau dalam mesyuarat ini dengan tidak memberikan Ahli-ahli Parlimen dan juga orang awam masa yang mencukupi untuk mengkaji Rang Undang-undang yang begitu kompleks dan sukar. Apakah kepantasan kepada 6 Rang Undang-undang mengenai Labuan ini hendak diluluskan dengan kadar segera adalah disebabkan Kerajaan Barisan Nasional bimbang ia tidak akan menjadi undang-undang jika Pilihanraya Umum diadakan terlebih dahulu.

Kita mempunyai keraguan yang amat sangat bahawa Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir ini dapat mengawal dan mengawalselia pentadbiran dan operasi syarikat-syarikat luar pesisir ini, sedangkan di bawah Akta Syarikat pun terdapat begitu banyak penyelewengan-penyelewengan dan perbuatan-perbuatan tidak sah dari segi undang-undang berlaku tanpa campurtangan yang berkesan oleh Kerajaan.

Kegiatan urusniaga yang paling tidak sah dari segi undang-undang dalam secara korporat baru-baru ini ialah Cidak lain dan tidak bukan urusniaga \$1.23 billion Syarikat Renong yang menjadi syarikat yang sederhana iaitu menjadi salah sebuah syarikat pelaburan yang terbesar sekali di rantau ini di mana ia menguasai 8 syarikat yang disenaraikan iaitu:

1. Bank of Commerce
2. The New Straits Times
3. Hume Industries
4. United Engineers Malaysia
5. Kinta KeJlas
6. Time Engineering
7. TV3
8. Cement Industries Malaysia Berhad.

Urusniaga Renong ini adalah satu urusan korporat yang tersusun dan besar yang diambil oleh UMNO Baru untuk mendapat wang bagi pilihanraya yang akan datang, kerana adalah dianggarkan pengambilan Renong boleh mendatangkan wang tunai sebanyak \$500 juta bagi tabung pilihanraya umum Umno Baru yang memerlukan \$1.5 billion untuk menghadapi pilihanraya besar yang akan datang. Inilah sebabnya mengapa, walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pada bulan Februari lalu menuduh parti-parti Pembangkang sebagai mendapat wang dari sumber-sumber asing. Beliau secara tiba-tiba menggugurkan subjek tersebut, apabila semua parti-parti Pembangkang mencabarnya menubuhkan sebuah Suruhanjaya Penyiasatan Di Raja untuk menyasat sumber-sumber kewangan semua parti-parti politik, khususnya UMNO Baru, MCA, Gerakan, MIC (*Tepuk*). Yang Berhormat Menteri Pendidikan pun diam.

Urusniaga Renong jelaslah tidak sah dari segi undang-undang kerana ia melibatkan urus dagang dalam syarikat-syarikat kepunyaan UMNO yang dibatalkan pendatarannya termasuk Pleet Group Sdn. Bhd., Hati Budi Nominees Sdn. Bhd., United Engineers Malaysia Sdn. Bhd., di mana syarikat-syarikat tersebut sepatutnya dipegang oleh pemegang amanah atau Official Assignee. Dalam pertengahan bulan Mei lalu, semasa menjawab kenyataan Semangat 46, bahawa ia sedang memikirkan untuk mengambil tindakan undang-undang untuk mendapatkan perintah Mahkamah untuk menghentikan penjualan "Fleet Group" dan Hati Budi Nominees Bhd. kepada Renong Bhd. Menteri Kewangan menyatakan tidak perlulah mendapat perintah Mahkamah untuk menghentikan penjualan tersebut kerana Pemegang Amanah telahpun meluluskan penjualan itu.

Yang Berhormat Menteri berkata perintah Mahkamah itu adalah tidak sesuai kerana penjualan itu telah diselesaikan walaupun satu perintah Mahkamah boleh diperolehi jikalau Fleet Group dan Hati Budi masih belum dijual. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu telah bercanggah dengan kenyataan Bumiputera Merchant Bankers Bhd. yang menjadi penasihat kepada urusniaga Renong itu untuk menjadikannya satu saluran untuk mengawal harta-harta korporat kepunyaan UMNO yang dibatalkan pendafiannya.

Pada 3hb Mei, 1990, Pengurus Besar PBMB, Yap Chee Keong dilaporkan dalam akhbar New Straits Times sebagai menjelaskan mengapa beliau tidak menguruskan dengan Pemegang Amanah. Beliau berkata, mengapa Pemegang Amanah perlu terlibat. Tandatannya ini berdasarkan kepada andaian bahawa eset-eset Fleet Group dan Fleet Holding masih dipegang oleh Pemegang Amanah. Kita kini mempunyai dua versi. Versi Yang Berhormat Menteri Kewangan yang berkata Pemegang Amanah telah meluluskan penjualan Fleet-Group dan Hati Budi kepada Renong dan versi bercanggah oleh Yap pula, iaitu Pemegang Amanah tidak terlibat dalam urusniaga Renong.

Orang awam berhak untuk mengetahui peranan sebenarnya Pemegang Amanah dalam urusniaga Renong. Tiga soalan yang melibatkan kepentingan umum terbabit. Soalan pertama, ialah kesahihan urus-niaga Renong apabila beberapa syarikat yang seharusnya dipegang' oleh Pemegang Amanah kerana pembatalan pendaftaran UMNO. Soalan kedua ialah hubungan antara parti-parti politik dengan perniagaan. Adalah dikatakan selain daripada Malaysia, tidak ada satu sistem politik di rantau ini yang telah mewujudkan jalinan korporat yang menguasai ekonomi negara, di mana parti dominan negara ini mengongkong perhubungan

ini. Ini akan membiakkan rasuah yang menjadi-jadi dan penyalahgunaan kuasa di peringkat atasan politik.

Soalan kepentingan awam yang ketiga adalah mengenai kesahihan dari segi undang-undang urusniaga Renong untuk mendapatkan wang bagi pilihanraya berjumlah berbilion-bilion ringgit untuk UMNO Baru. Tidak tahu berapa ratus juta ringgit mahu dicurah untuk selamatkan Permatang Pauh, untuk Yang Berhormat Menteri Pendidikan. (*Tepuk*) Urusniaga Renong mungkin membawa faedah yang terbaik sekali kepada UMNO Baru, termasuk Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Tetapi ia dengan terangnya bercanggah dengan kepentingan awam. Oleh sebab ini, saya menyeru pihak-pihak berkuasa penguasaan untuk mengadakan pendengaran awam (public hearing) sebelum meluluskan urusniaga Renong itu, kerana adalah menjadi tanggungjawab syarikat-syarikat milikan UMNO atau dibawah kawalan UMNO seperti UEM, Fleet Group dan Hati Budi dan pemimpin-pemimpin UMNO Baru untuk menerangkan mengapa percantuman kepentingan perniagaan itu perlu menjalinkan sektor media massa, cetak dan elektronik pembinaan kejuruteraan, pembuatan, bank dan parti-parti politik boleh dianggap menjaga kepentingan awam.

Tuan Yang di-Pertua, kegagalan pihak berkuasa pengawalan untuk memastikan peraturan-peraturan dan kehendak-kehendak undang-undang korporat dipatuhi, bukan sahaja terbatas kepada syarikat-syarikat milikan UMNO atau kawalan UMNO. Ini juga terjadi kepada syarikat-syarikat yang dimiliki oleh MCA atau dikawal oleh MCA. Sebenarnya skandal penjualan saham sebanyak 28.9% dalam Multi-Purpose Holdings Bhd yang dimiliki oleh KSM kepada Kamunting Corporation Bhd telah mencetuskan perebutan kuasa aiura puak Presiden dan puak Timbalan Presiden MCA. Timbalan Presiden di hadapan saya, untuk

menguasai MCA. Ini adalah skandal yang lain daripada skandal penjualan saham MPH B sebanyak 19,7% yang dimiliki oleh 50,398 pemegang tabung pelaburan KSM, MPH B. Demi kepentingan mereka ini saya terpaksa pergi ke Ibu pejabat MCA untuk bertemu dengan Rambo-rambo MCA seperti Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan yang mengetahui satu kumpulan pengacau untuk mengganggu dan menamatkan mesyuarat itu.

Suratkhabar melaporkan hari ini bahawa beberapa pemimpin MCA peringkat cawangan dan peringkat negeri sedang menuntut untuk mengetahui cerita sepenuhnya tentang skandal MPH B—Kamunting dan mengapa Presiden MCA telah memutuskan untuk menerima tawaran Kamunting untuk membeli saham MPH B sebanyak 28.9% yang dimiliki oleh KSM semasa pilihanraya kecil Bentong pada bulan Mei tahun lepas, sedangkan terdapat banyak tawaran yang lebih baik.

Sebenarnya, puak Timbalan Presiden MCA telah menjelajah ke seluruh pelusuk negeri dan mendakwa bahawa Presiden MCA telah menerima satu derma yang besar jumlahnya di antara \$50 juta-\$60 juta daripada Kamunting, yang tidak dilaporkan dengan sepenuhnya dalam akaun-akaun MCA. (*Disampuk*) Bukan benar, pengikut-pengikut youlah, apabila terdapat...

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sekejap.

Datuk Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh.

Datuk Lee Kim Sai: Di mana dapat bukti kenyataan itu dibuat oleh Timbalan Presiden MCA yang berkaitan, yang menuduh derma-derma sebanyak \$50 juta, \$40 juta dan sebagainya.

Tuan Lim Kit Siang: Itu taulah, saya tidak kata you yang kata. Pengikut you kata semua tempat pun tahu. Saya percaya Tuan Yang di-Pertua pun tahu. (*Ketawa*) Tidak tahu dia ada kata atau tidak kata, saya tidak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat tidak sepatutnya melafazkan kata-kata semacam itu, yang melibatkan saya, dan lagi pun ...

Tuan Lim Kit Siang: Kalau mahu di luar Dewan mahu cakap dan mahu buat ucapan politik dalam Dewan ini. ..

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cukup Yang Berhormat... .

Tuan Lim Kit Siang: . . . dalatn Dewan ini akan dapat pukulan pun.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, itu tidak berkenaan dengan Rang Undang-undang kita.

Tuan Lim Kit Siang: Harap di luar Dewan pun jangan main polilik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sebagai contoh memang diizinkan, teruskan,

Tuan Lim Kit Siang: Baik. Inilah peranan seorang Tuan Yang di-Pertua, kalau di luar Dewan mahu main politik, dalam pun kena pukul.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Baik. Apabila terdapat skandal-skandal korporat yang melibatkan parti politik maka skandal-skandal politik pun terjadi, sepertimana berlaku dalam perlantikan David Yeoh sebagai Senator walaupun beliau tidak dikenali oleh pemimpin-pemimpin MCA melainkan Presiden MCA sendiri

dan David Yeoh menjadi seorang penting tetapi misteri di dalam kehidupan Presiden MCA.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti sekejap. Yang Berhormat, apakah hubungkaitnya David Yeoh dengan Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir yang kita bahaskan sekarang ini?

Tuan Lim Kit Siang: Apabila ada skandal korporat baik pun Syarikat Luar Pesisir atau Syarikat Dalam Sisir tentu ini akan diserapkan dalam politik dan skandal korporat akan menyebabkan skandal politik semacam skandal dalam MCA termasuk perlantikan David Yeoh sebagai Senator.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, itu jauh sangatlah. Sila balik kepada Rang Undang-undang yang sedang dibincangkan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya dalam masalah root cause korupsi. Kini MCA dilanda khabar-khabar angin tentang skandal-skandal yang membabitkan pucuk kepimpinan tertinggi MCA di manapemimpin-pemimpin alasan MCA termasuk di peringkat Menteri terlibat dalam skandal Bank Kah Wah di Hong Kong. Yang Berhormat Timbalan Presiden MCA tahu apa saya cakap di mana mereka berhutang kononnya sebanyak \$40 juta sebagai pinjaman pokok dan faedah dan mereka terpaksa diselamatkan oleh orang-orang yang tidak dikenalpastikan. Memang adalah satu lagi skandal iaitu pelaburan KSM, MPH B di mana Presiden MCA didapati membohong apabila beliau menafikan bahawa terdapat 3 buah syarikat yang berminat untuk membeli secara borong 19.7% saham MPH B dan berikutnya Yang Berhormat Timbalan Presiden MCA ikutlah cara saya, formula saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti sekejap. Sekali lagi inginlah saya mengingatkan Yang Berhormat menghadkan ucapan Yang Berhormat terhadap Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir, jangan pergi jauh sangat, menyimpang sangat.

Tuan Lim Kit Siang: Ini contoh, ini masalah besar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ini kenyataan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya bangkitkan ini oleh kerana nanti saya mahu tanya, adakah penubuhan Syarikat-syarikat Luar Pesisir, lagi satu jalan untuk tax haven kepada crooks politik, crooks korporat, baik pun dalam MCA atau UMNO atau di mana-mana. Bagi ramai orang-orang di dalam parti sendiri, Presiden MCA semaimata telah menjadi seorang Nominee Kamunting Corporation dan pula diambilalih sepenuhnya oleh Kamunting. Nampaknya Kerajaan sangat sukar untuk mengambil tindakan terhadap pesalah-pesalah korporat terutama sekali sekiranya syarikat-syarikat tersebut mempunyai pertalian dengan parti-parti memerintah.

Dalam tahun 1988 seorang pemimpin DAP Negeri Selangor, Wee Choo Keong, telah membuat satu laporan polis terhadap Magnum Corporation kerana menyalurkan \$32 juta menerusi sebuah syarikat bernama Serita Development Sdn. Bhd. dan wang yang disalurkan itu adalah bagi kegunaan MCA. Wee Choo Keong telah menerima sepucuk surat daripada Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman pada tahun lalu yang mengatakan bahawa pihak Polis telahpun menyiapkan penyiasatan dan kertas-kertas penyiasatan telahpun diserahkan ke kamar Peguam Negara. Pihak Polis juga telah mengesyorkan supaya pendakwaan dijalankan. Beberapa hari dahulu Wee Choo Keong telah menerima

sepucek surat lagi daripada Pengarah, Jabatan Siasatan Jenayah, Dato' Zaman Khan yang memberitahunya bahawa jabatannya telah menyiapkan penyiasatan ke dalam skandal \$32 juta itu. Menerusi saham-saham yang dimiliki dalam Multi Purpose Holdings Berhad, Kamunting menguasai hampir 40% saham Magnum. Adalah menjadi satu rahsia terbuka bahawa Ketua Kamunting, T. K. Lim adalah kawan rapat Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib bin Othman dan kedua-dua mereka ini sering bercuti bersama di luar negeri,

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, apa kena mengenanya dengan Syarikat Luar Pesisir?

Tuan Lim Kit Siang: Sekarang sudah sampai. Ingin saya menanya sama ada sebab mengapa Peguam Negara enggan bertindak ke atas pengesyoran Polis supaya Magnum didakwa kerana skandal \$32 juta yang berlaku di dalam Syarikat Serita Development Sdn. Bhd. itu adalah disebabkan hubungan rapat antara Tan Sri Abu Talib Othman dan T.K. Lim? Apakah T.K. Lim kini sudah terkecuali atau "immune" daripada undang-undang? Apabila penyelewengan yang sangat nyata di mana Polis sudah habis siasatan dan membuat perakuan untuk prosecution dan tidak ada tindakan diambil ini menunjuk begitu serius skandal penyelewengan korporat politik khasnya apabila korporat dan politik bercampur.

Dengan berlatarbelakangkan skandal korporat dan politik ini saya harus bertanya sama ada Labuan akan menjadi tax haven untuk wang rasuah dan keuntungan haram yang diperolehi oleh rakyat Malaysia yang mempunyai pertalian politik yang erat. Tidak gunalah kita meluluskan undang-undang korporat sama ada untuk Syarikat-syarikat Luar Sisir, Pesisir atau dalaman sedangkan suasana yang wujud adalah satu suasana yang tidak mempedulikan

langsung etika korporat dan kelakuan awam. Adalah amat sukar untuk mendapatkan dunia korporat menunjukkan sifat-sifat kejujuran, kebersihan dan integrity sedangkan pemimpin-pemimpin politik yang ramainya daripada mereka terlibat dalam perniagaan di Malaysia tidak menunjukkan teladan yang baik atau sifat-sifat kejujuran dan integrity.

Kita telah menyaksikan satu contoh yang terbaik sekali di Dewan ini pada minggu ini di mana Timbalan Menteri Sumber Manusia secara terbuka dan terang-terang menuduh Yang Berhormat dari Bukit Bintang sebagai bersubhat dengan seorang Amerika, Collingsworth dengan tujuan hendak menarik balik taraf GSP daripada Malaysia dan beliau telah menuduh Yang Berhormat sebagai bergambar bersama dengan Collingsworth itu bagi tujuan ini. Sebenarnya Yang Berhormat Timbalan Memeri tidak memiliki gambar tersebut. Beliau telah mengakui kepada saya pada hari Isnin dan Selasa lalu di Lobby Parlimen bahawa beliau tidak milik gambar yang menunjukkan Yang Berhormat dari Bukit Bintang dan Collingsworth telah digambarkan bersama tetapi sebaliknya beliau mempunyai dua gambar berasingan yang menunjukkan ...

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, oleh sebab Usul itu akan dibentangkan sepertimana yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat dan oleh kerana tadi Yang Berhormat juga khuatir sangat kalau-kalau tidak cukup masa untuk Ahli-ahli Yang Berhormat lain untuk membahaskan Rang Undang-undang hari ini. Jadi, saya rasa cukuplah Yang Berhormat, berbalik kepada Rang Undang-undang yang kita bahaskan petang ini.

Tuan Lim Kit Siang: Ini berkenaan Rang Undang-undang, public integrity. Kalau tidak ada public integrity yang ditunjukkan, apa guna Rang Undang-undang diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu memang ada masa untuk kita membahaskan. Tumpukanlah kepada Rang Undang-undang hari ini.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya akan tumpukan, habiskan perenggan ini. Apa yang beliau ada ialah dua gambar berasingan yang menunjukkan Yang Berhormat dari Bukit Bintang bersama dengan para pekerja dan satu lagi gambar berasingan yang menunjukkan Collingsworth bersama-sama dengan para pekerja. Namun demikian beliau tidak brasa malu untuk terus mengatakan setiap hari di Dewan ini bahawa beliau memiliki gambar tersebut dan terus mendakwa Yang Berhormat dari Bukit Bintang adalah seorang anti nasional dan hampir penderhaka.

Sektranya seorang Timbalan Menteri boleh berdusta sedemikian maka bagaimana kita boleh mengliarapkan sifat-sifat kejujuran dan integrity dalam penghidupan awam baik di dalam dunia politik atau korporat. Adalah jelas Barisan Nasional tidak perhatian sangat isu GSP tetapi sebaliknya ingin menggunakan isu tersebut untuk memainkan politik kepartian. Saya tahu di dalam mesyuarat Pre-Council Ahli-ahli Barisan Nasional yang diadakan pada IOhb Jun, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah mengarahkan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional supaya menyerang DAP atas isu GSP ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengetuai serangan di kalangan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang sudah pun ditauliahkan sebagai pembohong dan saya harap bahawa ...

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Kiat): Yang Berhormat, nanti sekejap!

Saya telahpun berkali-kali memberikan teguran mengingatkan Yang Berhormat supaya jangan menyimpang sangat daripada tajuk ataupun Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir.

(*Disampuk*) Sekiranya Yang Berhormat masih hendak meneruskan ucapan yang menyeleweng, saya terpaksa bertindak menurut Peraturan Mesyuarat 44(1) (*Disampuk*), iaitu memerintahkan Ahli yang berkenaan berhenti bercakap. Itupun saya kena beri teguran terlebih dahulu. (*Disampuk*)

Jadi, saya berharap Yang Berhormat jangan menyeleweng sangat daripada Syarikat Luar Pesisir ini. Sila teruskan. (*Disampuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Sebenarnya saya sudah habis, tetapi saya mahu teruskan. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Kiat): Teruskan kalau ada point yang baru.

Tuan Lim Kit Siang: Di dalam Rang Undang-undang ini isu yang mustahak ialah integriti.

Kila mahu Syarikat Luar Pesisir ini tidak digunakan sebagai suatu shelter di mana pemimpin-pemimpin politik boleh sembunyikan wang rasuah mereka dan kita harap bahawa kita boleh dapat kejujuran semua orang baikpun yang duduk dalam kerusi atau bukan dalam kerusi, baikpun dalam Dewan ini ataupun luar Dewan.

Tak berguna kita ada orang-orang yang hipokrit, cakap satu buat lain. Dan inilah persoalannya iaitu untuk siapa "tax haven" ini? Adakah "tax haven" ini diharapkan pada suatu hari menjadi "tax haven" untuk pemimpin-pemimpin MCA, UMNO, Gerakan dan lain-lain? Saya tahu bahawa kedua-dua Menteri MCA ada di sini oleh kerana mereka rasa bahawa ini adalah baik untuk "puak-puak" mereka. Tetapi saya harap mereka boleh menunjukkan teladan yang baik, jangan pula membuat penyelewengan seperti yang selalu dibuat khasnya oleh kawan saya Timbalan Presiden MCA.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Kiat): Yang Berhormat dari Kepong.

4.55 *ptg.*

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir seperti yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ini mungkin telah digubal dalam masa empat-lima bulan oleh segolongan pakar daripada Jabatan Hasil Dalam Negeri, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan juga Kementerian Kewangan. Di dalam tempoh lima bulan ini, enam Rang Undang-undang ini dapat digubalkan dengan tergesa-gesa dan tergopoh-gapah, tetapi pihak kami hanya diberi 48 jam untuk meneliti Rang Undang-undang yang begitu rumit yang merangkumi banyak kepakaran.

Adalah mustahil bagi pihak kami di dalam beberapa jam sahaja untuk meneliti dan untuk memahami apa yang terkandung dan tersurat serta tersirat di dalam keenam-enam Rang Undang-undang yang dibentangkan pada hari ini.

Saya hendak mencabar Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau faham 100% isi kandungan, implikasi serta konsekuensi enam Rang Undang-undang di hadapan kita ini.

Saya berharap dia dapat menjawab dan menyahut cabaran seperti ini. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak dapat memahami Rang Undang-undang yang seperti ini bagaimana beliau dapat membentangkannya untuk diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini? (*Tepuk*)

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, yang mustahaknya Rang Undang-undang ini memerlukan pakar-pakar cukai, pakar-pakar insuran, pakar-pakar syarikat, pakar-pakar perniagaan antarabangsa, pakar-pakar guaman yang khusus untuk syarikat-syarikat luar pesisir, dan untuk

menggubalkan Rang Undang-undang seumpama ini mungkin 50 orang ataupun 100 orang pakar ataupun lebih diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya benar-benar bercita-cita rakyat, bercita-cita untuk kepentingan rakyat, memang Tuan Yang di-Pertua sedar bagaimana mustahak dan betapa pentingnya kita diberi masa untuk meneliti Rang Undang-undang ini. Sekiranya cita-cita Kerajaan hendak menjadikan Labuan sebagai IOFC untuk memanfaatkan rakyat semata-mata, kami mestilah bersetuju dengan konsep seperti ini. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan haruslah memberikan masa yang cukup untuk mendalami Rang Undang-undang ini sekurang-kurangnya dua atau tiga minggu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beri conioh mengapa Rang Undang-undang seperti ini tidak boleh dibentang dan diluluskan dengan tergopoh-gapah. Satu contohnya, pada sesi yang lalu, Kerajaan ada meluluskan Akta Bahasa Kebangsaan (Pindaan) 1990. Ekoran daripada kelulusan itu, Tuan Yang di-Pertua, timbullah banyak kepincangan, banyak masalah dan kesusahan untuk menjalankan haleswalJudiciaiy. Misalnya, di dalam prosiding yang hendak disegerakan sekarang dengan perintah pentadbiran dibenarkan menggunakan bahasa Inggeris, walhal Akta tersebut dan perintah daripada Ketua Hakim Negara telah menetapkan tarikh untuk menggunakan Bahasa Malaysia di dalam prosiding-prosiding mahkamah. Sijil untuk perkara yang hendak disegerakan boleh menjelaskan perkara-perkara di dalam bahasa Inggeris dan prosiding-prosiding boleh menggunakan bahasa Inggeris dengan discretion mahkamah.,

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, itu soal kehakiman, apa kaitannya?

Dr Tan Seng Giaw: Ya, memang kehakiman, satu contoh di mana Akta Bahasa Kebangsaan yang bukan begitu rumit berbanding dengan Rang Undang-undang yang dikemukakan hari ini boleh mewujudkan begitu banyak loopholes, kelemahan sehingga Akta itu tak dapat dikuatkuasakan, kecuali dengan perintah pentadbiran. Banyak perkara lagi di dalam Akta tersebut yang mewujudkan kesusahan yang terpaksa diabaikan.

Dengan ini saya hendak menekankan di sini Rang Undang-undang yang begitu rumit ini mesti mewujudkan kelemahan (loopholes) di mana kalau ada syarikat multi-national yang diperbadankan di Labuan kelak boleh menggunakan kelemahan-kelemahan ini. Ini bukan melibatkan wang beberapa ribu ringgit sahaja, berbillon-bilion ringgit. Kalau wujudnya kelemahan-kelemahan seperti ini apakah yang hendak dibuat oleh pihak Kerajaan. Adakah ini bermakna Menteri yang berkenaan ataupun Menteri Perdagangan dan Perindustrian akan menggunakan perintah pentadbiran untuk mengabaikan. Rang Undang-undang seperti ini. Itu soal yang pokok, tak boleh kita hendak tubuhkan syarikat-syarikat antarabangsa ini, multi-national, transnational yang mempunyai banyak wang yang berbilion-bilion ringgit. Kalau ada kelemahan-kelemahan yang wujud di dalam Rang Undang-undang ini memang mereka dapat menggunakan dengan sepenuhnya dan siapa yang rugi, rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa soalan timbul di dalam Rang Undang-undang ini. Yang pertamanya, bagaimana Kerajaan dapat mewujudkan satu suasana untuk meyakinkan pihak syarikat-syarikat multi-national atau transnational kerana apa yang disebutkan sebagai IOFC ini faktor yang utamanya ialah keyakinan. Kalau tidak ada keyakinan, syarikat-syarikat transnational tidak akan menggunakan kemudahan-kemudahan di Labuan

kerana sepertimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, negara-negara lain, pulau-pulau yang lain mempunyai kemudahan-kemudahan seumpama ini, termasuk Cayman Islands, Channel Islands, Isle of Man ...

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, sekejap.

Tuan Sim Kwang Yang: Ahli Yang Berhormat dari Kepong sedar sekarang baru 10 ataupun 11 orang Ahli Parlimen dalam Dewan ini sahaja, Yang Berhormat dari Kepong bersetuju. Nampaknya Barisan Nasional lagi berminat dengan pilihanraya parti MCA ataupun pilihanraya umum. Kalau begini tak payah terus lanjutkan mesyuarat satu hari lagi, sekarang boleh tutup pintu semua, balik ke rumah duduk diam-diam, Adakah dia sedar?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat minta penjelasakah ataupun atas peraturan?

Tuan Sim Kwang Yang: Ya, saya minta penjelasan. Ini ada kait-berkait dengan cara pembentukan Rang Undang-undang dan cara proses demokrasi Parlimen. Ini saya minta dia komen.

Dr Tan Seng Giaw: Saya setuju dengan rakan saya dari Bandar Kuching, yang disebut oleh beliau adalah benar dengan bilangan ahli yang ada di dalam Dewan ini yang begitu kecil menunjukkan para Ahli Parlimen, terutamanya dari Barisan Nasional tidak berminat di dalam Rang Undang-undang yang peri mustahak ini dan mereka tidak bertanggungjawab langsung, tidak mengambil berat...

Tuan Sim Kwang Yang: Minta penjelasan. Adakah Ahli Yang Berhormat dari Kepong sedar bahawa

dalam konvensyen Parlimen, parti yang mempunyai majoriti mempunyai onus untuk membekalkan kuorum, bukan parti Pembangkang. Nombor satu,

Nombordua. adakah Yang Berhormat dari Kepong sedar tadi selepas Yang Berhormat dari Tanjong habis berucap, Yang Berhormat dari Kepong berdiri, seorang ahli Barisan Nasional tak nampak dia berdiri mahu membuat ucapan. Adakah ini bermaksud bahawa Rang Undang-undang ini, yang saya pun kurang faham, sebab ia baru dibentangkan sebelum saya ada chance meneliti. Adakah bermakna bahawa Rang Undang-undang ini akan dibuldoze dengan 10 usul dan Rang Undang-undang lain. Adakah ini sikap serius yang patut kita jalankan sebagai Ahli Parlimen, tidak kira parti. Ini salah. Adakah dia bersetuju?

Dr Tan Seng Giaw: Saya sangat setuju dengan Yang Berhormat dari Bandar Kuching kerana sikap pihak Barisan Nasional memang tidak mengambil berat Rang Undang-undang seperti ini, termasuk Rang Undang-undang yang lain yang akan dibentangkan oleh Kementerian-kementerian yang berkenaan. Mereka hanya berminat di dalam hal GSP ataupun SKA. Skim Keistimewaan Arau yang arau-mengarau, aduk-mengaduk, bancuh-membancuh sehingga timbulnya kacau-bilau. Itulah SKA yang mereka berminat dan juga . . .

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Bandar Kuching.

Tuan Sim Kwang Yang: Oleh sebab Yang Berhormat dari Kepong, rakan parti saya sudah bersetuju, saya minta mengikut Peraturan Mesyuarat, kira kuorum.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Setiausaha, tolong bilang. Kurang 26 Ahli, Tolong bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): 35 orang, cukup korum, teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada sebutkan betapa peniingnya untuk mewujudkan keyakinan kepada pihak syarikat-syarikat multi-national untuk melaburkan di Labuan. Dankalausek Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan Nasional seperti Ahli Yang Berhormat dari Arau yang dapat menggunakan KSA untuk memperpolitikkan untuk mewujudkan keadaan kacau-bilau, jadi keyakinan seperti ini tidak akan wujud. Dan juga Yang Berhormat dari Telok Kemang pun dia hanya suka mempat-gulipatkan GSP ataupun KSA ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila hadkan ucapan kepada Rang Undang-undang. (*Disampuk*) Jangan pergi jauh sangat. Sila teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, memang kegiatan Yang Berhormat dari Telok Kemang untuk mempat-gulipatkan GSP itu memang menjejaskan keyakinan. (*Tepuk*)

Seorang Ahli: Bodoh, dia ular.

Dr Tan Seng Giaw: Memang menjejaskan keyakinan. Tuan Yang di-Pertua. . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan, Yang Berhormat dari Kepong, masa berjalan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ada gangguan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan, Yang Berhormat. Kerusi di sini, bukan di sana.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyatakan dengan terus-terang, dengan izin, "We intend to set it up as soon as possible and we will do everything to make it workable, to set up the tax haven as soon as possible and we will do everything to make it workable." Ini satu sikap, memang kalau dijalankan dengan beil, kita boleh setuju, tetapi dengan begitu gopoh-gapah membentangkan Rang Undang-undang seperti ini kita tidak boleh setuju, kerana ini terlalu rumit sehingga Yang Berhormat Timbalan Menteri pun dia terkeliru sedikit. Walaupun Hongkong mempunyai dasar-dasar cukai liberalnya bukanlah satu tax haven seperlimana yang kita bentangkan di sini—bukan IOFC—Hongkong. Begitu juga Singapura. Tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri dia keliru. Dia keliru tidak dapat memahami dengan seratus peratus.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengatakan beliau hendak menarik transnational, multinational, untuk melabur di Labuan dengan secepat mungkin kerana dia kata dia dapat ekuiti asing yang diluluskan oleh MIDA telah meningkat 168% pada tahun yang lepas. Dan lebih 80% lagi di dalam tempoh 6 bulan. Itu hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tetapi cara yang digunakan itu tidak tepat, terlalu gopoh-gapah. Saya bagi satu contoh, Tuan Yang di-Pertua. Di Pulau Langkawi, berbilion-bilion ringgit dicurahkan untuk memajukan infrastruktur.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching bangun, hendak apa?

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, ini kurang memuaskan, masih tidak ada kuorum. Sepuluh minit belum sampai orang masuk, keluar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat bangun atas Peraturan berapa?

Tuan Sim Kwang Yang: Kalau tidak mahu bermesyuarat, balik rumahlah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Jangan berucap Yang Berhormat!

Tuan Sim Kwang Yang: Kuorum tidak cukup, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Okay. Sila duduk! Setiausaha, sila bilang—26, Sila bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli kira, 32 Ahli hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): 32 orang, cukup kuorum. Yang Berhormat dari Kepong teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, malangnya sikap Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan Nasional tidak begitu jujur untuk menyertai perbincangan Rang Undang-undang yang peri mustahak ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap dengan adanya Rang Undang-undang ini syarikat-syarikat transnational dapat melaburkan di negara ini melalui Labuan. Walau bagaimanapun, satu soalan timbul, apakah faedah yang akan kita perolehi, apakah faedah? Tuan Yang di-Pertua, sebelum Tuan Yang di-Pertua datang ke Dewan yang mulia ini pada tahun 1984, Yang Berhormat dari Sandakan pernah bangkitkan soal seperti ini apakah faedah akan diperolehi oleh orang-orang Labuan, orang-orang Sabah

dan orang-orang di Malaysia semasa Labuan dijadikan Wilayah Persekutuan dan kemudian dijadikan kawasan bebas cukai serta pusat pentagaan barter.

Apakah faedah yang akan diperolehi oleh rakyat di Malaysia. Memang Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyatakan bahawa dengan kedatangan multinational itu, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, he said, "the expected boom in Labuan would spilt over to the people with the creation of more jobs among other things." Ya, "with the creation of more jobs among other things."

Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali kita hendak jawabkan siapa yang akan dapat faedah ini. Orang-orang yang memiliki tanah di Labuan, orang-orang yang mempunyai pelaburan besar di Labuan, orang-orang inilah yang akan memperolehi faedah yang terbesar, bukan rakyat. Dan apabila Yang Berhormat dari Sandakan membangkitkan hal seperti ini dengan angka kerana beliau tidak dapat mengesahkan, beliau digusar dan digantung daripada Dewan yang mulia ini. Digantung kerana membangkitkan hal kepentingan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ketiga, apakah amaun yang akan dibelanjakan untuk membina infrastruktur. Kerana kalau kita hendak menjadikan IOFC, kita hendak adakan infrastruktur yang cukup termasuk lapangan terbang antarabangsa, bank-bank, kemudahan-kemudahan telco-komunikasi, perkhidmatan guaman yang pakar dalam syarikat-syarikat luar pesisir dan perkhidmatan perakaunan. Semua ini akan membelanjakan berbilion-bilion ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rang Undang-undang ini saya nampak ada catatan: "Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan pada masa ini."

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh setuju dengan catatan seperti ini kerana apa yang dibangkitkan di sini akan menelan belanja berbilion-bilion ringgit amaunnya. Dan kalau kita tidak ada kos yang dapat dianggarkan, project, the cost; apa gunanya kita dapat membentangkan Rang Undang-undang seperti ini. Yang Berhormat Timbalan Menteri mesti faham apa yang saya sebutkan di sini. Kalau kita tidak ada kos yang dapat dianggarkan, mengapa pula kita bentangkan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum Tuan Yang di-Pertua membina sebuah rumah, Tuan Yang di-Pertua memang membuat anggaran kos, kemudian adakan pelan dan membina rumah. Itulah caranya. Kita hendak adakan IOPC yang tunggal di kawasan atau di rantau ini. Baik kita adakan estimate, anggaran, berapa bilion, kerana kita hendak mengimbangkan faedah-faedah yang bakal diperolehi dengan kelulusan Rang Undang-undang ini.

Di sini ada satu kelemahan yang besar bagi pihak Kerajaan. Sebelum membentangkan Rang Undang-undang ini mesti kita ada satu anggaran.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang keempat. Adakah kita sanggup mengulangi apa yang telah berlaku di Pulau Langkawi. Berbilion-bilion ringgit telah dicurahkan untuk membina infrastruktur sehingga CHOGM diadakan di situ juga. Sehingga banyak lagi rancangan untuk Pulau Langkawi kerana wang yang dicurahkan di situ tidak mewujudkan faedah-faedah yang disebut-sebutkan.

Soalan yang kelima, adakah ini merupakan salah satu cara untuk menyembunyikan syarikat-syarikat yang dimiliki oleh parti-parti politik termasuk syarikat-syarikat UMNO Baru?

Soalan yang keenam, adakah ini untuk mempertingkatkan nilai hartanah dan pelaburan segelintir orang yang memiliki hartanah yang besar di Labuan?

Soalan yang ketujuh, apakah anggaran dan amaun atau kos pengendaliannya bukan sahaja kita terpaksa mencurahkan wang berbilion-bilion ringgit untuk membina infrastruktur akan tetapi kita perlu mengendalikan infrastruktur tersebut. Kos untuk mengendalikan, Tuan Yang di-Pertua, Lapanganterbang Antarabangsa Labuan kelak memang sangat tinggi. Kalau kita tidak mempunyai kepakaran yang cukup untuk mengendalikan syarikat-syarikat luar pesisir, ini bermakna syarikat transnational boleh menghantarkan satu dua wakil untuk ke Lapanganterbang Antarabangsa Labuan kelak kemudian adakan satu pejabat yang kecil dan melalui kelemahan-kelemahan di dalam Rang Undang-undang ini boleh memperbadankan syarikat luar pesisir ini dan membersihkan wang-wang yang diperolehi dengan cara-cara yang tidak mengikut peraturan-peraturan, dengan tidak mengikut undang-undang.

Apakah pekerjaan yang akan diwujudkan oleh syarikat-syarikat seperti ini yang mengambil kesempatan untuk memperbadankan syarikat luar pesisir?

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menyebutkan garis-garis panduan dan dasar-dasar yang akan digunakan oleh pihak Pendaftar Syarikat-syarikat untuk meluluskan permohonan-permohonan bagi menjadikan Syarikat Amanah Labuan.

Ini merupakan satu perkara yang terpenting kerana kuasa Pendaftar Syarikat-syarikat adalah mustahak untuk memastikan, untuk menentukan mana-mana syarikat yang membuat permohonan termasuk syarikat tempatan.

Di dalam Jawatahkuasa saya akan membangkitkan bagaimana pihak syarikat tempatan dapat memperbadankan Syarikat Amanah Labuan walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri mengalakan syarikat tempatan tidak ada cara, tidak boleh menjadikan Syarikat Amanah Labuan. Tetapi ada cara-cara, ada kelemahan-kelemahan di mana mereka ini boleh menggunakan kesempatan, Sebab itulah garis panduan dan dasar-dasar yang ditetapkan bagi Pendaftar Syarikat-syarikat adalah terpenting, kerana kekurangan fahaman Yang Berhormat Timbalan Menteri, beliau tidak sebutkan perkara yang terpenting ini. Sebab itulah saya membuat satu cabaran kepada beliau untuk mengatakan di sini sama ada beliau memahami isi kandungan Rang Undang-undang ini kerana saya sendiri pun tidak begitu faham, cuma beberapa perkara yang timbul daripadanya. Saya tidak sempat untuk merundingkan dengan pakar-pakar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhonnat Timbalan Menteri telah mengaiakan bahawa syarikat luar pesisir hanya boleh menjalankan perniagaan di Labuan tetapi dia tidak sebutkan syarikat-syarikat bukan luar pesisir di Labuan. Patutlah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan apakah akan terjadi dengan syarikat-syarikat bukan luar pesisir di Labuan sekarang, maka rakyat Malaysia yang menjalankan perniagaan bukan luar pesisir ini, baik kita terangkan apakah akan terjadi dengan mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri juga menyebutkan syarikat berhad melalui syer sahaja dibenarkan berniaga di Labuan, akan tetapi beliau tidak menerangkan mengapa syarat ini dikenakan untuk syarikat luar pesisir. Seharusnya perkara yang sebegini diterangkan untuk semua di dalam usaha menjadi IOFC.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Rang Undang-undang ini, satu model tax haven IOFC Labuan mirip kepada model Jersey Island yang memaparkan di antaranya cukai dikenakan ke atas keuntungan syarikat luar pesisir rendah di Labuan. Kadar ini hanya 3%. Mereka yang mempunyai kepentingan dalam syarikat luar pesisir terhadap bukan pemastautin Malaysia. Soalan utama atau asas ialah, adakah definisi, dengan izin, beneficial interest ini seketat seperti yang terdapat di Jersey Island di mana milikan kepentingan tidak dibenarkan biar apa cara pun termasuk beneficial interest, dengan iztn, secara tidak langsung dalam bentuk contingent interest whether equitable, legal or contractual, direct or indirect, dengan izin.

Yang Berhormat Timbalan Menteri mesti menjawab soalan seperti ini. Saya ulangi, Tuan Yang di-Pertua, adakah definisi beneficial interest ini seketat seperti yang terdapat di Jersey Island di mana milikan kepentingan tidak dibenarkan biar apa cara pun termasuk beneficial interest secara tidak langsung dalam bentuk contingent interest whether equitable, legal or contractual, direct or indirect. Kalau kita tidak dapat menjawab soalan asas seperti ini, menjadikan Labuan sebagai IOFC, tidak bererti, tidak akan memanfaatkan rakyat. Sebab itulah pihak Kerajaan mesti menumpukan perhatian seumpama ini.

Kami tidak menaruh keyakinan langsung kepada penguatkuasaan perkara ini di dalam Malaysia khususnya bila kepentingan yang terlibat ialah syarikat-syarikat di bawah kawalan parti-parti komponen Barisan Nasional kerana faktor utama sekali, politik perniagaan berleluasa di negara ini dan keduanya, pegawai Kerajaan yang sepatutnya boleh diharapkan kadangkala ada segelintir tidak melakukan dengan betul, segelintir yang boleh diharapkan untuk menjaga kepentingan rakyat

dengan mengesyorkan warganegara Malaysia tidak mempunyai beneficial interest ialah Pendaftar Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, contoh Lebuhraya Utara-Selatan sangat ketara di mana politik perniagaan dapat menjejaskan beneficial interest ini. Perihal kenaan cukai, kriteria utama ialah kewarganegeraan dan bukan status pemastautin.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa berucap dengan perlahan-lahan kerana saya sendiri pun kadangkala kurang faham dalam hal yang begitu rumit. Perihal kenaan cukai, kriteria utama ialah kewarganegeraan dan bukan status pemastautin. Ini pun tidak terlaksana dalam Akta kerana definisi pemastautin juga merujuk kepada warganegara Malaysia. Definisi yang sangat samar-samar di dalam Rang Undang-undang ini dan definisi ini tidak pernah disentuh oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menunjukkan beliau seperti saya tidak begitu faham di dalam isi kandungan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, di satu pihak, warganegara yang dibenar mempunyai kepentingan dalam syarikat luar pesisir walaupun menerusi syarikat amanah kerana syarikat amanah tidak boleh memberi perkhidmatan kepada warganegara dalam kes ini di bawah Fasal 8 Rang Undang-undang tersebut. Tetapi di dalam Rang Undang-undang D.R.28/90, Fasal 6 membenarkan pemastautin yang termasuk warganegara Malaysia mempunyai kepentingan dalam syarikat luar pesisir menerusi syarikat amanah, ada peruntukan-peruntukan yang boleh digunakan oleh warganegara Malaysia untuk menceburi dan memiliki syarikat luar pesisir menerusi syarikat amanah.

Tuan Yang di-Pertua, jelas sekali Kerajaan terutamanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri pun keliru dan membabi buta sahaja semasa merangka Rang Undang-undang tersebut. Maklumlah, objektif utama

sepertimana dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 8 November, 1989 yang lalu ialah seperti mana saya sebutkan pada awal tadi, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "to set it up as soon as possible and we will do everything to make it workable".

Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah Kerajaan bersedia berikhtiar dan berusaha dengan bersungguh-sungguh ataupun membelakangkan Undang-undang untuk mengesyorkan kejayaan Labuan sebagai tax haven (IOFC) hanya diketahui menerusi masa dan itupun kalau kami berupaya untuk mencungkil keluar maklumat-maklumat penting yang dapat membuktikan ketidakjujuran Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah Yang Berhormat?

Dr Tan Seng Giaw: Panjang lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bercakap sudah hampir sejam dan kita hanya ada dua hari ...

Dr Tan Seng Giaw: Panjang lagi, saya terpaksa perlahan-lahan kerana ini sangat rumit, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kita tidak ada masa, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Kepantasan Tuan Yang di-Pertua ...

Tuan Yang di-Pertua: Minta pendekkan sedikit...

Dr Tan Seng Giaw: . . . saya akan menyegerakan. Tuan Yang di-Pertua, kepantasan serta urgency Kerajaan hendak meluluskan Rang Undang-undang ini terbayang pada tempoh masa yang singkat yang diambil untuk menyiapkan deraf Undang-undang ini. Pengumuman untuk menjadikan Labuan

IOFC hanya diumumkan pada 6 November lalu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan lebih kurang tujuh bulan selepas itu enam Rang Undang-undang sudah siap disediakan. Kami pun tahu latar belakang ataupun kerja untuk merangkakan Rang Undang-undang ini tidak bermula hingga selepas pengumuman dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Yang Amat Berhormat telah berkata semasa itu bahawa jika pembebasan perkhidmatan bank insurans dan sebagainya boleh membawa kepada faedah-faedah sosial dan ekonomi yang bersih dan jelas kepada rakyat, maka Kerajaan akan melaksanakan.

Adakah faedah-faedah daripada tax haven ini sebegitu jelas yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Faedah-faedah mungkin ialah tambahan dalam aktiviti perniagaan, peluang pekerjaan, pemindahan teknologi, excess, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kepada dana asing. Bolehkah Kerajaan memberitahu kita seterang-terangnya jumlah peluang pekerjaan yang boleh diwujudkan, isipadu aktiviti perniagaan yang boleh berhasil, jumlah tambahan dalam perolehan hasil menerusi kutipan cukai 3% daripada syarikat luar pesisir dan sebagainya? Apakah quantum perolehan kesemua faedah ekonomi yang boleh kami perolehi? Takkanlah Kerajaan tidak tahu sekurang-kurangnya anggaran daripada kajian fisibiliti harus dikemukakan kepada kita supaya kita tahu sekurang-kurangnya jumlah faedah yang mungkin diperolehi dalam nilai wang atau unit fizikal.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama, apakah pula kos yang perlu ditanggung oleh rakyat yang telahpun saya sebutkan. Menurut beberapa orang pemerhati, perihal soal peluang pekerjaan tidak akan membawa terlalu banyak manfaat khususnya daripada segi pemindahan teknologi dan perkhidmatan ikhtisas kerana sudah tentunya syarikat luar pesisir akan mengupah

bukan pemastautin untuk jawatan-jawatan tinggi. Aktiviti perniagaan tidak akan berpeluang bertambah jika aktiviti syarikat luar pesisir tertumpu di luar negara.

Dalam aspek percukaian, apakah pula kesannya penubuhan Labuan sebagai IOFC akan ada ke atas perjanjian-perjanjian percukaian dua-hala, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "double taxation agreement" dengan negara-negara dari mana datangnya syarikat-syarikat luar pesisir ini. Bagaimanakah perubahan dalam syarikat-syarikat perjanjian akan menjejaskan aktiviti perdagangan warganegara sendiri, yang bukan sahaja tidak menerima apa-apa pelepasan cukai atau menikmati kadar percukaian yang rendah. Tetapi kini mungkin menghadapi syarat-syarat percukaian yang lebih ketat dan disadvantages, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kepada urusniaganya.

Berbalik kepada soalan Kerajaan, adakah Kerajaan cukup kuat dan kukuh di kedua-dua segi semangat atau kebersihan, keamanan dan kecekapan untuk menjaga kepentingan negara supaya mengelak kemungkinan Labuan ditukar menjadi pusat mencucikan keuntungan-keuntungan haram yang diperolehi daripada penjualan dadah, perjudian dan racketeering, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah menyebutkan ada peruntukan untuk mengelakkan hal seperti ini.

Untuk mengelakkan status Labuan daripada disalahgunakan, Kerajaan sendiri mesti kukuh, bersih, cekap dan amanah. Ini ciri-ciri yang dari masa ke semasa diperlihatkan tidak wujud di dalam tindakan dan pengambilan keputusan Kerajaan, lebih-lebih lagi bila ia melibatkan syahkat kawalan parti politik.

Perkara lain. Tuan Yang di-Pertua, yang mengkagumkan ialah kawalan

pertukaran asing lidak dibebaskan—kawalan pertukaran asing tidak dibebaskan dan tidak ada juga perntukan untuk membenarkan pegangan saham jenis "bearer" iaitu di mana identiti pemilik sebenar tidak diketahui. Ini ialah di antara dua ingredient, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, yang amat mustahak bagi syarikat-syarikat asing yang ingin menubuhkan Syarikat Luar Pesisir di mana-mana tax haven. Maka kami amat sangsi mengenai hasrat sebenar atau kegunaan sebenar IOFC ditubuh di Labuan.

Kesangsian kami bertambah-tambah bila difahamkan bahawa kebanyakan daripada syarikat-syarikat multinational atau transnational sudah pun mempunyai Syarikat Luar Pesisir dan lax haven yang tersedia wujud seperti, Bahamas, Jersey Island, Cayman Islands, Isle of Man, Bermuda dan sebagainya. Mereka sudah mempunyai syarikat-syarikat di kawasan-kawasan yang tersebut, adakah cukup insentif bagi mereka untuk mengadakan syarikat di Labuan lagi? Siapakah yang sebenarnya sasaran Kerajaan bila ia mengambil ketetapan untuk menubuh sebuah IOFC di Labuan? Adakah ini juga hasrat Kerajaan untuk sengaja, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, inflate harga-harga tanah supaya pemunya tanah yang dipercayai datang daripada pucuk pimpinan Barisan Nasional sendiri perolehi durian runtuh.

Akhiraya, Tuan Yang di-Pertua, soal minat siapakah yang Kerajaan ingin menarik, juga amat penting bagi tujuan lain, iaitu untuk menentukan haluan pembangunan Labuan, untuk menentukan haluan pembangunan Labuan iaitu sama ada sebagai basin, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, industri Malaysia atau sebagai financial base atau pusat kewangan di rantau ASEAN. Jika Labuan dimajukan sebagai kawasan perindustrian Malaysia yang baru, maka ini mungkin membawa kesan menjejaskan pembangunan kawasan-kawasan

perindustrian tersedia ada atau yang kelak akan dibina, tetapi tidak mempunyai pelepasan cukai, seperti Labuan, selain menjejaskan perkembangan kawasan industri yang baru atau yang lama, Labuan sebagai tapak industri juga akan menjejaskan keusahawanan tempatan yang terpaksa bertanding dengan pengeluar asing, yang bertapak di Labuan oleh pasaran dalam negeri sendiri, kerana pengeluar asing boleh menjual barang-barang keluaran mereka pada tingkat harga yang lebih rendah kepada pengguna Malaysia disebabkan mereka tidak perlu membayar cukai pendapatan, tetapi hanya cukai import sahaja, manakala pengusaha tempatan membayar cukai pendapatan, tetapi juga cukai jualan dan sebagainya. Ini satu aspek yang perlu diperhatikan oleh pihak Kerajaan supaya dengan pelaburan asing di Labuan yang bebas daripada pelbagai cukai, tidak bersaing dengan industri-industri tempatan yang terpaksa membayar pelbagai cukai. Kalau hal sedemikian berlaku persaingan ini akan mengikis syarikat-syarikat tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, yang pokoknya adakah pengwujudan IOFC di Labuan akan memberi keyakinan yang penuh kepada syarikat-syarikat multinational, transnational yang terbesar. Adakah keyakinan ini akan wujud dan adakah dengan kos yang begitu tinggi, yang berbilion ringgit yang akan dicurahkan untuk membina pelbagai infrastruktur di Labuan akan membawa dan akan mendatangkan faedah-faedah yang setimpal kepada rakyat di Malaysia? Terima kasih.

5.56 ptg.

Tuan Abdul Mulok bin Awang Damit (Labuan): *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat memakan masa berapa lama?

Tuan Abdul Mulok bin Awang Damit: Dalam masa 20 minit, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: 20 minit, selepas itu Menteri akan menjawab.

Tuan Abdul Mulok bin Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir 1990 bagi mengadakan peruntukan mengenai pemerbadanan, pendaftaran dan pentadbiran syarikat luar pesisir dan syarikat luar pesisir asing dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Dalam kesempatan ini saya dan bagi pihak keseluruhan rakyat Wilayah Persekutuan Labuan ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana menjadikan Labuan sebagai pusat kewangan luar pesisir antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir yang kita bahaskan kini mempunyai satu peruntukan yang cukup mantap dan berupaya untuk menarik pelabur-pelabur untuk datang ke Labuan. Peruntukan merupakan 50% abatment of the tax selama 5 tahun kepada pendapatan firma-firma perakaunan, syarikat guaman serta syarikat pembinaan serta pengecualian cukai setem adalah merupakan langkah-langkah baik demi untuk memastikan Labuan mempunyai perkhidmatan sokongan profesional yang mencukupi dan seterusnya memajukan pembangunan infrastruktur yang bersesuaian,

Tuan Yang di-Pertua, pengumuman Kerajaan pada 6hb November, 1989 untuk menjadikan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai kawasan Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa adalah merupakan satu langkah yang berani dan berpandangan jauh. Lanya telah menarik minat masyarakat peniaga antarabangsa dan juga tempatan. Hasil tinjauan oleh pakar ekonomi antarabangsa telah menunjukkan bahawa

Malaysia telah mendahului negara-negara Asia yang lain dari segi jumlah kemasukan pelaburan asing ke negara ini pada akhir suku tahun 1989 yang lalu. Angka tunjuk pada tahun 1990 juga meyakinkan, di mana pertumbuhan ekonomi negara adalah di tahap 2.7% dan ianya dijangka akan meningkat pada tahun 1991. Oleh yang demikian, langkah menjadikan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir adalah satu tindakan yang tepat pada waktunya.

Selain daripada terus memajukan Labuan secara langsung, langkah ini juga menjadi "complement" kepada segala usaha-usaha Kerajaan hari ini untuk menjadikan Malaysia sebagai Pusat Pelaburan di ramau Pasifik ini. Langkah ini juga menjadikan "complement" kepada usaha-usaha yang telah dan sedang dijalankan . . .

Tuan Gerard Math Lee Min: Tidak cukup kuorum.

Tuan Yang di-Pertua: Sila bilang. 22 orang, tidak cukup. Bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira. 34 Ahli hadir)

Tuan Yang di-Pertua: 34 orang, sudah cukup kuorum. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mintalah kita mencukupkan kuorum, kalau tidak kita kehilangan masa bagi bunyi loceng, lepas itu tunggu Ahli Yang Berhormat masuk. Hari ini sudah berapa kali saya dengar itu dan saya haraplah kerana kita ada hanya satu hari lagi dan kita masih ada banyak lagi Rang Undang-undang yang kena dihabiskan. Yang Berhormat dari Labuan sila sambung.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, langkah ini juga menjadikan "complement" kepada usaha-usaha yang telah dan sedang dijalankan untuk memajukan dan membangunkan Labuan sebagai "entreport" dan pusat dagangan di rantau

ASEAN, seperti yang dihasratkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 19hb Mac, 1984, semasa membentangkan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2), 1984 yang berbunyi "Kerajaan Persekutuan akan berusaha untuk meningkatkan peranan Labuan sebagai sebuah Pelabuhan Bebas dan Pusat Perniagaan bagi ASEAN dan inilah yang menjadi falsafah pembangunan Labuan selepas 16hb April, 1984. Yang Amat Berhormat juga menyatakan bahawa Labuan adalah sebuah tempat yang istimewa berhubung dengan Sabah dan Sarawak, Pulau ini pernah menjadi pengkalan bagi tentera British, tentu sekali pulau ini penting dari segi kedudukannya yang strategik dan oleh kerana kita mewarisi pengkalan itu daripada pihak British, maka sewajarnya kita memberikan pulau ini penghargaan dan status yang sama seperti yang telah diberikan kepadanya oleh pihak British. Saya petik juga, "Kerajaan Persekutuan akan terus berusaha meningkatkan peranan Labuan sebagai Pelabuhan Bebas" dan kenyataan ini di antara lain menunjukkan kesungguhan Kerajaan Persekutuan dalam membangunkan Wilayah Persekutuan Labuan ke arah pembangunan.

Wilayah Persekutuan Labuan berpotensi untuk dibangunkan ke arah yang dihasratkan dengan potensi yang wujud, tetapi walau bagaimanapun matlamat sebelum potensi-potensi ini dapat digunakan untuk mencapai matlamat-matlamat pembangunan itu beberapa masalah perlulah diatasi. Selepas 16hb April 1984, Labuan tiada mempunyai agensi khas yang bertindak aktif untuk membangunkannya dan ketiadaan agensi ini menambahkan lagi masalah yang wujud serta ketidak seragaman pelaksanaan undang-undang telah menjadikan Wilayah Persekutuan Labuan mundur dengan usaha-usaha pembangunan serta pelaburan terhenti.

Hasrat Kerajaan untuk memajukan Labuan tidaklah dapat kita nafikan. Selepas Labuan dijadikan Wilayah Persekutuan Labuan menjadi sebahagian daripada Wilayah Persekutuan, Kerajaan telah berusaha sedaya upaya untuk mewujudkan Labuan sebagai pusat pelaburan dengan mengadakan peruntukan serta infrastruktur yang mencukupi, Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan beratus juta ringgit untuk memajukannya. Misalnya Kerajaan telah membelanjakan \$ 100 juta lebih untuk mengadakan bekalan air ke Labuan dan Kerajaan juga menyediakan tapak-tapak perindustrian yang mencukupi, malangnya pelabur tidak mahu datang ke Labuan. Dan oleh sebab itulah maka saya katakan Labuan mempunyai ataupun merupakan kawasan yang bermasalah. Selain daripada itu galakan-galakan seperti Akta Galakan Pelaburan 1986 serta disincentive cukai dan sebagainya yang telah berjaya membangunkan sektor Industri pembuatan, pertanian di Malaysia. Tetapi kedua-dua galakan dan disincentive untuk pembuatan dan pertanian itu tidak sesuai untuk pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai pelabuhan bebas dan pusat perniagaan bagi ASEAN.

Manakala industri pembuatan pula pasaran eksport tidak sesuai dibangunkan di Labuan. Ianya akan mewujudkan persaingan di antara Wilayah Persekutuan Labuan dan kawasan-kawasan Free Trade Zone yang lain serta tempat-tempat licence manufacturing warehouses di tempat lain. Maka kedua-duanya ini mempunyai lebih banyak kelebihan daripada ianya diwujudkan di Labuan. Jadi, Labuan hanya akan berjaya jika mahu dimajukan dalam sektor ini dengan memberikan banyak subsidi daripada Kerajaan Persekutuan yang kita rasa agak mustahil untuk diberikan. Manakala aktiviti pertanian pula tidak sesuai dibangunkan di Labuan kerana

Labuan mempunyai kawasan pertanian yang terhad. Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa memberikan status yang baru ini akan dapat memberi peluang bukan sahaja membangunkan Labuan itu secara langsung malah kita juga akan dapat membangunkan kawasan-kawasan persekitarannya atau kawasan tadahan yang berdekatan dengan Labuan di Negeri Sabah, Sarawak dan Semenanjung malah Brunei.

Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai kepercayaan dengan status yang baru ini akan menarik lebih ramai pelabur dari institusi kewangan antarabangsa, syarikat pelabur antarabangsa yang sekali gus akan merangsang pertumbuhan industri perkhidmatan seperti insuran, offshore banking, syarikat-syarikat perunding serta pendaftaran kapal, investment management dan syarikat-syarikat amanah yang akan dapat menambahkan hasil tukaran asing. Pertumbuhan dalam sektor perumahan, bangunan komersial dan juga akhinya pelancongan juga akan dapat dimajukan. Jadi, kesemua aktiviti-aktiviti ini sedikit sebanyak akan membuka peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang perlu dilakukan atau dijalankan ketika ini ialah bagi merangka satu pendekatan dan peraturan-peraturan serta polisi untuk membolehkan Labuan beroperasi sebagai sebuah pusat pelaburan luar atau sebagai sebuah pusat cawangan luar pesisir antarabangsa yang berdaya maju dan juga mempunyai daya tarikan sebagai sebuah pusat full page tax haven atau international offshore financial centre.

Cadangan untuk menjadikan Labuan sebagai kawasan atau pusat kewangan luar pesisir adalah merupakan pilihan yang tepat kerana lokasinya secara kasar terletak di tengah-tengah di antara Hong Kong, Manila, Jakarta, Singapura, Bandar Ho Chi Minh, Vietnam, Taiwan,

Korea, Australia dan Tokyo. Selain daripada itu status Labuan yang sama ada sebagai sebuah pelabuhan bebas cukai yang mempunyai pelabuhan yang dalam, murah dan terlindung menjadikan kedudukannya lebih strategik yang merupakan aset utama bagi Wilayah Persekutuan Labuan.

Aset ini boleh terus dibangunkan untuk dijadikan teras pembangunan sosio-ekonomi Pulau Labuan jika satu perancangan yang sempurna dapat dibuat dan dilaksanakan.

Oleh yang demikian, saya merasa terkilan sedikit di dalam peruntukan yang diberikan melalui Rang Undang-undang ini di mana ianya mengecualikan perdagangan ataupun operasi perkapalan daripada dijalankan di Labuan. Kitadapatmemahami sekiranya petroleum atau usaha-usaha petroleum ini tidak dibenarkan di Labuan tetapi mengapa aktiviti perkapalan ini tidak dibenarkan di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, walau apa juga pun bentuk perundangan yang kita bincangkan atau yang diwujudkan ini, apa yang penting atau yang harus sentiasa kita ingat ialah persoalannya apakah yang akan menjadi faktor-faktor yang akan dilihat dan dicari oleh para pelabur atau para pelanggan di kawasan tax haven ini nanti dan apakah yang boleh ditawarkan di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, ada setengah Ahli Pembangkang yang telah menyatakan bahawa Kerajaan telah down-break, dengan izin, status yang telah dijanjikan pada suatu ketika dahulu di mana Yang Amat Berhormat menjanjikan Labuan akan dijadikan sebuah tax haven kelas pertama. Tetapi hari ini namanya agak berlainan kerana ianya dinamakan Pusat Cawangan Luar Pesisir Antarabangsa, Perkara ini atau isu-isu ini telah dimainkan oleh para Pembangkang atau ahli-ahli politik tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, nama bagi saya atau geiran-gelaran yang diberikan adalah tidak penting. Misalnya Hong Kong bukanlah merupakan sebuah kawasan tax haven atau namanya lax haven tetapi ianya merupakan kawasan low tax area tetapi beroperasi seperti tax haven malah lebih baik daripada kawasan-kawasan yang menamakan negara mereka tax haven, kerana Hong Kong berjaya menarik dan memajukan sektor pelaburan ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya maksudkan nama tidak penting tetapi kemudahan-kemudahan yang disediakan, yang akan diambil kira dalam menimbangankan sama ada ianya kompetitif dan berdaya maju.

Secara amnya Rang Undang-undang ini mempunyai kekuatan dan saya percaya ianya boleh menarik lebih ramai syarikat-syarikat antarabangsa untuk melabur di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan kedudukan atau status Labuan yang sedia ada dan status Labuan yang akan diwujudkan. Apakah kiranya Kementerian dapat memikirkan suatu langkah atau strategi untuk mengah winkan atau marrying di antara status lax haven ini dengan status duty free port yang sedia ada. Misalnya, Kerajaan dapat memberikan kelonggaran berkenaan dengan port regulation, dengan izin, dengan memberikan peraturan-peraturan yang minima aiaupun intevensi yang minima bagi import dan juga eksport barangan yang dikeluarkan daripada Labuan. Yang kedua, kita meminta pihak Kerajaan memikirkan supaya Kerajaan membangunkan port yang sedia ada supaya ianya dapat, kalau boleh dibangunkan menyerupai Pelabuhan Rotterdam ataupun Dhubai untuk tujuan yang sama ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat lama lagikah hendak berucap? Oleh sebab saya hendak minta Timbalan Menteri menjawab sebelum 6.30 petang hari ini.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: Insya Allah, saya cuba, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga ialah setelah Labuan beroperasi sebagai pusat kewangan luar pesisir antarabangsa ini, kita ingin dapat tahu adakah sebuah authority yang berbentuk one stop agency akan dapat diwujudkan di Labuan untuk mengendalikan segala urusan yang ada diperlukan, dijalankan atau dilaksanakan di Labuan. Misalnya menubuhkan sebuah Majlis ataupun Labuan Development Authority yang bertujuan sekali gus untuk menerima dan menyalurkan segala pembangunan untuk menjadikan Labuan sebagai pusat kewangan antarabangsa yang mempunyai daya maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menanyakan apakah setelah misalnya dalam ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan segala urusan menubuhkan sebuah syarikat boleh dijalankan dalam tempoh kurang daripada satu minggu, iaitu mendaftarkan dan juga menubuhkan sebuah syarikat dan apakah pihak berkuasa tempatan yang akan mengeluarkan lesen-lesen perniagaan tertentu berupaya berbuat demikian, kerana apa yang penting dalam mana-mana jua tax haven di dunia ini ialah efficiency dalam menyediakan, menubuhkan segala urusan perniagaan. Persoalannya sama ada pihak Majlis Kerajaan Tempatan yang berfungsi menjalankan ataupun mengeluarkan lesen-lesen perdagangan atau perniagaan ini mampu untuk berbuat demikian untuk menampung keperluan peniaga antarabangsa ini.

Saya sungguh bersetuju dengan beberapa insentif yang diberikan oleh Kementerian untuk menampung atau menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan sokongan profesional yang telah saya sebutkan tadi. Perkara kedua, kalau boleh saya menambah di sini apakah kiranya juga pihak Kerajaan dapat menimbangkan selain daripada insentif-insentif yang dinyatakan tadi dapat menimbangkan juga untuk memberikan insentif, misalnya floor space rental rebate diberikan kepada syarikat-syarikat sokongan yang saya maksudkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri juga menyatakan bahawa para pegawai expatriate ini akan diberikan multi entry visa. Ini untuk membolehkan lebih ramai lagi skill manpower, dengan izin, untuk datang ke Labuan untuk menjalankan perniagaan mereka. Perkara yang saya bangkitkan di sini, apakah Kerajaan mempunyai satu skim yang lain atau polisi untuk memberi latihan kepada anak-anak tempatan, misalnya dalam dasar Kerajaan ataupun Malaysiansiation policy bagi syarikat-syarikat antarabangsa yang sedia ada, apakah Kerajaan mempunyai satu perancangan untuk tujuan ini.

Dengan ini saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian kerana dapat menyediakan satu Rang Undang-undang yang lengkap. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.26 ptg.

Dato' Loke Yuen Yow; Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian tadi dalam perbahasan Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir 1990 ini.

Izinkanlah saya memberi sedikit sebanyak jawapan atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat masing-masing.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong berpendapat bahawa ada kemungkinan Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir 1990 ini akan disalahgunakan dan ini akan menyebabkan satu lagi skandal korporat dan sebagainya. Sebenarnya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong kurang faham mengenai siapakah yang boleh menikmati kemudahan-kemudahan yang diberikan di bawah Rang Undang-undang ini. Memandangkan bahawa pemastautin Malaysia adalah dilarang dari memegang syer di dalam sebuah Syarikat Luar Pesisir ini, saya telah sebutkan apabila saya membentangkan Rang Undang-undang ini, dan juga memandangkan bahawa Syarikat Luar Pesisir tidak boleh berurusniaga dengan pemastautin Malaysia, maka skandal korporat yang akan melibatkan warganegara Malaysia tidak akan berlaku sekali. Itulah saya katakan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong kurang faham mengenai Rang Undang-undang ini...

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong bangun. Yang Berhormat Timbalan Menteri bercakap mengenai Yang Berhormat dari Tanjong.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang ini menyentuh apa yang

telah saya sebutkan kerana ada peruntukan-peruntukan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa terdapat peruntukan-peruntukan di dalam kccnam-enam Rang Undang-undang ini di mana pemastautin Malaysia dapat menyertai Syarikat Amanah Labuan. Memang ada di dalam, dan saya akan memberi penjelasan yang lebih lanjut di dalam peringkat Jawatankuasa bagaimana mereka dapat mewujudkan.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa pemastautin Malaysia adalah pernah memegang saham syarikat amanah, tetapi di sini saya ingin menerangkan bahawa Ahli Yang Berhormat yang berkenaan tidak payahlah bimbang kerana ini tidak akan seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat akan mengakibatkan skandal korporat yang begitu besar dan siapa yang terlibat dalam syarikat-syarikat amanah akan diketahui oleh Kerajaan apabila Rang Undang-undang ini telah diluluskan dan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup, boleh sambung.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang hari Isnin, 25hb Jun, 1990.

Dewanditangguhkanpadapukul6.30 petang.